

Bil. 3

**Rabu
17 Mac 2010**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
USUL-USUL: Usul Di Bawah P.M. 26(1)(p)	(Halaman 23)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>YB. Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)</i>	(Halaman 28)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
7. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
8. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
9. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
10. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
12. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

13. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
14. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
15. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
16. ” Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
18. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
19. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
20. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
21. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
22. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
23. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
25. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
27. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
28. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
29. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) - UMNO
5. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ T. Murugiah – *Senator*
6. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
8. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
12. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
16. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Puan Heng Seai Kie – *Senator*
17. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

20. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
24. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
25. ” Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRIS
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
27. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
29. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
31. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
34. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Maznah Mazlan – *Senator*
35. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
36. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun, D.S.I.S. – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

40. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato’ Sri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
19. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
20. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
21. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
22. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

24. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
26. “ Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
28. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
29. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
31. “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
35. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
36. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrudin Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO

52. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato’ Sri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
58. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
60. ” Dato’ Seri Utama Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Dato’ Seri Syed Hamid Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. “ Dato’ Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
9. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
25. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
26. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
27. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)

6. Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Haji Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin (Bukit Gantang)

11. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut (Kuala Terengganu)
12. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
13. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
14. “ Dato’ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
15. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
16. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
17. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
18. “ Tuan Haji Nasharudin Mat Isa (Bachok)
19. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
7. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 17 Mac 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada undang-undang mengenai syarat kelayakan/kriteria pengiktirafan sebagai bumiputera di Malaysia perlu diselaraskan misalnya dengan kriteria yang diterima pakai di Sarawak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, istilah bumiputera secara spesifiknya tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang. Secara amnya, kerajaan sering merujuk istilah bumiputera sebagai warganegara Malaysia yang terdiri daripada tiga kategori iaitu:-

- (i) Orang Melayu yang ditakrifkan dalam Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) Anak negeri Sabah dan Sarawak, ditakrifkan dalam Fasal (6) Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan; dan
- (iii) Orang Asli seperti yang ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan.

Setakat ini, kriteria untuk memberi kelayakan kepada seseorang itu sebagai bumiputera adalah berdasarkan kepada tiga kategori ini. Bagi negeri Sarawak, Fasal (1) Perkara 44 negeri Sarawak dengan jelas menyatakan bahawa *native* dengan izin, *has the same meaning as it has in the Federal Constitution for the purposes of the application of Article 153 thereof to native of the state*.

Berhubung dengan kedudukan bumiputera Sarawak, perenggan (6)(a) Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa 'anak negeri' bagi maksud negeri Sarawak ialah seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras dengan izin *race*, yang dinyatakan dalam fasal (7) sebagai ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu. Fasal (7) Perkara 161A memperuntukkan bahawa ras-ras yang dikira sebagai ras asli bagi negeri Sarawak bagi maksud takrif anak negeri dalam fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), kemudian Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

Oleh yang demikian, seseorang yang termasuk di bawah ras-ras tersebut adalah termasuk di bawah maksud anak negeri bagi negeri Sarawak dan dengan itu pada lazimnya dianggap sebagai seorang yang berstatus bumiputera. Manamana orang yang tidak tergolong dalam takrif anak negeri adalah tidak layak diambil kira sebagai kaum bumiputera Sarawak. Memandangkan kerajaan sering merujuk istilah bumiputera sebagai warganegara Malaysia yang terdiri daripada tiga kategori sebagaimana yang disebut sebelum ini, maka tiada keperluan bagi menambahkan apa-apa kriteria atau kelayakan tambahan bagi maksud penyelarasan terhadap kelayakan status bumiputera. Pemakaian status bumiputera telah pun diselaraskan dan digolongkan dalam kategori yang berkenaan sebagaimana diperuntukkan dalam perlembagaan persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan yang terpakai di seluruh Malaysia dengan jelas menyebutkan kategori orang yang berkelayakan dalam perkara itu adalah muktamad serta dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang yang utama. Sebagai makluman juga, tafsiran fasal (6)(a) Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan tidak menghendaki pihak ibu atau bapa atau keduanya digolongkan sebagai anak negeri Sarawak bagi maksud memberi kelayakan kepada anak kelahiran pasangan tersebut. Atas sebab tersebut, pemakaian serta pengiktirafan status bumiputera di Malaysia adalah selaras menurut tafsiran Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan dan jawapan tadi. Saya percaya ramai anak Sarawak sudah berasa lega pagi ini, tetapi saya ada soalan tambahan di sini. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Perkara 161A (6)(a) mengkhususkan ras-ras anak negeri Sarawak melalui perkahwinan campuran bukan dengan ras-ras anak negeri Sarawak akan melahirkan anak bukan ras berstatus anak negeri Sarawak? *Meaning, the resident will not be considered as bumiputera.* Dalam artikel yang sama iaitu Perkara 161A(7) menentukan hanya 23 etnik dan sub etnik yang diiktiraf sebagai anak negeri Sarawak. Padahal mengikut rekod didapati di muzium negeri yang terkini di Sarawak mempunyai 48 etnik dan sub etnik. Oleh sebab peruntukan Perkara 161A(7) memberi makna *exclusivity*, maka yang lain selain daripada 23 etnik yang terkandung dalam artikel tersebut terkeluar daripada status anak negeri Sarawak.

■1010

Takrifan Perlembagaan Persekutuan ini diterima sebulatnya oleh Perlembagaan negeri Sarawak. Dengan itu ribuan anak negeri Sarawak daripada kahwin campuran dan beberapa ribu lagi daripada golongan etnik yang hilang ini, kehilangan status kewarganegaraan yang nyata. Satu lagi Yang Berhormat Menteri, kaum minoriti di Sarawak seperti Dato' Jacob dan saya, jika anak kami ini yang lahir melalui perkahwinan campuran tidak diiktiraf bumiputera, mungkin dalam 50 tahun, kaum kami akan hilang *through inter marriage*.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan Persekutuan sudah memulakan dengan kerajaan negeri agar anomali Perlembagaan ini diperbetulkan dan Perlembagaan Persekutuan dipinda. Saya sedar Barisan Nasional tidak mempunyai 2/3 majoriti tetapi saya fikir isu ini penting dan memerlukan sokongan *by* partisan. Inilah masa yang sesuai untuk kita menguji *resolve* Pakatan Rakyat sama ada mereka ikhlas untuk memperjuang isu berkaitan negeri Sarawak. [Dewan riuh] Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Yang Berhormat. Panjang ucapan Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Sarawak iaitu senarai yang diguna pakai atas sebutan nama-nama suku kaum adalah berdasarkan kepada apa yang digunakan di Sarawak. Tidak mungkin bagi kita di Persekutuan boleh mengenali nama-nama ini kalau ia tidak datang daripada senarai yang datang dari negeri Sarawak. Jadi kalau sekiranya ada nama-nama suku kaum yang tidak termasuk di sini, maka itu mestilah dilakukan oleh pihak daripada kerajaan negeri untuk memaklumkan kepada kita dan Perlembagaan ini *is not cast in stone*. Ia boleh dipinda sesuai dengan untuk memasukkan kalau sekiranya masih ada lagi suku kaum yang lain, yang dianggap tidak disebut di sini untuk dimasukkan di atas permintaan daripada Kerajaan Negeri Sarawak kerana mereka yang lebih mengetahui. Itu yang pertama.

Kedua, kalau seseorang itu berkahwin dengan kumpulan yang lain ataupun *mix marriage*. Pada saya, kalau membaca 161A(6)(a) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*In relation to Sarawak, a person who is a citizen and either belongs to one of the races specified in Clause (7) as indigenous to the state or is of mixed blood deriving exclusively from those races.*"

Ini bumiputeralah. Jadi kalau Yang Berhormat datang daripada *mix marriages*, sekarang ini kita tidak menyebut bahawa bapa itu mesti bumiputera kah, baru jadi bumiputera. Jadi kalau emak pun bumiputera, bermakna dia masih ditakrifkan sebagai bumiputera sebab ia tidak menyebut bahawa *the father must be from one of the races specified in clauses 7*. Ia cuma menyebut bahawa *must be citizen and must belong to one*. Jadi kalau mak bapa dia merupakan bumiputera, maka 161A subsection 6, tidak mengeluarkan mereka dari ditakrif sebagai bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Ya, Yang Berhormat Pokok Sena. Dia banyak bising kalau tidak bagi. [Ketawa]

Datuk Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, jadi kalau hendak dapat kena bising banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Akan tetapi perlu tahulah apa masalah Yang Berhormat. Perlu tahu apa masalah orang Sarawak.

Datuk Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa istilah bumiputera ini tidak ditakrifkan daripada mana-mana undang-undang dan Perlembagaan dalam negara kita. Cuma saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apabila pihak kerajaan mengatakan akan melancarkan Model Ekonomi Baru yang tidak berteraskan kepada satu-satu kaum dalam negara kita. Semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa Model Ekonomi Baru ini akan merobohkan tembok perkauman dalam negara kita. Sudah banyak proses liberalisasi yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menimbulkan keresahan di kalangan - khususnya golongan bumiputera di negara kita.

Jadi, adakah dalam pelaksanaan Model Ekonomi Baru ini, kerajaan masih lagi akan mengekalkan istilah-istilah bumiputera *none* bumiputera dan sebagainya. Jadi dengan maksud saya itu tadi, bagaimana kalau dikekalkan juga istilah itu,

bagaimana hendak mengelak daripada berlakunya permasalahan pertembungan perkauman dalam negara kita?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, slogan 1Malaysia jelas menyatakan bahawa kita berpaksikan kepada perlembagaan. Bermakna apa juga yang kita buat Perlembagaan sebagai undang-undang itu tidak boleh diabaikan. Kalau sesuatu yang kita tidak suka dalam perlembagaan itu, macam Yang Berhormat mungkin daripada hujah tadi saya merasakan tidak lagi mahu kepada bumiputera. Yang Berhormat boleh bawa usul untuk kita pinda perlembagaan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya minta penjelasan, adakah kerajaan tidak akan menggunakan lagi istilah bumiputera dan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *None* bumiputera ini dalam pelaksanaan Model Ekonomi Baru.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebabnya bagi saya bahawa UMNO dan Barisan Nasional sering memainkan persoalan-persoalan perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Seperti mana pegawai khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi, Yang Berhormat jangan jadi... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta maaflah Yang Berhormat Pokok Sena, saya minta kalau Menteri menjawab, apa jua jawapan betul atau tidak betul, kalau tidak sedap hati misalnya perlu dengar juga.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya dengar tetapi saya cuba perbetulkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak boleh macam ini. Ini bukan dialog Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah. Bermakna dia kuat sokong bumiputera punya status dalam perlembagaanlah. Berbeza daripada apa yang kita dengar daripada parti dia. Itu yang saya hendak, dia sahkan. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya yakin, memang Yang Berhormat seorang yang pertahankan bumiputera dan perlembagaan, terima kasih. [*Dewan riuh*] Jadi, saya sudah sebut sebentar... Tidak, kita dengar parti cakap lain, hendak buang semua. Baguslah, ini Naib Presiden cakap, terima kasih Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Parti membuat penjelasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, apa jua yang kita buat mesti berpaksikan apa yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam pun, dalam menjawab soalan nombor satu

menjelaskan bahawa perlembagaan merupakan undang-undang yang kita mesti akur. Apabila kita buat *Economic Model* yang baru, dia bukan hendak hapuskan apa yang ada dan dengan hak bumiputera. Dia mahu supaya kita lebih ada kerjasama macam dalam bidang politik, Barisan Nasional kerjasama dengan bukan bumiputera. Begitu jugalah kita hendak mempromosikan dalam bidang perniagaan supaya ada *joint venture*. Kerjasama antara kedua-dua kaum yang sebenarnya bukan sahaja akan menguntungkan bumiputera, tetapi juga akan menguntungkan kaum bukan bumiputera.

Ini yang kita hendak. Jadi ini tidak bermakna bahawa status ataupun hak istimewa bumiputera itu diketepikan. Dia lebih hendak menonjolkan supaya kita bumiputera dan bukan bumiputera akan bekerjasama untuk kebaikan bersama sebenarnya.

2. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta Menteri Pertahanan menyatakan alasan KD Tunku Abdul Rahman, yang pertama dan satu-satunya kapal selam di Malaysia tidak boleh menyelam di bawah air dan kos pembaikan dan mengapa kurang upaya ini ditemui sebelum Malaysia menerima penghantaran kapal selam tersebut.

■1020

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada hari ini secara bersekali kerana kesemuanya adalah berkaitan. Ahli-ahli Yang Berhormat dan pertanyaan-pertanyaan yang dimaksudkan ialah daripada Yang Berhormat Machang bertarikh 18 Mac 2010, Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 22 Mac 2010, Yang Berhormat Kota Raja bertarikh 25 Mac 2010, Yang Berhormat Kota Belud bertarikh 25 Mac 2010, Yang Berhormat Bukit Bendera bertarikh 29 Mac 2010, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bertarikh 1 April 2010, Yang Berhormat Kota Kinabalu bertarikh 7 April 2010, Yang Berhormat Parit 13 April 2010, dan Yang Berhormat Keningau bertarikh 15 April 2010. Mohon Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, KD Tunku Abdul Rahman telah diterima oleh Kerajaan Malaysia pada 26 Januari 2009. Ia telah berjaya menjalani ujian penerimaan yang menyeluruh dan cukup intensif termasuk dengan izin, *final sea acceptance trial* selama 10 hari pelayaran dan selaman sehingga kedalaman maksimum. Keupayaan kapal selam ini telah dibuktikan sewaktu pelayaran pulang meredah beberapa lautan seperti Laut *Mediterranean*, Laut Merah, Laut Hindi dan Laut China Selatan. Kapal selam ini telah melaksanakan selaman lebih kurang 72% daripada tempoh keseluruhan pelayaran iaitu selaman 31 hari daripada 43 hari di lautan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, masalah teknikal yang dihadapi oleh KD Tunku Abdul Rahman adalah masalah yang juga pernah dialami oleh mana-mana kapal selam lain di dunia. Secara khususnya kapal berkenaan tidak dibenarkan menyelam kerana mengalami sedikit masalah yang mungkin boleh menjejaskan keselamatan selaman. Ini adalah langkah keselamatan biasa pengendali mana-mana kapal selam yang mengamalkan prosedur keselamatan yang sangat ketat. Berdasarkan situasi tersebut, tiada keperluan untuk kerajaan mendapatkan penilai bebas antarabangsa sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak pembangkang kerana

masalah teknikal kapal selam *Scorpene* yang dihadapi telah pun diatasi oleh pembekal dan ujian selaman telah berjaya dilaksanakan pada 22 Februari yang lalu.

Perkara ini juga tidak ada kena mengena dengan unsur-unsur sabotaj pihak luar atau penipuan oleh pihak kontraktor. Jumlah masalah teknikal yang dialami oleh KD Tunku Abdul Rahman semenjak tiba di Malaysia sebagaimana yang dibawa oleh pihak pembangkang juga adalah sedikit dan tidak membimbangkan. Kesemua masalah teknikal yang dialami masih di dalam jaminan dan di bawah tanggungjawab sepenuhnya oleh pihak pembekal. Sekiranya masalah teknikal ini berlarutan, kerajaan mempunyai *option* untuk menggunakan klausa tertentu di dalam kontrak perolehan kapal selam yang menuntut pihak pembekal untuk melakukan pembaikan sehingga berjaya. Tuan Yang di-Pertua, perlu dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, masalah teknikal ini tidak akan menjejaskan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia. Lebih-lebih lagi Tentera Laut Diraja Malaysia dalam mempertahankan kedaulatan negara kerana kapal selam ini masih boleh beroperasi dan mampu melaksanakan peranannya apabila diperlukan.

Menyentuh isu yang dibangkitkan mengenai kos senggaraan kapal selam TLDM, anggaran kos penyelenggaraan dan alat ganti bagi dua buah kapal selam ini dianggarkan berjumlah RM270 juta setahun. Kontraktor penyelenggara masih belum diputuskan oleh kerajaan kerana masih di dalam peringkat rundingan. Saya ingin mengingatkan kita semua, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bukan semua isu ketenteraan, saya ulangi, bukan semua isu ketenteraan dan aset-aset strategik ketenteraan boleh dipolemikkan. Ianya boleh mendedahkan kekuatan atau kelemahan pertahanan negara kita pada pihak luar dan musuh-musuh kita. Sebarang permasalahan yang dihadapi terutamanya yang melibatkan aset strategi kapal selam akan ditangani oleh kerajaan dengan sebaik-baiknya tanpa mengakibatkan ketirisan maklumat-maklumat penting dan strategik jatuh kepada pihak luar. Terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Mengikut jawapan yang telah diberikan tadi, kos untuk kontrak *maintenance* termasuk alat ganti adalah RM270 juta setahun. Mengikut satu kenyataan yang dibuat oleh Syarikat *Boustead Heavy Industries Corporation* Berhad yang telah memberikan satu pengumuman ke Bursa Malaysia bahawa kerajaan telah memberikan kepada anak syarikatnya *Boustead DCNS* surat tawaran bertarikh 3 Jun untuk kontrak *maintenance* yang bernilai RM600 juta setahun. Ini jauh berbeza daripada RM270 juta setahun. Soalan saya ialah kalau anggaran kos hanya RM270 juta setahun, apakah sebab kerajaan mengeluarkan surat tawaran kepada *Boustead* untuk RM600 juta setahun dan kalau *Boustead* tidak akan bersetuju, adakah kerajaan akan menunaikan apa yang dikatakan untuk memastikan semua kontrak adalah *value for money*. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, RM270 juta itu adalah unjuran yang dibuat oleh pihak *maintenance* manakala RM600 juta itu adalah siling. Siling adalah had yang tertinggi bagi *maintenance* berkenaan. Ertinya, ianya tidak boleh melebihi RM600 juta tetapi setakat ini unjuran kita hanyalah RM270 juta. Ertinya pihak kerajaan boleh menjimatkan kos asal yang diunjurkan oleh pihak DCNS dan pihak *Boustead*. Dalam perkara ini, lebih lama sesebuah kapal selam itu, lebih banyak dan lebih tinggi kos *maintenancenya* dan ini harus difahami. Yang Berhormat, kalau kereta buruk banyaklah kos dia. Kalau Yang Berhormat ada kereta baru sebab baru jadi Ahli Parlimen, baru dapat *loan*, kuranglah kosnya. Macam itulah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu apakah negara kita masih selamat tanpa kapal selam ini beroperasi mengikut jadualnya? Apakah negara kita ini tidak ada menerima ancaman daripada negara-negara luar ataupun negara-negara jiran sebab kapal selam ini seharusnya meninjau, memantau akan pergerakan-pergerakan dasar laut daripada musuh-musuh daripada luar. Mohon penjelasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kurang garanglah Yang Berhormat Kinabatangan sejak-sejak ada satu lagi ini.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Kalau Yang Berhormat Pokok Sena jadi Menteri, itulah jawapan dia. Tuan Yang di-Pertua, *Alhamdulillah* negara kita dalam keadaan selamat. Perairan di negara kita juga dalam keadaan selamat. Ini adalah disumbangkan oleh dua faktor. Pertama sekali kerana kita ada perjanjian dengan negara-negara jiran dan juga negara-negara sahabat untuk tidak ada permasalahan dari segi pertahanan. Yang keduanya ialah aset-aset negara kita dalam bidang ketenteraan terutamanya aset-aset strategik digunakan untuk tujuan *surveillance*, bukan untuk provokasi.

Di dalam hal ini, jika kapal selam berada di perairan kita untuk tempoh tertentu dan kita akan mendapat kapal selam yang kedua dalam tempoh terdekat ini, *insya*-Allah kedua-dua kapal selam ini akan diletakkan di Telok Sepanggar dan permasalahan di Laut China Selatan akan dapat dikekal dan ditambahbaikkan dengan kerjasama negara-negara jiran yang ada. Akan tetapi kita tidak akan berkompromi dengan permasalahan-permasalahan dalaman atau luaran yang menjejaskan pertahanan negara kita. Hatta jika ada pihak yang cuba mahu membocorkan maklumat-maklumat ini demi kepentingan organisasinya atau menjual maklumat ini kepada pihak luar ataupun ada pihak yang menggunakan Dewan yang mulia ini untuk menyebutkan aset negara yang strategik ini demi kepentingan mereka.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kalau kapal selam tak boleh timbul macam mana? *[Ketawa]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Banyak orang yang tanya, ada tambahan lagi satu soalan tambahan?

3. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) usaha dan perancangan kementerian bagi memastikan Malaysia tidak terus mengimport makanan daripada negara luar; dan
- (b) kawasan Parlimen Lenggong sesuai dibangunkan dengan Projek Lenggong AGROValley. Bagaimana kementerian boleh membantu menjayakan projek ini.

■1030

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan supaya negara tidak terus bergantung kepada bahan makanan yang diimport dan seterusnya mempertingkatkan tahap sara diri. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian di antaranya ialah:

- (i) meningkatkan pengeluaran makanan melalui pelaksanaan lima projek berimpak besar. *High impact project* iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ladang Kontrak, Pusat Feedlot Nasional (NFC), *Zone Industrial Aquaculture* (ZIA), dan Pembangunan 15,000 usahawan industri asas tani;
- (ii) berusaha meningkatkan pengeluaran padi melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008 – 2010 yang mana kerajaan juga telah menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan parit, tali air, perataan tanah, memberi bajet tambahan, racun perosak, kapur, dan lain-lain;
- (iii) peningkatan pra-aktiviti melalui hasil penyelidikan, dan pembangunan atau pun R&D yang dipindah dan dikomersialkan kepada golongan sasar seperti *variety*, baka, bibit yang berkualiti tinggi, dan rintang penyakit serta penggunaan mekanisasi dan automasi dalam operasi pertanian;
- (iv) memberi inisiatif pengeluaran bagi membantu pengusaha mengurangkan beban kenaikan harga import pertanian supaya mereka terus terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan;
- (v) penyediaan perkhidmatan, perkembangan, dan membantu golongan sasar meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran.

Bagi jawapan (b) Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pembangunan projek di bawah Parlimen Lenggong. Projek *Agro Value* Lenggong merupakan cadangan projek yang baru dicetuskan melalui Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen Lenggong. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak telah memberi kelulusan bagi kawasan Bukit Sapi seluas 4,000 hektar untuk dibangunkan dengan projek-projek pertanian. Kementerian melalui Jabatan Pertanian bercadang untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan di dalam RMKe-10 dan memberi tumpuan kepada projek buah-buahan dan sayuran, ternakan, dan perikanan. Sementara itu, pada tahun 2010 seluas 10 hektar akan dibangunkan dengan Projek Pembangunan Tanah Terbiar di Kampung Belok, Lenggong dengan tanaman pisang dan serai. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan sebentar tadi. Soalan tambahan saya berkaitan dengan jaminan keselamatan makanan, *our foods security*. Pada masa ini, negara difahamkan hanya menghasilkan kira-kira 67% bagi keperluan sara sendiri untuk beras dan menyasarkan kepada 86% tahun ini. Akan tetapi sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri kita masih mengimport umpamanya lembu, setengah-setengah sayur-sayuran, dan lain-lain. Soalan saya, agaknya bilakah sasaran kerajaan supaya negara kita bebas dan tidak lagi mengimport makanan daripada luar kerana kita bimbang dengan keadaan-keadaan keselamatan dan juga perubahan cuaca yang berlaku.

Jikalau berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dengan berkenaan jadi akan menjejaskan makanan negara kita. Jadi bilakah agaknya kita akan terus bebas dan tidak lagi bergantung pada negara luar? Kerajaan sedang membuka jelapang padi yang difahamkan memperkenalkan benih-benih baru dan juga

penggunaan pelbagai baja organik. Bagaimanakah kedudukan pemantauan dan juga kejayaan kepada pembukaan dan juga jelapang-jelapang padi ini terutama di Sabah dan Sarawak? Adakah ada perancangan baru untuk menambahkan tanah-tanah dan juga kawasan-kawasan bagi membolehkan negara kita dapat mengeluarkan dan terus tidak bergantung kepada beras dari negara luar? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Memang benar bahawa sehingga kini kita masih lagi belum mendapat mencapai taraf sara diri yang mencukupi seperti beras. Kita mencapai lebih kurang 70% dan 30% kita masih import. Daging lembu dan kerbau baru 27%, daging kambing biri-biri 10.3%, dan yang lebihan ini ialah daging babi 22%. Ayam dan itik, kita boleh capai penggunaan sendiri. Sekarang ini ada 96.9%, telur ayam sudah berlebihan dan tinggal 14.7%.

Bagi melaksanakan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Lenggong, Kementerian sedang berusaha untuk kita meningkatkan hasil-hasil pendapatan ataupun pengeluaran makanan dan berdasarkan kepada tanah yang tidak lagi berkembang tetapi kita hendak meningkatkan hasil pengeluaran. Kita juga sedar rakyat semakin bertambah tetapi sumber manusia semakin berkurangan untuk mengerjakan dalam sektor pertanian. Oleh itu, Kementerian akan berusaha untuk memberikan berbagai-bagai bantuan supaya tanah yang terbiar ini dapat meningkatkan hasil pengeluaran pertanian yang lebih tinggi dan juga kita akan menggunakan teknologi-teknologi moden untuk kita menambahkan hasil pertanian.

Kedua, kita juga akan berusaha untuk terus membuka ladang-ladang yang baru seperti di Sabah dan Sarawak di mana ada - seperti di Kota Belud kita telah pun merancang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk kita membuka kawasan-kawasan pengeluaran padi yang baru.

Ketiga, kita juga sekarang ini sedang mengenal pasti banyak tanah-tanah yang terbiar yang boleh kita majukan semula supaya tanah-tanah yang terbiar terutamanya ialah sawah-sawah yang terbiar ini dapat kita bangunkan. Keempat, kita juga sedang mengenal pasti kawasan-kawasan di luar negara di mana kita hendak menggalakkan GLC terutamanya membuat pelaburan dalam sektor makanan di luar negara dan akhirnya ia boleh diimport untuk diimport ke dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri jawapan sebentar tadi agak memeranjatkan. Saya merujuk kepada Pengeluaran Padi Negara Beras. Yang Berhormat Menteri sebut sebentar tadi bertahan sehingga sekarang pada kadar 70%. Jikalau kita masih ingat waktu kita berbahas Bajet 2009 yakni pada hujung tahun 2008. Kementerian Pertanian meletakkan sasaran beras negara ini cukup sehingga 86%, *eighty six percent self sufficiency in rice* dengan izin.

Ini tahun 2008 hingga 2010 sasarannya dalam masa dua tahun. Jikalau sebentar tadi Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa pengeluaran sekarang ialah 70%, ini sudah tahun 2010. Maknanya tidak ada peningkatan langsung sasaran untuk mencapai 86%. Jadi, penjelasan harus diberikan kerana berbilion kita gunakan untuk pengairan, khidmat perkembangan pertanian, penyelidikan, benih, dan peruntukan kepada agensi yang terbabit. Sasaran 70% pada tahun 2008 hendak dicapai 86% pada tahun 2010 dan sekarang kita berada di tahun 2010 seperti mana Yang Amat Berhormat Menteri beri jawapan sebentar tadi pengeluaran kita baru 70% sekarang dan tidak ada peningkatan. Apa jadi sebenarnya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Machang. Perangkaan 70% itu ialah purata. Akan tetapi jikalau Yang Berhormat hendak lebih terperinci mengenai peningkatan beras Yang Berhormat bangkitkan sebentar tadi, saya hendak nyatakan di sini daripada nilai-nilai pengeluaran. Tahun 2007 kita mengeluarkan 3,591 tan metrik, tahun 2008 ia meningkat kepada 3,714 tan metrik, dan tahun 2009, ia meningkat 3,893 metrik tan. Jadi, ini menunjukkan bahawa peningkatan dari segi bilangan yang kita kira memang ada peningkatannya. Akan tetapi jikalau dari segi peratus seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, 70% yang saya nyatakan sehingga tahun 2010 tetapi selalunya kita perlu terima hakikat apabila kita cerita fasal peratus ini, kadang-kadang pengiraannya mungkin tetapi ini pengiraan dari segi metrik tan.

■1040

Oleh itu... [*Dewan riuh*] Kemudian Yang Berhormat... Itu yang pertama. Berilah saya habis jawab, inilah masalah dengan pembangkang. [*Ketawa*] Itu saya cerita daripada segi penambahan.

Kedua, jangan lupa, dalam masa kita membuat penambahan pengeluaran beras, kita juga mengalami penambahan penduduk. [*Ketawa*] Apabila berlaku penambahan penduduk, maka bermakna penggunaan beras juga bertambah.

Ketiga, kita juga tidak boleh nafikan bahawa penambahan peningkatan pelancong-pelancong dan juga pendatang-pendatang di dalam negara kita, maka menambahkan lagi...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya sampai bila-bila lah 70%. Dahulu bila set *target* yang hendak bertambah itu, tidak ambil kira kah penambahan penduduk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam beri peluang Menteri menjawablah.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Saya nyatakan tadi ini...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa punya jawapan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Secara *sufficient*. Ia ada dua benda yang boleh beza. Yang pertama saya tadi mula-mula mengatakan ialah peningkatan. Peningkatan, saya sudah sebut dengan rangka cukup jelas dalam bentuk metrik tan setiap tahun. Yang kedua ialah *self-sufficient*. *Self-sufficient* ini ialah purata kegunaan kita.

Jadi dalam tempoh tiga tahun ini, kita tidak nafikan bahawa peningkatan penambahan penduduk dan pengguna beras ini akan boleh menyebabkan bahawa pencapaian *self-sufficient* kita juga akan berkurang. Ini jelas Yang Berhormat. Jadi hanya pembangkang yang tidak faham. Berputar-putar belit, tambah Yang Berhormat Shah Alam lagilah tidak faham. [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itulah Yang Berhormat Shah Alam hendak kena gantung sebab disiplin beliau tidak tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Tidak payah Yang Berhormat.

4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah pencapaian KPI ke atas pelbagai bidang keberhasilan utama negara sehingga kini dan bagaimanakah Program Transformasi Kerajaan akan diterjemah dan dilaksanakan bagi mencapai sasaran objektif Wawasan 2020.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini secara serentak dengan soalan-soalan mengenai isu yang sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Krau pada hari ini juga, Yang Berhormat dari Kuala Selangor pada 22 Mac, dua soalan Yang Berhormat Simpang Renggam pada 25 Mac dan pada 1 April, Yang Berhormat Tenggara pada 30 Mac dan Yang Berhormat Kota Tinggi pada 15 April, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baiklah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Seperti yang sedia maklum, Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau *Government Transformation Programme (GTP)* dengan menggunakan *Key Performances Indicators (KPI)* dan kaedah makmal atau *lab* memang merupakan pendekatan dan enjin yang baru dalam merealisasikan komitmen kerajaan supaya 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan' mengikut Gagasan 1Malaysia untuk mencapai wawasan negara untuk Malaysia menjadi sebuah negara yang bersatu padu, aman dan maju.

GTP merupakan kesinambungan dan tambahan kepada inisiatif-inisiatif lain terdahulu untuk meningkatkan kecekapan dan keutuhan kerajaan. Enam bidang keberhasilan utama negara atau NKRA (*National Key Results Area*) telah dikenal pasti iaitu meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, menambah baik pengangkutan awam, memerangi rasuah, mengurangkan jenayah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman serta meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah.

Mekanisme pelaksanaan yang baru ialah untuk menggunakan kaedah makmal secara intensif untuk menetapkan sasaran-sasaran mengikut KPI dan menggubal pelan penyampaian atau *delivery plans* bagi setiap NKRA dan NKRA-NKRA kecil atau *sub NKRA*s di bawahnya. Selanjutnya, pelan-pelan penyampaian ini telah dipamerkan kepada rakyat jelata melalui hari terbuka yang diadakan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima melalui sesi-sesi perbincangan semasa hari terbuka, sebuah pelan hala tuju PTK atau GTP *roadmap* telah dihasilkan dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Januari tahun ini.

Sebenarnya, jentera kerajaan telah bergerak dengan giat mulai bulan Oktober yang lalu semasa makmal NKRA masih berlangsung untuk memulakan proses melaksanakan pelan-pelan penyampaian. Pelaksanaan setiap NKRA diterajui dengan rapi oleh Menteri peneraju atau NKRA *lead Ministers* bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan dengan menggunakan bilik gerakan atau *war room* dengan melibatkan agensi-agensinya yang berkaitan. Masalah-masalah yang dihadapi dan cadangan-cadangan penyelesaian dilaporkan dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Penyampaian atau *Delivery Taskforce (DTF)* bagi setiap NKRA yang dihadiri oleh para Menteri dan pegawai yang berkenaan. Setiap bulan, Perdana Menteri sendiri menghadiri Mesyuarat DTF bagi setiap NKRA. Setakat ini, sejumlah 29 Mesyuarat DTF bagi keenam-enam NKRA telah diadakan. Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan secara begitu kerap dan rapi mencerminkan keazaman dan komitmen Perdana Menteri dan pihak kerajaan untuk menjayakan pelaksanaan GTP ini secara lebih teliti, telus dan tekun.

Hasil daripada usaha gigih dan kerjasama yang rapat di antara semua Menteri, pegawai dan agensi yang berkenaan, beberapa kemajuan telah dicapai bagi setiap NKRA setakat ini. Sebagai contoh dalam NKRA untuk memerangi jenayah dalam 50 kawasan tumpuan utama *hot spot*, lebih ramai anggota polis telah dimobilisasi untuk memperbanyakkan lagi rondaan mengikut konsep *more feet on street*, dengan izin disokong oleh lebih 3,000 anggota RELA dan JPAM yang telah dilatih.

Skim rondaan sukarela di bawah Rukun Tetangga akan juga dirangkumi. Banyak pondok dan khemah polis telah diwujudkan, banyak CCTV telah dipasang dan diselaraskan dengan yang sedia ada. Tindakan terhadap kecurian kereta dan motosikal telah dipertingkatkan yang menghasilkan hampir 1,800 tangkapan setakat penghujung bulan Februari. Hasil daripada semua usaha ini, kadar jenayah jalan atau *street crimes* yang merangkumi ragut dan rompakan tanpa senjata telah menurun 7.6% bagi tempoh suku tahun keempat berbanding dengan suku tahun kedua tahun 2009.

Bagi NKRA prasarana asas luar bandar, antara pencapaian yang telah dihasilkan ialah pembinaan 257 kilometer jalan luar bandar dan pelaksanaan bekalan elektrik dan air bagi hampir 50,000 isi rumah di Sabah dan Sarawak.

Walaupun pelaksanaan NKRA pada amnya berjalan dengan baik, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat cabaran-cabaran yang telah ditemui dan perlu ditangani. Antaranya kapasiti pelaksanaan di peringkat tertentu perlu diperkasakan dengan penyeliaan yang lebih rapi dan penyelarasan yang lebih baik.

Masalah-masalah teknikal dan sosial seperti pengambilan tanah dan penempatan semula penghuni yang terlibat untuk projek-projek pembinaan jalan, perumahan dan sekolah serta bekalan air dan elektrik. Kekangan peruntukan kewangan yang sedia ada bagi beberapa agensi pelaksana perlu diatasi dengan belanjawan tambahan yang akan dibentangkan dalam Dewan ini.

Namun begitu, semua cabaran telah pun dijangka sewaktu perbincangan di peringkat makmal dan tindakan sewajarnya telah dan akan diambil bagi memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti-aktiviti NKRA seperti yang telah dirancang.

■1050

Pada amnya Tuan Yang di-Pertua, dibantu oleh kaedah dan pendekatan yang baru serta didorong oleh tumpuan dan sokongan penuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Komitmen dan semangat perjuangan di kalangan para Menteri dan pegawai untuk menjayakan GTP adalah amat tinggi. Dengan kerjasama rakyat, kami akan terus bertungkus-lumus supaya sasaran-sasaran GTP dicapai mengikut jadual untuk faedah rakyat jelata dan semua kumpulan sasaran.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya faham apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya mengucapkan tahniah kerana mengambil langkah yang bertemakan Program Transformasi Negara. Bagi mencapai sasaran Wawasan 2020 NKRA, akan tetapi ini tidak mudah dicapai jika sikap dan kebudayaan kerja pihak terlibat baik jentera kerajaan atau kumpulan sasaran masih belum sedia berubah. Atas *plan* memang cukup bagus tetapi pelaksanaan barangkali akan menemui masalah.

Soalan saya, selain dari pelaksanaan program ini, apakah langkah sokongan yang diambil oleh kerajaan sebagai mekanisme tambahan untuk

memastikan program dan matlamat ini berjaya. Misalnya tadi Yang Berhormat Menteri ada kata indeks jenayah ada berubah baik sikit, akan tetapi kadar jenayah di Kuala Lumpur khususnya menjadi satu masalah yang amat dibimbangkan oleh rakyat jelata di Kuala Lumpur. Apakah langkah selain dari yang dikatakan oleh Yang Berhormat akan ditambah untuk memastikan bahawa KPI khususnya dalam NKRA akan dicapai untuk memberi keyakinan kepada rakyat jelata. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli dari Bukit Bintang kerana telah memberi galakan dan pujian kepada usaha dan inisiatif pihak kerajaan. Inilah sikap positif dari pihak pembangkang. Tidak dapat dinafikan Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam apa juga transformasi perubahan dan pembaharuan, sememangnya kita akan menghadapi cabaran-cabaran dari segi pelaksanaan. Walau bagaimanapun dengan membukukan pelan hala tuju Program Transformasi Kerajaan ini yang telah dibentangkan di atas meja setiap Ahli Yang Berhormat untuk dibaca, diteliti dan di samping itu pameran secara terbuka telah diadakan kepada rakyat jelata secara terbuka. Pelan ini juga dipamerkan melalui *website* menunjukkan dan mencerminkan keazaman dan komitmen pihak kerajaan untuk melaksanakan apa yang telah dirancang kan yang terkandung dalam pelan hala tuju ini.

Oleh itu, seperti yang telah saya katakan, kita telah mengambil satu pendekatan yang lebih telus, lebih teliti dari segi memberi butir-butir rancangan dan pelan pelaksanaan untuk ditinjau, untuk ditegur oleh pihak rakyat jelata. Maka, dengan ini dan dengan penglibatan para pegawai yang berkenaan, saya merasa yakin bahawa kita akan dapat meningkatkan lagi budaya kerja dan sikap para penjawat awam dan pemimpin kerajaan untuk melaksanakan apa yang telah ditetapkan itu. Di samping itu para juga giat turun padang untuk meninjau secara mesra pandangan dan perasaan rakyat supaya dijadikan sebagai maklum balas untuk proses pelaksanaan pelan hala tuju ini.

Mengenai jenayah, memang usaha gigih telah menghasilkan satu kemajuan yang menggalakkan tetapi kita mengakui masih tidak mencukupi lagi. Kita memerlukan penglibatan orang awam dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan iaitu NGO dalam usaha bersama-sama memerangi jenayah, terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Menteri atas jawapan yang panjang lebar tadi. Saya hendak merujuk, soalan saya spesifik kepada Menteri. Untuk kita menjayakan Program Transformasi Kerajaan ini, kita perlu kepada satu kakitangan ataupun penjawat-penjawat awam, perkhidmatan awam (*civil service*) yang lebih berkesan dan efektif daripada apa yang ada pada hari ini. Salah satu objektif GTP ini adalah untuk mentransformasikan kerajaan untuk menjadi lebih efektif.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih pada bulan April, beliau telah mengumumkan bahawa perkhidmatan awam ini tidak sepatutnya tertutup, patut ada *talent* terbuka kepada mereka yang datang daripada sektor swasta dan sebagainya. Pada bulan September, saya difahamkan bahawa kerajaan telah melancarkan satu *Government GLC Cross Fertilization Program*, yang melibatkan 40 orang individu yang telah datang daripada GLC masuk ke kerajaan dan daripada kerajaan ke GLC juga.

Soalan saya kepada Menteri, apakah status dan kejayaan program ini setelah enam bulan dilaksanakan. Adakah program ini iaitu program untuk membuka perkhidmatan awam kepada sektor swasta ini akan diperluaskan dan apakah jawatan tertinggi yang akan dibuka kepada mereka daripada sektor

swasta. Contohnya, adakah KSU kementerian akan datang boleh datang daripada kalangan CEO syarikat-syarikat besar, memandangkan CEO Malaysia *Airlines* telah menjadi Menteri di Kabinet juga, terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih kepada Ahli daripada Rembau, memang usaha untuk mengadakan kerjasama antara pihak swasta dengan pihak awam merupakan satu inisiatif yang baru. Untuk program *cross fertilization* yang melibatkan 40 individu dari pihak kerajaan dan syarikat milik kerajaan atau GLC, ia sedang berlangsung dan sambutan serta semangat awal memang amat menggalakkan.

Di samping itu unit penyelarasan dan pelaksanaan yang ditubuhkan khas untuk Program Transformasi Kerajaan dikenali sebagai PEMANDU ataupun *Performance Management and Delivery Unit* merupakan juga salah satu contoh di mana *cross fertilization* ini dilaksanakan. Separuh daripada pegawai PEMANDU terdiri daripada mereka yang direkrut daripada sektor swasta dengan CEO nya sendiri terdiri daripada bekas CEO Malaysia *Airlines*, Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala yang juga dilantik sebagai seorang Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri.

Oleh itu saya menganggap ini merupakan satu permulaan yang baik dan menggalakkan dan akan memberi peluang bukan sahaja untuk profesional daripada pihak swasta berkhidmat dalam kerajaan tetapi untuk penjawat awam mengalami suasana swasta untuk satu tempoh supaya memperkayakan dan memperkasakan pengalaman mereka dan dengan begini meningkatkan mutu perkhidmatan mereka, terima kasih.

■1100

5. Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah perancangan jangka panjang dan jangka pendek pihak kementerian bagi membantu golongan kurang upaya supaya mereka boleh hidup berdikari.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi Ta'ala Wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dan sedang melaksanakan pelbagai tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam memastikan golongan orang kurang upaya (OKU), benar-benar dapat hidup berdikari, melalui penggubalan dasar dan undang-undang, penyediaan peluang pekerjaan, latihan, kemudahan-kemudahan tertentu dan bantuan sokongan.

Antara tindakan jangka pendek yang dilaksanakan untuk golongan OKU yang produktif termasuklah:

- (i) penyediaan elaun pekerja cacat sebanyak RM300 sebulan sebagai insentif menggalakkan OKU bekerja dan hidup berdikari;
- (ii) bantuan geran pelancaran seorang sekali gus bagi menggalakkan OKU menjana pendapatan sendiri melalui perniagaan atau perusahaan kecil-kecilan;

- (iii) penyediaan bantuan alat tiruan atau sokongan seperti kerusi roda, kaki palsu mahupun cermin mata dan lain-lain kepada golongan OKU yang tidak berkemampuan;
- (iv) menyediakan latihan kemahiran yang khusus untuk OKU melalui Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi di Selangor;
- (v) melaksanakan program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), yang merupakan program pemulihan dan pembangunan kepada OKU di dalam komuniti itu sendiri; dan
- (vi) menyediakan pelbagai kemudahan seperti tambang separuh harga bagi pengangkutan awam tertentu, sewaan percuma bagi talian telefon tetap, pengecualian duti eksais bagi pembelian kenderaan buatan Malaysia dan lain-lain bagi OKU yang berdaftar dengan JKM.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut menyediakan skim bantuan kepada OKU yang tidak mampu bekerja dan tidak mampu menguruskan diri seperti berikut:

- (i) bantuan untuk menyara kehidupan OKU yang tidak berupaya bekerja sebanyak RM150 sebulan;
- (ii) bantuan penjagaan OKU terlantar sebanyak RM300 sebulan, bagi membantu meringankan bebanan perbelanjaan penjagaan yang dihadapi oleh keluarga penjaga OKU itu.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar dan Pelan Tindakan Nasional Orang Kurang Upaya secara jelas menggariskan pelbagai tindakan jangka panjang untuk golongan OKU. Program-program ini dilaksanakan secara kolaborasi, multi-sektor dan multi-disiplin bersama-sama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensinya kerajaan yang lain serta melibatkan badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta. Melalui akta OKU, golongan OKU diberikan hak untuk melibatkan diri secara sepenuhnya dalam masyarakat bagi membolehkan mereka hidup berdikari. Kerajaan juga turut memberikan penekanan khusus terhadap aspek pekerjaan OKU di sektor awam. Program-program seperti *job coach*, *disability equality training* dan *independent living* dengan izin mendapat sambutan yang baik daripada kalangan OKU, terima kasih.

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah pun memberikan penjelasan mengenai soalan yang saya kemukakan dan bangkitkan. Cuma dalam soalan tambahan ini suka saya menyatakan di sini bahawa ada rintihan daripada golongan OKU ini yang telah pun dilatih tetapi kadang-kadang latihan yang dibangunkan itu tidak sesuai sebabnya saya difahamkan ini cabaran yang ada pada OKU ini ada dua. Pertama cabaran fizikal, dan kedua cabaran mental. Ini menyebabkan bila sudah dilatih dan apabila hendak bekerja, penerimaan di pihak majikan agak menyulitkan.

Jadi saya hendak tahu apakah jenis latihan dan adakah latihan yang diberi bersesuaian dengan zaman, keadaan ketika inilah terutama yang berhubung kait dengan ledakan teknologi maklumat yang membolehkan mereka untuk melakukan pekerjaan di *work station*. Dia tidak payah secara fizikal beredar dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan bahawa saya sendiri tidak puas hati dengan pencapaian yang dibuat untuk golongan Orang Kurang Upaya seperti mana yang saya katakan bahawa untuk mencapai kejayaan pendekatannya *multi-sectoral* dan di bawah kementerian kita buat perancangan dan kita buat program-program. Akan tetapi untuk menjayakan peningkatan terutama dari segi kerjaya OKU itu memerlukan sumbangan dan penghayatan daripada pelbagai pihak. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is a shared responsibility. Insya-Allah* melalui PLPP kami di Bangi, mulai tahun ini kita telah pun membuat persediaan untuk menentukan kursus-kursus yang dianjurkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, lebih relevan, supaya orang-orang kurang upaya ini yang telah melalui kursus-kursus ini dapat pekerjaan *insya-Allah*.

Akan tetapi malangnya saya dapati bahawa daripada kursus-kursus yang kita anjurkan dan banyak kursus-kursus itu yang terkini itu pun, waima untuk mereka mendapatkan pekerjaan memang susah kerana ramai daripada majikan mungkin tidak prihatin atau mereka rasa susah untuk memberikan peluang kepada orang kurang upaya. Jadi ingin mengambil kesempatan di sini kalau boleh saya hendak minta Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing kalau boleh tolong-tolonglah membantu orang kurang upaya yang ada. Saya tahu Ahli Yang Berhormat daripada Sepang, beliau amat prihatin dan di kawasan beliau, beliau banyak menjalankan program-program untuk kumpulan sasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutama untuk orang kurang upaya. Saya hendak ucapkan syabas, eloklah ikut jejak Ahli Parlimen yang ada ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat mengenai orang kurang upaya ini. Ini kerana ada orang kurang upaya ini dia lahir sejak lahir cacat pancar indera ataupun anggotanya. Ada yang menjadi orang kurang upaya akibat daripada kemalangan. Ini dua perbezaan di antara yang dilahir dengan yang terlibat dengan kemalangan. Apakah pihak kerajaan dalam memberikan layanan mempunyai perbezaan di antara orang kurang upaya yang dilahirkan dan juga yang terlibat dengan kemalangan, pertama.

Kedua, apakah kerajaan bercadang untuk menentukan satu dasar di mana orang kurang upaya yang dilahirkan dianggap sebagai suatu kewajipan langsung kerajaan di mana mereka terus diberikan imbuhan kebajikan mengikut peringkat umur daripada satu tahap ke satu tahap kerana selain daripada program melatih mereka dalam bidang-bidang kemahiran, itu satu perkaralah tetapi yang pokoknya asasnya mereka yang kurang upaya yang seharusnya diberikan bantuan imbuhan kebajikan bulanan seperti menerima pencen seperti yang telah dibuat oleh kerajaan dalam bidang-bidang tertentu. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membuat apa perbezaan di antara orang kurang upaya yang dilahirkan, dan mereka yang menjadi orang kurang upaya mungkin melalui *accident* dan lain-lain. Saya hendak ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat membawa isu ini kerana ramai daripada rakyat Malaysia, kalau mereka tidak dilahirkan kurang upaya, mereka rasakan bahawa kita tidak perlu bantu. Mereka mungkin lupa bahawa di dalam dunia ini apa-apa boleh berlaku kepada kita. Hari ini kita tidak kurang upaya, esok mungkin kalau apa-apa berlaku boleh jadi orang kurang upaya. Oleh sebab kita bercakap misal kata tentang penyediaan prasarana untuk orang kurang upaya biarlah kita ambil isu ini dengan serius sekali. Kadang-kadang sikap kita, tidak mengapalah kita tidak orang kurang upaya, maka kita tidak beri *priority* dan lain-lain.

■1110

Saya kata ini sebab, kita menghadapi masalah di kementerian untuk dengan izin, hendak *convince* pihak berkuasa tempatan, hendak menyediakan prasarana, bangunan kah, atau pengangkutan awam kah untuk orang kurang upaya. Hari ini di Malaysia kalau seseorang itu menjadi orang kurang upaya, memang susah dan azab hidup mereka. Akan tetapi kita kerajaan prihatin tetapi untuk kementerian dengan izin hendak *push* memang susah tetapi pada tahun ini, kami di kementerian kita berazam untuk menentukan bahawa lebih selesa kehidupan untuk orang kurang upaya, itu pertama.

Kedua, saya hendak katakan bahawa kalau boleh memanglah kita hendak bagi apa yang kita katakan pencen untuk orang kurang upaya, tetapi buat masa ini perkara itu belum berlaku lagi. Selain itu, kalau ada orang kurang upaya itu terutama yang terlantar seperti mana saya katakan tadi, kalau dia *register* dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, duit itu akan diberi kepada keluarga dia untuk menjaga dan kita ada beberapa kategori yang kerajaan akan membantu, tetapi secara automatik katakanlah dia dilahirkan kurang upaya, tetapi tidak ada dalam pengetahuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Berhormat buat masa kini, kita tidak membuat pembayaran kebajikan. Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Banyak masalah orang kurang upaya ini, *environment* pun kurang sesuai pada mereka. Jalan tidak boleh, semua tidak boleh, *designer*, arkitek, *engineer* tidak ada kerjasama dengan kerajaan atau kementerian. Jadi kementerian *make a lead please and do something*.

6. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan kemampuan dan kejayaan kemudahan penyinaran (*irradiation facilities*) Gama dan Elektron di Nuklear Malaysia dalam membantu meningkatkan kualiti produk getah, bahan polimer, peralatan perubatan dan industri makanan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: *Waalaikumsalam Warahmatullaahi Wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Nuklear Malaysia telah mula memberikan perkhidmatan pemprosesan sinaran ataupun *radiation processing* menggunakan sinar gama sejak 1989 dan alur elektron sejak tahun 1990 bagi membantu meningkatkan mutu produk tempatan.

Kini terdapat tiga loji pemprosesan sinaran di Nuklear Malaysia yang menyediakan kemudahan penyinaran tersebut iaitu loji Sinagama, Raymintex dan Alurtron. Ketiga-tiga kemudahan ini telah mendapat persijilan ISO 9001: 2000. Loji Sinagama memberi perkhidmatan penyinaran menggunakan sinar gama dan punca bahan radioaktif *cobalt-60* khusus kepada pensterilan produk-produk perubatan dan bahan pembungkusan, dekartaminasi bahan makanan, herba dan makanan haiwan, kuarantina bahan-bahan pertanian dan bahan makanan dan juga tanah.

Kemudahan ini mempunyai kemampuan maksimum 2 Mega Curie, punca *cobalt-60* iaitu boleh mencapai 110 meter kubik sehari. Walau bagaimanapun kapasiti sekarang hanya 0.5 Mega Curie dengan keupayaan 27 meter kubik sehari disebabkan susutan keradioaktifannya iaitu dengan separuh hayat 5.3 tahun. Bahan-bahan yang telah disinarkan ini kebanyakannya akan dipasarkan untuk

kegunaan di dalam dan luar negara seperti USA dan negara-negara Eropah. Untuk membolehkan produk-produk ini masuk ke pasaran Amerika Syarikat, kemudahan ini perlu mendapat pengiktirafan daripada *United States Food and Drug Authority*, dengan izin dan untuk ke pasaran Eropah perlu mendapat pengiktirafan EN46000, standard bagi negara-negara Eropah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudahan loji Sinagama ini telah mendapat pengiktirafan pensijilan tersebut sejak 1992. Secara purata setiap tahun, sebanyak 80 kontena bersaiz 40 kaki persegi yang mengandungi bahan-bahan perubatan dan bukan perubatan telah disinarkan. Sehingga kini, kemudahan ini telah berjaya membantu meningkatkan mutu produk bekalan dan eksport bagi 230 syarikat tempatan dan luar negara pada setiap tahun. Di samping itu, kemudahan loji Sinagama ini juga telah memproses produk perubatan dari Thailand dan Indonesia. Dengan ini dapat menambah aktiviti *business spin-off*, dengan izin seperti logistik, insurans serta penggunaan Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ataupun KLIA. Selain daripada itu kemudahan loji ini juga digunakan oleh industri dari Singapura bagi memproses makanan seperti lada hitam dan lada putih.

Keduanya, loji Raymintex pula memberikan perkhidmatan pemvulkanan getah asli menggunakan sinar gama yang dikenali sebagai Lateks Prapemvulkanan menggunakan sinaran gama (RVNRL). Ia merupakan teknologi alternatif tanpa menggunakan kimia sulfur dan ammonia. Dengan itu produk yang dihasilkan adalah bebas dari bahan kimia dan juga bahan carciogenik yang menyebabkan kanser. Ia digunakan untuk menghasilkan barangan-barangan dari latek getah asli seperti sarung tangan, sarung jari, belon dan juga puting susu bayi. Loji ini merupakan loji yang ulung yang direka bentuk dan difabrikasikan hasil dari penyelidikan yang dijalankan di Nuklear Malaysia. Loji ini menggunakan sumber radioaktif *Kobalt60* dengan keupayaan maksimum 1 Mega Curie, iaitu bersamaan dengan kapasiti keupayaan 6,000 tan setahun. Loji ini juga digunakan untuk penyelidikan termasuk pengujian pengeluaran dan demonstrasi di skala separa komersial untuk industri kecil dan sederhana.

Sejak penubuhannya, loji Raymintex telah menghasilkan 419 metrik ton RVNRL yang bernilai RM1.8 juta untuk dibekalkan kepada pihak pelanggan seperti industri sarung jari tempatan. Proses penyediaan RVNRL tersebut juga telah berjaya dipatenkan pada Mei 2007. Loji Alurtron yang merupakan kemudahan pemrosesan sinar elektron menggunakan mesin sinar elektron ataupun elektron *beam machine* berkeupayaan 3 MeV juga menyediakan kemudahan penyinaran. Pada tahun 2009 sebanyak 22,285 bahan dan 193,664 meter wayar dan tiub polimer telah disinarkan untuk kegunaan industri tempatan. Secara purata jumlah operasi loji ini ialah sebanyak 388.7 jam penyinaran setiap tahun. Di samping itu, ketiga-tiga loji ini turut menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dengan memberikan latihan kepada pelajar institut pengajian tinggi melalui program ijazah lanjutan serta latihan industri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dengar penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jelas nuklear bukanlah sahaja memberi kemudahan kepada manusia seperti tanggapan negatif sesetengah pihak tapi ia memberi banyak faedah dalam membantu memperbaiki kualiti produk serta radiasi nyah kuman dan sebagainya.

Soalan tambahan saya sejauh manakah sinar gama atau neutron memberi sumbangan besar dalam bidang pertanian atau bioteknologi bagi

menghasilkan benih-benih tanaman yang baik umpamanya tumbuhan yang cepat berbuah, ketahanan penyakit dan sebagainya?

Kedua, boleh atau tidak sinaran membantu dalam mempercepatkan degradasi sisa-sisa pepejal dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat, pakar nuklear kita di atas gambaran. Sebenarnya Yang Berhormat Hulu Langat amat mengetahui dari segi bantuan teknologi nuklear dalam proses pemakanan atau *agriculture*, dalam bidang *agriculture* untuk pembenihan misalnya, proses teknologi nuklear boleh juga membantu terutamanya dalam daya tahan pembenihan dan juga mempercepatkan ataupun apa yang saya kata tadi, dengan adanya sinar gama, ianya dapat menyahkumkan ataupun menghapuskan bakteria dalam kandungan makanan terutama dalam bidang perikanan, contohnya apabila kita menghadapi permasalahan untuk mengeksport udang atau hasil laut kita ke negara Eropah. Proses sinar gama ini sebenarnya boleh membantu untuk mematuhi keperluan negara-negara Eropah dan juga Amerika kalau kita hendak mengeksport bahan-bahan makanan laut kita.

Begitu juga untuk menggunakan teknologi nuklear dalam menghasilkan tenaga misalnya, apa yang telah berlaku di salah satu tempat di Semenyih di mana dengan kerjasama agensi nuklear, kita dapat menggunakan bahan-bahan terbuang untuk menghasilkan tenaga sampingan iaitu alternatif *energy*. Jadi, ini sebenarnya boleh dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tangga Batu.

■1120

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan berbagai-bagai program yang telah menampakkan manfaat sinar gama dan juga sinar elektron ini. Saya percaya ia adalah di antara yang boleh kita promosikan kepada orang ramai bahawa tenaga nuklear ini adalah lebih kepada manfaat daripada mudarat. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan kementerian pada hari ini untuk memberikan kesedaran kepada, bukan sahaja orang ramai tetapi juga kepada penggubal undang-undang sendiri tentang kebaikan nuklear ini dan satu hari nanti kita akan kehabisan sumber-sumber asli ini, yang mana kita tidak ada pilihan lain untuk menggunakan tenaga nuklear ini di dalam kaedah yang lebih besar? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu atas di atas sokongan hebat sekali kepada kementerian kami. *Insyah-Allah*, kami akan mengambil maklum dan kita akan terus menjalankan program bukan sahaja untuk memberi kesedaran betapa teknologi nuklear boleh digunakan untuk memanfaatkan masyarakat kita bukan sahaja dalam bidang menghasilkan tenaga tetapi juga di dalam bidang perubatan, pembuatan, pemprosesan dan sebagainya.

Insyah-Allah, kebetulan dalam tahun ini kita telah mengisytiharkan Tahun Inovatif Malaysia 2010. Melalui karnival dan program-program pelbagai kementerian, kita akan membawa bersama memberi kesedaran dan menunjukkan apakah teknologi nuklear ini boleh memberi manfaat kepada orang ramai dalam pelbagai aspek. Ini akan kita lakukan sepanjang tahun 2010 ini dan berterusan untuk tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

7. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah kementerian sedar bahawa di Sabah, kalau tidak di seluruh negara, ada terdapat banyak Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang kewujudannya adalah atas ehsan orang ramai dan tidak sempurna seperti yang sepatutnya; dan
- (b) jika sedar, apakah kementerian mempunyai perancangan untuk menyelaraskan pentadbiran semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) ini agar menjadi setaraf dengan sekolah-sekolah yang lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Jamil Khir bin Baharom]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Silam pada 31 Mac 2010 kerana menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Silakan.

Dato' Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sedar akan wujudnya Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh Malaysia termasuk kelas tahfiz di Sabah pada lazimnya atas ehsan orang ramai. Perkara ini kadangkala menyebabkan kedaifan dan kekurangan peralatan di sekolah tersebut.

Sehubungan itu, kerajaan sentiasa sedar dan mengambil berat terhadap Sekolah Agama Rakyat ataupun SAR dengan pemantauan terhadap penguatkuasaan Undang-undang Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam di seluruh negara yang dikuatkuasakan oleh negeri masing-masing. Bagi memastikan pengawalannya, setiap Sekolah Agama Rakyat yang diwujudkan perlu berdaftar dengan majlis ataupun jabatan agama Islam negeri untuk memudahkan pemantauan dan penyaluran bantuan. Bagi negeri Sabah, terdapat 80 buah Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Menyedari keperluan bagi usaha untuk membantu Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini, kerajaan telah memperkenalkan skim Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ataupun disebut dengan SABK dan melalui skim inilah pihak Sekolah Agama Rakyat (SAR) boleh mendaftar dengan Kementerian Pelajaran dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dengan ini, peruntukan dan penyediaan infrastruktur dapat disalurkan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Program SABK ataupun Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ini bertujuan untuk memudahkan kerajaan menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah berkenaan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur, prasarana, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, bekalan guru terlatih, pengurusan dan pentadbiran yang berkualiti. Melalui program ini juga, kebajikan pelajar-pelajar di sekolah tersebut tidak terabai dan ketinggalan dalam arus pendidikan perdana. Usaha berterusan yang dilakukan pihak kerajaan melalui program pendaftaran Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dipergiatkan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) termasuk sekolah tahfiz. Walaupun program ini telah dilaksanakan, sukacita saya sebutkan sejak dari tahun 2004, terdapat masih banyak sekolah SAR yang belum mendaftar dengan program ini. Di Sabah sejumlah 80 buah SAR, hanya dua buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) sahaja yang berdaftar sebagai SABK. Sekian, Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kita... Saya cukup malas sudah, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah malas kerana setiap kali kita mengemukakan soalan-soalan, sama ada ini kuasa negeri atau mahu mendaftar, orang tidak tahu sama sekali. Jadi ia bermasalah kerana 80 buah sekolah SAR di Sabah, hanya dua berdaftar. Jadi, bagaimana? Mungkin ada kongkongan. Jadi, kita minta jika boleh jabatan hal ehwal agama Islam di Persekutuan ini atau JAKIM memanggil semua Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri minta penjelasan apakah masalah yang mereka hadapi dan minta mereka mendaftar kalau sekiranya syarat-syaratnya mudah, mungkin mereka mahu mendaftar. Akan tetapi kalau syarat-syaratnya susah, memang mereka tidak mahu mendaftar. Ini kerana, mungkin apabila sudah berada di bawah JAKIM, banyak masalah yang dihadapi.

Jadi, saya mahu penjelasan daripada Menteri sama ada beliau bersetuju apabila kita kemukakan apa juga soalan di dalam Dewan, sama ada kita mahu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini untuk meninjau pukut-pukat tunda yang masuk sampai ke sungai - Jawapannya, ini kuasa kerajaan negeri. Berbagai-bagai masalah kita kemukakan, ini kuasa kerajaan negeri. Mengapa?

Tidak adakah satu jalan untuk apa juga penguatkuasaan seperti SAR ini berunding dengan kerajaan negeri dan minta mereka serah semua, seperti di Sabah 80 buah sekolah hanya dua sahaja yang mendaftar? Jadi saya mahu minta Menteri adakan rancangan untuk memanggil semua kerajaan negeri berbincang dan memberitahu syarat-syaratnya supaya mudah mereka mendapat persetujuan. Ini saya mahu penjelasan.

Dato' Jamil Khir bin Baharom: Yang Berhormat Kalabakan, saya mahu mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan dan juga kesungguhan Yang Berhormat Kalabakan untuk melihat perkembangan sekolah agama bukan sekadar hanya di Sabah bahkan di seluruh Malaysia. Saya sebutkan tadi bahawa sejak dari tahun 2004, Program SABK ataupun disebut dengan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ini diperkenalkan, tetapi sambutannya agak berkurangan. Saya melihat bahawa dalam konteks ini, bukan persoalan tidak ada pemakluman atau perbincangan, bahkan pada setiap kali mesyuarat Majlis Kebangsaan Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita selalu menguar-uarkan bahawa masih lagi terdapat peluang dan juga ruang untuk mendaftar bagi mendapat bantuan kerajaan ini.

Walau bagaimana sekalipun, program ini tidak mendapat sambutan mungkin disebabkan faktor-faktor yang jika diukur dari sudut syarat-syarat adalah begitu ringan, di mana syaratnya yang pertama sekali ialah mestilah berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri, maksudnya majlis agama atau jabatan agama Islam negeri masing-masing.

Kita tidak dapat menafikan Yang Berhormat Kalabakan bahawa negeri mempunyai kuasa dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan agama sebab ini adalah kuasa yang sudah termaktub di dalam Perlembagaan. Walau bagaimanapun, kerjasama sentiasa berjalan di antara Kerajaan Pusat dan juga negeri dan kita menguar-uarkan sehingga sekarang untuk berdaftar di bawah SABK.

Syarat yang pertama tadi telah saya sebutkan, iaitu berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri. Keduanya ialah mempunyai bangunan sendiri termasuk tanah yang didaftar atas nama lembaga pengelola. Di sini juga ada kekangan yang lain kerana ada tanah-tanah yang berdaftar atas nama persendirian dan mereka enggan menyerahkan tanah tersebut. Ketiga, mereka mempunyai murid-murid sendiri dan *of course* ini bukan halangan yang besar.

Keempat, mereka melaksanakan dwi-kurikulum di mana terkandung kurikulum *Azhari* dan juga kurikulum kebangsaan yang diperlukan untuk sekolah-sekolah tersebut. Kelima, dan inilah harus diambil perhatian oleh semua termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari mana-mana negeri untuk kita maklumkan bahawa pendaftaran mestilah didaftarkan dengan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, sektor SABK.

■1130

Maka di antara syarat yang saya fikir, syarat yang cukup terbuka dan mungkin barangkali maklumat-maklumat yang tidak sampai kepada pihak-pihak sekolah dan pentadbir-pentadbir sekolah, Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya syarat-syarat yang dikemukakan tadi, ada setengah-setengahnya mungkin tidak dapat dipenuhi oleh sekolah-sekolah agama rendah ini. Sampai bila pun mereka tidak akan menjadi sekolah SABK kerana bidang sekolah-sekolah rendah ini terletak pada dua kementerian. Satu pendidikan iaitu menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan dan satu lagi bidang agama.

Sehingga bilakah kita tidak boleh menyelesaikan masalah ini, kenapa tidak? Kerana ia adalah satu bidang pendidikan, sekolah-sekolah rendah agama ini dijadikan salah satu ataupun diserap ke dalam sistem Kementerian Pendidikan itu sendiri supaya ia dilayan seperti sekolah-sekolah lain. Walaupun ada pertindihan kuasa di sini akan tetapi pendidikan adalah bidang dalam Kerajaan Persekutuan. Amat sukar bagi negeri-negeri untuk memberi bantuan kepada semua sekolah-sekolah agama ini, kalau kita tanya semua sekolah agama rakyat ini mengalami masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Sudah faham Menteri Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya minta ini, penjelasan.

Dato' Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja. Saya hendak tambah sedikit, bukan hanya sekadar Sekolah Rendah Agama sahaja yang dimaksudkan SABK ini termasuk Sekolah Menengah Agama (SMA) dan juga SRA. Kita ringkaskan ia jadi SMA dan SRA, Sekolah Rendah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Agama Rakyat.

Kedua-dua sekolah ini kita daftarkan untuk mendapat bantuan di bawah SABK. Saya tidak nampak ada masalah besar di sana untuk pendaftaran ini. Melainkan pihak pengurusan sekolah, baik Sekolah Rendah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Agama Rakyat, mereka enggan untuk pendaftaran ataupun sekolah tersebut yang menggunakan *title* tanah itu ataupun pendaftaran tanah atas sifat individu. Sebab apabila kita memberikan bantuan, ia akan termasuk infrastruktur sekolah termasuk bangunan sekolah.

Bagaimana akan timbul nanti konflik antara kepentingan bangunan kerajaan di atas tanah persendirian yang mungkin esok agak sukar untuk pengurusan dan pentadbiran. Akan tetapi saya katakan dengan syarat yang begitu ringkas dan *simple* tadi, tidak memayahkan untuk tujuan pendaftaran kita, melainkan pihak pengurusan sekolah enggan dan kepentingan-kepentingan sendiri, yang tidak mahu bekerjasama untuk mendapat bantuan ini.

Kerajaan tidak ada masalah yang lain, tidak ada agenda yang lain melainkan sekadar untuk memberikan bantuan. Akan tetapi pihak yang ingin

menerima bantuan perlulah juga ada keterbukaan untuk tujuan supaya kita menerima syarat yang *simple*, yang saya sebutkan sebentar tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian sahaja sesi pertanyaan bagi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL DI BAWAH P.M. 26(1)(p)

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) di mana membenarkan satu usul dikemukakan tanpa apa-apa notis. Usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berbahas. Saya sebut ini, *precedent* yang sangat *establish* di negara kita, di Parlimen kita atau Erskine May ialah bahawa *the first available opportunity*.

Apabila berbangkit masalah keistimewaan dan ini mengenai apa yang berlaku semalam mengenai satu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mengenai memastikan bahawa jalan-jalan masuk ke Parlimen sentiasa terbuka untuk Parlimen, Ahli-ahli Parlimen untuk pergi atau balik dan di mana perbahasan dihalang atau tidak dibenarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Sungguhpun ini adalah satu pelanggaran keistimewaan semua Ahli-ahli Parlimen di Dewan ini. Oleh kerana sangat jelas, saya pun ada buat satu semakan bahawa ada *precedent*, sebenarnya semalam saya ada sebut ada *precedent* di mana saya sendiri ada ucap dalam satu usul ini dan ini boleh dilihat daripada *Hansard* 13 Mac 1984 dan dalam *Hansard* 6 November 1974. Di mana Yang Berhormat masa itu, Yang Berhormat daripada Batu, Tan Sri Dr. Tan Chee Khoo pun ada ambil bahagian.

Ini semua dalam *Hansard* dan ini, oleh kerana apa yang berlaku ialah satu pelanggaran hak keistimewaan, saya mahu kemukakan satu usul yang berbunyi seperti berikut dan saya ada salinan di sini. Saya boleh beri satu *copy* [*Sambil memberikan salinan usul tersebut kepada bentara*] untuk Tuan Yang di-Pertua. Ya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Hai...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hai apa?

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Patut sokong. Ini keistimewaan Ahli-ahli Parlimen. Jangan hai, hai... [*Dewan riuh*] Dan usul...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kena sakit darah tinggi kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa *backbencher*...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapa *you tension* sangat! Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Broken benchers*. Usul yang...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya ada hak untuk kemukakan ini.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Point of order.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang berikut...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) ialah... [Dewan riu] Bahawa Dewan ini mengambil perhatian bahawa usul yang di bawa di atas nama Menteri Dalam Negeri mengarahkan Ketua Polis Negara memastikan Ahli-ahli Parlimen yang hendak pergi dan balik dari Dewan tidak dihalang telah diluluskan tanpa dibenarkan sebarang perbahasan.

Sungguhpun Ahli-ahli Parlimen yang berhasrat untuk berucap atas usul yang berkenaan, ini adalah melanggar peraturan mesyuarat serta *precedent* kebiasaan Dewan ini. Sebagai contoh pada 6 November 1974, Ahli Parlimen kawasan Batu Dr. Tan Chee Khoon telah berbahas atas usul berkenaan dan jawapan telah diberikan oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof. Pada 13 Mac 1984, Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul.

Seorang Ahli: Siapa itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berkenaan dan jawapan telah diberikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed bahawa hak keistimewaan Ahli-ahli Parlimen telah dilanggar secara serius kerana hak dan peluang untuk menyertai perbahasan mereka telah dinafikan pada hari semalam atas usul yang sama.

Mengambil ketetapan untuk membetulkan pelanggaran serius hak dan keistimewaan Parlimen ini dengan pembentangan semula satu usul baru untuk diluluskan oleh Dewan ini, supaya Ahli-ahli Parlimen yang berhasrat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dapat berbuat demikian. Ini usul dan saya harap boleh dapat sokongan semua Ahli-ahli Parlimen tanpa parti. Ini satu peluang untuk BBC untuk buktikan... ialah sebenarnya mahu menjaga kemuliaan dan martabat Ahli-ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini satu...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pelanggaran! Dia mahu mencabar Tuan Yang di-Pertua pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya belum membuat keputusan Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timur berdiri berasaskan *point of order*. Jadi saya kena buat *ruling* di bawah *point of order* itu dahulu. Jadi soalan usul ini Yang Berhormat, ialah patut juga bagi saya notis. Ini baru datang sini dan baru lihat juga. Jadi nanti, usul Yang Berhormat Menteri macam itu juga. Jadi kenapa bantah yang ini, yang ini boleh diberi laluan. Jadi itu dua perkara yang kita perlu fikir bersama. Jadi Yang Berhormat yang pertama...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini tidak perlu notis, di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) tidak perlu notis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *On the spot, on the spot!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Baik Yang Berhormat, baik Yang Berhormat. Nanti saya buat keputusan. Saya berharap semua orang boleh terima keputusan. Yang pertama, semalam apabila usul dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, sebagai biasa selain daripada apa yang berlaku ditunjukkan oleh Yang Berhormat daripada Ipoh Timur pada 13 Mac 1984 dan 11 November 1974. Dua kali sahaja berlaku semenjak merdeka. Dua kali sahaja berlaku semenjak merdeka.

Dalam soalan undang-undang Yang Berhormat sudah kah ini menjadi satu *convention* kepada Parlimen? Dua kali berlaku dalam masa 50 tahun.

■1140

Saya masih boleh mempertikaikan ini belum lagi menjadi satu *convention*. Akan tetapi *convention* berlaku ialah perkara ini jarang-jarang selain daripada dua kali ini dibahaskan. Jadi, maknanya *convention* yang sebenar patut dipakai dan direkodkan di Dewan ini ialah yang tidak dibahaskan, Yang Berhormat. Jadi, itu yang pertama yang saya hendak sebutkan.

Kedua, semalam Yang Berhormat Timbalan Datuk Ronald Kiandee sebagai Speaker duduk di sini, telah membuat keputusan. Saya tidak boleh duduk di sini menjadi *Appeal Court* atau pun Mahkamah Rayuan pada keputusan yang dibuat oleh speaker semalam. Ini yang tetap. Kalau ada sesiapa yang tidak berpuas hati menggunakan Peraturan Mesyuarat 43, baru boleh dibawa kepada Dewan ini juga untuk dibahas dan dibincangkan. Kalau tidak maknanya kita sendiri telah membelakangkan peraturan.

Ketiga ialah usul ini Yang Berhormat ialah untuk mengatasi masalah soalan yang saya sebutkan tadi iaitu usul yang dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 43 dan sebagainya dan mendatangkan satu usul lagi maknanya yang ini hanya satu cara atau mekanisme untuk supaya perkara ini dibahas dan diusulkan semula. Jadi, saya tidak boleh terima, Yang Berhormat. Jadi, dengan itu saya menolak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu. Kita boleh adalah bukti, contoh-contoh yang lain yang menunjukkan bahawa perbahasan dibolehkan. Pada 8 Mac 1988, Tuan Yang di-Pertua pada masa itu mengatakan bahawa usul ini terbuka untuk dibahaskan tetapi tidak dibahaskan.

Saya telah pun ada ucapan di dalam itu... [*Merujuk kepada lampiran*] Bahawa usul ini jarang dibahaskan. Akan tetapi, ini tidak bererti bahawa Ahli-ahli Parlimen dilarang daripada mengambil bahagian dalam perbahasan. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan bahawa dua contoh itu tidak mencukupi. Apakah yang diperlukan? Ini, *we have been coming a laughing stock of the Commonwealth Parliament and International Parliamentary Union*. Ini yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua ada menyebutkan mengenai Peraturan 43 untuk mempertikaikan dan mencabar keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya mengetahui peruntukan itu tetapi ini adalah satu dengan izin, *a dead letter*. Satu usul yang dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 43. *You masuk... we go into the bottom to this pit of hell. You will never come out...* [*Dewan riuh*]

Dalam persidangan yang lalu saya ada buat satu usul oleh kerana Tuan Yang di-Pertua mengatakan boleh kemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat

43 kalau tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya buat, saya *test* lagi. Akan tetapi ini masuk *the bottom to this pit of hell* tidak mungkin sebab ini tidak digunakan, tidak dipakai. Oleh sebab itu saya menggunakan Perkara 26(1)(p), tidak bererti bahawa Perkara 26(1)(p) tidak boleh digunakan. Akan tetapi ini terpulang kepada budi bicara dan keputusan Tuan Yang di-Pertua bahawa ini boleh diserahkan kepada Dewan yang mulia ini satu keputusan dibuat. Ini sepatutnya diputuskan oleh Dewan dan bukannya oleh Kerusi. Kita perlu menjaga kemuliaan Dewan yang mulia ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini buang masa lah, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*, ada apa lagi!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini *backbenchers are part of hell, bottom's pit of the hell*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Waste of time to debate*.
Buang masa lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Sudah Yang Berhormat. Saya tidak mengulangi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Kinabatangan, silakan duduk... [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hendak katakan Ketua Pembangkang pun bukan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Baik Yang Berhormat. Baik. Saya sudah mendengar semua... [*Dewan riuh*]

Saya sudah membuat keputusan, Yang Berhormat. Tadi saya tidak boleh menjadi Mahkamah Rayuan kepada keputusan yang telah dibuat Speaker semalam. Itu sahaja sebenarnya Yang Berhormat. Jadi, apa sahaja tindakan kita, saya tidak boleh menjadi atau pun membuat *reversal* kepada keputusan yang telah dibuat semalam. Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau begitu, apa remedi yang ada untuk Dewan yang mulia ini untuk *to restore our dignity*, kemuliaan dan hak kita yang ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Remedinya ialah budi bicara Tuan Yang di-Pertua. Itulah remedinya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan... Ini orang yang gila lah... [*Dewan Riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat... [*Dewan Riuh*]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik. *Point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat sudahlah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia boleh mengatakan orang 'gila'... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Ipoh Timur hendak menjadi Ketua Pembangkang, pergilah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Balik Sepiloklah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ipoh Timur hendak jadi Ketua Pembangkang.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ketua Pembangkangkah?
[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah. Keputusan, saya sudah buat. Silakan.

Beberapa Ahli: *Are you okay?*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat [*Dewan riuh*] Peraturan Mesyuarat 21(b)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Peraturan Mesyuarat 21(b), saya ada. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 yang telah diletakkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul ini, Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa ia tidak akan dibahaskan di dalam Mesyuarat ini. akan tetapi, ia masih lagi berada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Jadi, apakah kedudukannya, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan menjawab. Tunggu dulu Yang Berhormat Labis, ya. Walaupun Timbalan Menteri berucap kepada ramai beritahu kepada mana-mana tetapi kalau Parlimen belum mendapat notis secara rasmi daripada kementerian, kita tidak boleh menggugurkannya daripada kertas rasmi.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi, sudah Yang Berhormat. Saya sudah memberi jawapan. Silakan Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong] dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas.” **[16 Mac 2010]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Labis, berapa lama lagi Yang Berhormat?

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Tidak lama, dalam 30, sehingga 40 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Sila teruskan.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin menyentuh mengenai perkara pendidikan. Kalau kita melihat sistem pendidikan kita, ramai orang yang mengatakan tahap serta mutu pendidikan kita terus menurun. Ini yang saya tidak faham.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Orang mengatakan standard kita menurun tetapi setiap tahun orang yang lulus peperiksaan semakin meningkat. Bilangan pelajar yang mendapat semua ‘A’ meningkat. Setiap kali Menteri Pelajaran bertukar, beliau ada satu sistem pendidikan yang baru. Sepatutnya kita merasa bangga dalam persekitaran dan suasana yang begitu mencabar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pilihan yang tepat dengan pelantikan Menteri Pelajaran merangkap Timbalan Perdana Menteri supaya beliau mempunyai kuasa kewibawaan untuk menerajui satu kementerian yang begitu penting kepada pembangunan negara. Gagal atau berjaya mencapai status negara maju, pendidikan memainkan peranan yang penting.

Sistem pendidikan sentiasa berubah. Dahulu saya perlu melalui UPSR, SRP dan SPM. Sekarang saya dengar ia sudah menjadi sejarah. Nama ditukar

dan subjeknya pun lain. Apabila berubah, kita perlu bertanya, mengapakah kita berubah? Kita berubah kerana hendakkan *value* yang lebih atau adakah sistem dahulu tidak baik.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta maaf Yang Berhormat. Tajuk Yang Berhormat bawa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Senario 30 tahun dahulu, apabila keputusan peperiksaan keluar, kita dapat melihat nama-nama pelajar yang terbaik disiarkan dalam akhbar. Satu negara yang dapat *straight A's* itu, 8A dan 9A itu mungkin tiga atau empat orang tetapi pada hari ini beribu orang. Sebaliknya, dalam tangan yang lain apabila kita melihat anak-anak ini pula menghadapi masalah apabila berhadapan dengan ujian dan peperiksaan yang lebih tegar pada peringkat Tingkatan 6 dan juga universiti.

■1150

Saya ada satu contoh yang mungkin Yang Berhormat boleh sama-sama timbangkan dan bagaimana boleh melalui perbahasan ini. Adakah anak-anak kita bertambah pandai oleh kerana ibu bapa mereka memang telah dari awalnya terdidik? Ataupun soalan-soalan ujian itu bertambah mudah? Saya tidak dapat hendak tengok situasi ini dalam keadaan hari ini kalau anak-anak kita mendapat 13A, 14A. Akan tetapi bila berada di persimpangan untuk memilih pengajian mereka, mereka amat kurang sekali kemahiran insaniahnya itu. Mereka tertumpu kepada kurikulum terlupa keseimbangan untuk memajukan diri mereka dalam kokurikulum. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: [Bangun]

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Tidak apa bagi saya jawab dahulu kerana itu dalam ucapan saya. Yang Berhormat Tangga Batu bertanya mengenai boleh dikatakan sama ada murid kita semakin bertambah pandai atau sistem penilaian yang lebih boleh dikatakan senang. Kalau kita lihat daripada sistem yang kian berubah. Walaupun terdapat perubahan tahap penguasaan bahasa Inggeris semakin merosot dan tahap penguasaan bahasa Malaysia pun tidak begitu memuaskan atau meningkat secara ketara.

Kita terlalu terikat dengan berapa ramai pelajar yang mendapat keputusan 'A'. Untuk jawapan Yang Berhormat Tangga Batu, baru-baru ini Kementerian Pelajaran telah boleh dikatakan memperkenalkan Ujian Aptitud pertama bagi pelajar Tahun 6. Tahap Ujian Aptitud ini dibahagikan kepada dua iaitu kemahiran berfikir serta kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Walaupun Ujian Aptitud bukan dikatakan ujian yang paling tepat. Ia sedikit sebanyak dapat memberi panduan mengenai hasil arah tuju pendidikan kita.

Tahap satu dikategorikan kemahiran paling rendah dan tahap empat dikategorikan sebagai kemahiran paling tinggi. Keputusan yang keluar membimbangkan. Hanya 5.7% daripada 500,000 pelajar Tahun 6 yang mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan manakala 34% mempunyai kemahiran berfikir. Kebanyakan mereka adalah sama ada di antara peringkat dua atau peringkat tiga. Keputusan ini memberi gambaran...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Labis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya hendak mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar kita. Ramai di belakang dan pelawat terutama di kawasan saya Maran, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran orang ramai daripada Beluran pun ada dekat belakang.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sekali, saya rangkumkan sekali Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labis saya tertarik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labis dan juga sahabat saya Yang Berhormat Tangga Batu tadi. Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan, Kementerian Pelajaran khususnya dan Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam usaha mempertingkatkan kualiti pelajar-pelajar kita dari segi akademik.

Akan tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labis seolah-olahnya kita ada *test* untuk pelajar-pelajar ini. Untuk menentukan bagaimana mereka boleh menyelesaikan masalah dan juga membuat keputusan. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kita hendak hubung kaitkan sedikit. Apabila pelajar ini setelah keluar sebab itu kadang-kadang kita merasa kecewa. Ada tanggapan masyarakat apabila pelajar-pelajar ini keluar daripada bangku sekolah dan mereka menjadi belia. Masalahnya tanggapan umum mengatakan belia ini terlibat dengan masalah-masalah sosial yang cukup tinggi.

Apakah tidak ada kaitan antara pendidikan diperolehi di peringkat sekolah sama ada sekolah menengah, rendah dan pengajian tinggi dan sehingga mereka keluar ke dalam masyarakat menjadi belia. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat? Apakah langkah yang lebih positif dan yang lebih berkesan yang harus kita ambil? Ini kerana saya tidak mahu di peringkat sekolah mereka mencapai akademik yang cukup cemerlang.

Akan tetapi di peringkat peribadi dalam hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berjaya, yang boleh menyumbangkan kepada kemajuan pembangunan negara dan bangsa tidak tercapai. Apakah mungkin Yang Berhormat boleh melihat di mana kelemahan yang berlaku dalam keadaan ini? Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Yang Berhormat dari Maran. Keputusan yang telah, boleh dikatakan dicapai memang memberi gambaran bahawa kebanyakan murid-murid mungkin cemerlang. Saya kata mungkin sahaja kerana saya tidak tahu sama ada Ujian Aptitud ini boleh dikatakan ujian yang boleh merangkumi semua aspek. Ini kerana sistem pendidikan kita yang boleh dikatakan mengutamakan memori atau hafal. Oleh itu sejak kebelakangan ini kalau kita lihat dari segi Kementerian Pelajaran mereka boleh dikatakan mengumumkan agar untuk boleh dikatakan *introduce* atau memperkenalkan inovatif, kreativiti dan *fun learning*.

Selain itu ingin meningkatkan boleh dikatakan prestasi dan tahap sukan di sekolah-sekolah. Ini adalah penting kerana bukan akademik sahaja yang menentukan kejayaan seseorang. Boleh dikatakan *soft skills* adalah penting...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Dan ini boleh dikatakan dapat dipelihara atau dapat diuji dan dapat boleh dikatakan dibimbing. Bukan dari segi membaca buku dan dari akademik sahaja. Oleh itu dari segi usaha Kementerian Pelajaran, saya harap mereka meneruskan usaha mereka agar boleh dikatakan pencapaian pelajar kita adalah *balance* dari segi akademik dan juga dari segi *emotional intelligent...*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan.

Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: [Bangun]

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Arau nanti sekejap. Bagi saya habiskan dahulu.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Okey.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Kajian yang teliti adalah perlu untuk memperbaiki sistem pendidikan kita yang sedia ada kerana dari segi jumlah perbelanjaan negara Malaysia boleh dikatakan mengutamakan pendidikan kerana 5.9% daripada GDP diperuntukkan untuk pendidikan. Lebih tinggi dari Singapura, Korea, Jepun dan US. Akan tetapi dari segi nilai serta mutu pelajar atau graduan adalah kurang memuaskan. Kita mempunyai banyak universiti awam, universiti swasta, politeknik, perguruan, kolej-kolej dan cawangan kampus.

Kalau hanya setakat angka, ini boleh dikatakan amat memberangsangkan. Akan tetapi penilaian bukan bergantung kepada kuantiti universiti atau bilangan pelajar yang lulus tetapi kualiti universiti dan kualiti kelulusan pelajar. Bagi kedudukan universiti terbaik di peringkat dunia untuk tahun 2004, Universiti Malaya menduduki tangga ke-89 dan Universiti Sains Malaysia menduduki tangga ke-111. Sejak dari itu kedudukan semua universiti Malaysia tidak meningkat tetapi menurun.

Apa yang telah terjadi pada tahap pengajian tinggi? Dengan dana yang telah disalurkan, mengapa kita tidak boleh mengekalkan kedudukan sekurang-kurangnya. Kita boleh menafikan bahawa kedudukan tidak penting kerana cara penilaian yang tidak sesuai atau adil bagi negara kita. Akan tetapi penafian tidak akan membawa kita sebarang perubahan positif atau memastikan tahap pengajian tinggi kita adalah memadai.

Kedudukan adalah satu nombor tetapi apakah kita jujur pada diri sendiri? Ini kerana kalau kita menilai untuk menghantar anak kita ke sesebuah universiti biasanya tahap kedudukan adalah penting. Dari segi *employ ability* atau mendapat pekerjaan mengikut *Malaysian Employers Federation*, 48% graduan masih menganggur enam bulan selepas habis universiti kerana tahap penguasaan bahasa Inggeris yang lemah. Serta kerajaan terpaksa juga mengadakan program *retraining* untuk memastikan graduan boleh mencari kerja lain dengan adanya *skills set* yang relevan.

Akhirnya tidak kira sama ada sekolah kebangsaan, sekolah Cina, sekolah Tamil, 'Sekolah Pintar', kolej serta universiti menyediakan infrastruktur yang besar, mewah serta serba lengkap dengan IT adalah tidak memadai dalam menyelesaikan masalah sistem pendidikan negara kita. Maka NKRA yang mempertingkatkan pencapaian pelajar dialu-alukan. Langkah-langkah yang berteraskan pendidikan mempunyai ciri-ciri terbaik untuk memastikan setiap kanak-kanak berjaya menetapkan akauntabiliti kepada sekolah dalam melaksanakan perubahan ke atas pencapaian pelajar, membuat pelaburan dalam pemimpin terbaik di setiap sekolah dan meningkatkan daya tarikan keguruan dan

menghasilkan guru-guru terbaik harap-harap dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi terutamanya dari segi guru.

Guru-guru yang ditempatkan di Maktab Latihan untuk memberi latihan perlulah mempunyai sarjana dan kemahiran yang tinggi. Profesion guru juga harus ditingkatkan di mana kriteria untuk menceburi bidang ini perlu diperketatkan. Ini tentu akan menjadi masalah kekurangan guru bertambah. Maka dari segi imej profesion ini serta gajinya haruslah ditambah dan dikaji semula. Sama ada salah satu cara untuk meningkatkan mutu pendidikan kita adalah membayar guru-guru dengan gaji yang tinggi sehingga menarik mereka yang berkaliber tinggi dalam bidang ini.

■1200

Selain itu, guru-guru senior yang berpengalaman juga turut patut diupah untuk menyediakan latihan dan bimbingan yang berkesan. Maka kerajaan perlu sentiasa menyambung usaha untuk mengupah dan menarik lebih banyak guru yang mempunyai sarjana yang tinggi serta kemahiran yang tinggi dan kenaikan pangkat mengikut pencapaian seorang guru mengikut merit.

Di negara kita, bilangan guru untuk mengajar bahasa Cina sering kekurangan. Memperkuatkan lagi penguasaan bahasa ibunda Cina atau Tamil untuk pelajar-pelajar juga adalah penting agar pengetahuan dalam kepelbagaian bahasa dapat membantu dalam memastikan pelajar mempunyai lebih banyak peluang pekerjaan memandangkan kepentingan ekonomi negara Cina dan India yang kian bertambah setiap hari. Malaysia tidak boleh menjadi *monolingual* atau *dualingual* sahaja dalam era globalisasi. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan, tetapi penyelesaian guru terutamanya guru untuk sekolah Cina masih tidak boleh dicapai. Maka dalam aspek ini saya berharap agar kerajaan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu, *Unified Examination Certificate* atau UEC yang ditawarkan oleh semua sekolah menengah persendirian Cina agar mereka dapat lulus...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Beri laluan.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Labis. Dia orang muda. Soal pasal pembelajaran *multilingual*. Saya ditemui oleh beberapa orang ibu bapa pada beberapa bulan yang lepas soal kemahiran anak-anak kita dalam bahasa Inggeris. Tadi saya baru cerita dengan Yang Berhormat Kalabakan soal peranan pemimpin-pemimpin rakyat di kawasan masing-masing untuk membantu sekolah-sekolah terutama sekali sekolah yang terpencil. Sekolah-sekolah di luar bandar di mana terdapat kebanyakan, ramai antara murid-murid kita tidak mahir dalam bahasa Inggeris. Adakah Yang Berhormat juga bercadang untuk memasukkan supaya Kementerian Pelajaran mengambil berat, mengambil perhatian terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris di luar-luar bandar ini yang mana tidak terdapat cikgu-cikgu atau pengajar-pengajar bahasa Inggeris belum lagi di tahap yang memuaskan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sekali. Serentak dan saya sudah bangun awal tadi, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Labis. Bukan sahaja soal bahasa.

Saya ingin berkongsi pandangan Yang Berhormat berhubung dengan soal persepsi menerusi ujian yang Yang Berhormat bangkitkan tadi kerana kita lihat sistem yang ada sekarang seolah-olah faktor kognitif dan juga psikomotor ini telah

berkurangan di kalangan pelajar-pelajar. Kalau dibuat perbandingan dengan sistem lama terutamanya sistem terdahulu yang kita perkenalkan, kita lihat pelajar-pelajar yang zaman dahulu yang tidak memasuki prasekolah, tadika dan sebagainya tetapi mereka mampu menguasai faktor kognitif dan psikomotor. Ini terjadi apabila pelajar-pelajar memasuki tahap dua di sekolah rendah. Mereka tidak dapat menganalisis dan menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan soalan-soalan permasalahan yang menimbulkan masalah. Mereka lebih kepada soal menghafal seperti mana yang Yang Berhormat bangkitkan tadi yang berdasarkan kepada fakta.

Jadi di sini, kelemahan sistem yang ada. Adakah disebabkan oleh kekerapan penukaran sistem yang menyebabkan kita tidak dapat membuat fokus terutamanya dalam peringkat pelajar yang berada dalam kalau ikut teori psikologi di panggil olahan konkrit. Mereka menerusi satu keadaan yang pelbagai dalam diri mereka yang sebenarnya memerlukan sesuatu sistem yang lebih teraruh, boleh membuat tanggapan, persepsi dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat, boleh sekali? Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat, setujukah kalau saya katakan bahawa pemimpin ataupun pentadbir-pentadbir universiti sekarang ini mengambil jalan mudah iaitu apabila pelajar-pelajar kita masuk universiti, mereka dikurung seperti seolah-olah kita membela ayam daging. Segala-galanya diberikan kepada pelajar, pelajar jangan buat itu, jangan buat ini, buat ABC sahaja malah memilih pemimpin-pemimpin pelajar pun diatur oleh universiti. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang keluar daripada 'kilang' ini sudah tentu pelajar-pelajar yang mengharap lebih daripada apa yang telah pun diberikan kepada mereka. Ini kerana ada universiti-universiti yang dipimpin oleh mereka sebenarnya kalau dibandingkan dengan *outside market*, pemimpin-pemimpin, naib-naib canselor, dekan-dekan jauh lebih tercorot dengan mereka yang layak di luar.

Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin di universiti-universiti ini hendak memastikan bahawa oleh kerana tidak akan berlaku pertentangan ataupun kritikan dan sebagainya, maka universiti-universiti amat selesa mengadakan kaedah supaya apa juga lorong yang telah disediakan universiti, pelajar-pelajar cuma ikut itu sahaja. Akibatnya, akibat dengan tindakan itu, kita adalah pelajar-pelajar yang *graduate* tetapi lebih mengharapkan habuan, lebih mengharapkan bantuan dan tuntun daripada kerajaan. Setujukah Yang Berhormat Labis dengan pandangan saya? Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey. Untuk tiga soalan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya ingin mengulas bahawa semua mempunyai cadangan yang boleh dikatakan kementerian harus melihat. Dari segi tahap penguasaan bahasa Inggeris, ia memang membimbangkan. Bukan sahaja di luar bandar tetapi di kawasan bandar juga kalau murid-murid itu tidak dihantar ke sekolah swasta atau boleh dikatakan mempunyai kelas tambahan, kadang-kadang boleh dikatakan tahap penguasaan bahasa Inggeris juga tidak begitu bagus atau memuaskan.

Dari segi boleh dikatakan dulu kita tidak ada prasekolah tetapi sekarang kita ada prasekolah tetapi masih boleh dikatakan tahap pendidikan kita menurun. Ini boleh dikatakan kerana pada permulaannya, sistem pendidikan kita adalah berteraskan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan atau membasmi *illiteracy*. Oleh itu, dari segi itu, kerana IT telah berkembang dan keadaan dunia telah berubah, maka sistem pendidikan juga haruslah diubahsuai agar dapatlah menjaga kepentingan ekonomi negara kita atau boleh menyediakan lebih banyak sumber tenaga yang sesuai dengan permintaan ekonomi negara kita.

Dari segi universiti, lebih banyak boleh dikatakan naib-naib canselor atau profesor-profesor yang telah saya juga katakan dalam ucapan saya bahawa adalah penting bahawa mereka boleh dikatakan telah diupah atau boleh dikatakan dilantik mengikut merit. Ini adalah kerana untuk membina sebuah universiti, satu *centre of excellence*, *merit* adalah penting dari segi untuk membolehkan ilmu-ilmu dari guru-guru serta profesor dapat disampaikan kepada murid-murid. Dari segi bimbingan yang boleh dikatakan sehingga menyebabkan semua pelajar tidak mempunyai daya fikiran yang tersendiri, itu secara langsung saya tidak boleh membuat komen kerana tidak mempunyai data yang mencukupi. Saya harap Kementerian Pelajaran bolehlah menjawab soalan Yang Berhormat Sungai Petani.

Maka dalam aspek ini, saya berharap agar kerajaan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu yang ditawarkan oleh semua sekolah menengah persendirian Cina agar mereka yang telah lulus dapat masuk ke maktab perguruan serta kolej atau universiti. Mungkin syarat seperti *entrance exam* atau peperiksaan boleh...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sini, Pasir Salak.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Nanti, nanti, nanti.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Kasi saya habiskan. Nanti tidak habis Speaker marah pula.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini ada yang berbangkit isu yang Yang Berhormat Sungai Petani bawa ini.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey, okey.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Labis dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga berkongsi dengan perkara yang dibangkitkan oleh jawapan daripada Yang Berhormat terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi yang mengatakan tidak ada maklumat hendak jawab. Saya ingin berkongsi untuk menjelaskan perkara ini dan hendak mendengar juga komen daripada Yang Berhormat Labis.

■1210

Apabila disebut bahawa pelajar-pelajar dikongkong oleh naib canselor, pemimpin universiti dan sebagainya, yang sebenarnya apa yang berlaku ialah pihak pembangkang ingin mengeksploitasi pelajar. Itu sahaja. Kalau boleh supaya pelajar ini tidak usah belajar, buat demonstrasi, tunjuk perasaan sana sini, sokong pembangkang, hentam kerajaan. Jadi dengan sebab itu adakah perkara ini hendak dibiarkan? Pelajar-pelajar masuk universiti untuk belajar, menguasai ilmu untuk menjadi pemimpin masa depan negara, bukan untuk membuang masa berpolitik sehingga menjejaskan pelajaran mereka. Jadi sebagai pemimpin universiti sama ada *vice chancellor*, pensyarah dan sebagainya tentunya mempunyai tanggungjawab untuk melihat perkara ini tidak berlaku di mana masyarakat pelajar terjerumus dalam satu keadaan yang merugikan mereka dan juga bangsa dan negara kita.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Bukankah Yang Berhormat Pasir Salak pemimpin besar yang pernah berdemonstrasi sekarang pemimpin yang besar di Parlimen? Inilah contohnya. Kita *produce a good leader like you! You were a demonstrator before!*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya.. [*Dewan riuh*] Dengar dulu. Tidak. Inilah jadinya sebabnya dahulu saya dengan sahabat daripada Permatang Pauh sama, kita belajar di Universiti Malaya. Kita tidak mengabaikan pelajaran. Kita belajar, kita pastikan bahawa kita belajar. Kita tidak berlebihan dari segi untuk terlibat dalam politik pelajar tetapi apa yang hari ini pihak pembangkang.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [*Bangun*]

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Permatang Pauh banyak terlibat dalam politik sebab itu dia jadi orang besar hari ini, tidak macam *you*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa itu?... [*Ketawa*] Kalau tidak tahu, rujuk dahulu kepada Ketua Pembangkang. Jangan buat andaian dan kesimpulan. Semasa itu Yang Berhormat mana tadi..., PJU kah? PJU semasa itu pun mandi saya ingat tidak pakai apa pun... [*Ketawa*] Jadi tidak usah cakap banyak. Tanya Ketua Pembangkang siapa, apa yang berlaku dalam tahun 1970-an dan 1960-an. Betul tidak Yang Berhormat Permatang Pauh? Kita ada isu-isu yang relevan kepada pelajar dan negara, kita bangkitkan tetapi kita tidak membuat atau terlibat dalam politik pelajar yang *destructive*, yang menghancurkan. Menghancurkan bangsa dan menghancurkan negara! Akan tetapi kebelakangan ini Yang Berhormat Permatang Pauh bawa lain pula, jadi saya rasa tidak seronok jugalah sebab itu saya tidak ikut dia!... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Labis.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak yang mengatakan bahawa tidak ingin murid-murid terjerumus di dalam aktiviti yang mungkin tidak membangun dan pembangkang juga mengatakan bahawa beliau atau Yang Berhormat Pasir Salak merupakan satu contoh kejayaan. Akan tetapi dari segi beratus yang berdemonstrasi bukan semua berjaya seperti Yang Berhormat Pasir Salak, betul tidak? Dengan ini saya berharap kekurangan guru di sekolah Cina dapat diselesaikan. Pengiktirafan ini juga mengurangkan bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri, maka sedikit sebanyak bolehlah menyelesaikan masalah pelajar berhijrah. Ini adalah kerana UEC adalah diiktiraf universiti terkenal di Australia, Singapore, Hong Kong, China dan Taiwan. Usaha

mempertingkatkan bahasa Inggeris juga perlu diteruskan dan langkah yang agresif perlulah diambil untuk memastikan bilangan serta mutu guru yang mencukupi. Pada permulaan pendidikan di negara kita ia adalah berasaskan untuk mengurangkan *illiteracy* tetapi keadaan ekonomi telah berubah dan dari segi permintaan ia adalah lebih tinggi. Pendidikan selain dari memberi ilmu adalah untuk memupuk sikap perpaduan, membasmi kemiskinan dan hak. Untuk mendapat pendidikan merupakan sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan. Oleh itu sebarang pendidikan atau teks yang tidak memberi gambaran yang jelas akan mewujudkan syak wasangka di antara kaum haruslah diperbetulkan...

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey, Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Labis. Minta maaf saya menyentuh tentang suatu perkara Yang Berhormat sentuh awal tadi, mengenai dengan pertalian antara pendidikan pra-sekolah dengan sekolah rendah.

Sementara tumpuan kita Yang Berhormat kepada soal-soal pendidikan *tertiary* tetapi saya berpendapat kita harus jangan terlepas pandang mengenai dengan perkara entri poin kepada alam pendidikan. Apa yang saya ingin sentuh di sini Yang Berhormat, saya lihat sekarang ini soal pendidikan prasekolah. Pendidikan ini ditawarkan oleh pihak swasta dan Kementerian Pelajaran juga menawarkan sekarang ini pendidikan prasekolah. Apa yang saya lihat Yang Berhormat dari segi standard dan kualiti, pendidikan pra sekolah yang ditawarkan oleh tadika-tadika kelolaan swasta itu lebih tinggi mutunya berbanding dengan yang ditawarkan oleh sekolah-sekolah kerajaan.

Apa yang saya lihat Yang Berhormat, murid-murid lepasan tadika swasta ini di mana mereka menjalani pendidikan selama setahun atau dua tahun, apabila mereka masuk ke Tahun 1, mereka sudah mempunyai satu pendidikan yang tinggi dan luas. Umpamanya mereka ini sudah boleh membaca dan sebagainya sedangkan saya lihat kurikulum yang ditawarkan oleh Tahun 1 sekolah kerajaan adalah murid-murid hanya bermula dengan belajar untuk menulis karakter dengan telur, *zero zero* sedangkan murid lepasan tadika swasta ini sudah boleh membaca Inggeris dan bahasa Malaysia. Jadi kadangkala ibu bapa mengeluh bahawa anak mereka ini *wasting one year in Primary 1* sedangkan sukatan pelajaran ditawarkan itu lebih rendah. Apa yang mereka telah pelajari dalam tadika itu lebih tinggi. *So*, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya ini diselaraskan sama ada tadika keluaran kerajaan dan swasta ini sama standardnya dan juga diselaraskan dengan sukatan pelajaran Tahun 1 kerana murid-murid ini *wasting time*. Yang Berhormat boleh minta pandangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labis saya rasa kena *limit* pencilan.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey. Selepas ini tidak ada pencilan lagi, senang sedikit.

Dari segi pra sekolah kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta untuk boleh dikatakan mengembangkan atau memperkenalkan pra sekolah. Dari segi mengeluarkan satu format dan penyelarasan, saya ingat baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga ada mengumumkan ingin menyelaraskan satu format supaya ianya satu standard dan tidak akan menyebabkan masalah apabila terdapat pelajar dari swasta atau kerajaan yang boleh dikatakan masuk ke Tahun 1.

Dari segi syak wasangka di antara kaum haruslah diperbetulkan. Di dalam buku teks Tingkatan 3, satu ilustrasi memberi gambaran bahawa sekolah-sekolah bahasa ibunda tidak menggalakkan perpaduan dan satu perenggan di laman yang sama menyatakan bahawa sekolah-sekolah bahasa ibunda akan dihapuskan secara berperingkat. Dari segi sejarah buku sekolah menengah juga tidak banyak menerangkan peranan masyarakat kaum Cina dan kaum India dalam perkembangan sosioekonomi negara kita. Fakta-fakta tidak patut dikeluarkan atau ditukar dan perlulah diperbetulkan.

Dari segi peluang melanjutkan pelajaran, kerajaan telah memulakan biasiswa luar negeri yang mempunyai kategori yang berdasarkan keputusan. Pada tahun ini juga terdapat biasiswa untuk pelajar menuntut di universiti terkenal dan pemilihan adalah mengikut keputusan. Biasiswa dan PTPTN, pinjaman yang boleh dikatakan menjaga kepentingan semua kaum dan mementingkan merit serta keputusan adalah mustahak kerana rakyat mahu peluang pendidikan yang adil kepada semua bangsa. Kalau kita boleh capai ini dalam 1Malaysia dengan layanan yang saksama dan adil, 1Malaysia bukan sahaja satu retorik politik. Maka, kita yakin dalam pilihan raya yang akan datang kita akan menang lagi.

Baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia telah mengumumkan bahawa gaji minimum untuk pengawal akan diperkenalkan pada akhir bulan. Jika kita perhatikan ketika ini kebanyakan pengawal di luar bandar atau di bandar termasuk FELDA mungkin mereka mempunyai gaji di bawah tahap kemiskinan. Malah terdapat pekerja di Proton yang hanya mempunyai gaji sebanyak RM600 sebulan. Ini adalah jauh lebih rendah daripada tahap kemiskinan iaitu RM720 sebulan. Mengapakan ini boleh berlaku? Ini disebabkan kebanyakan barang keperluan asas adalah di bawah harga kawalan dan subsidi diberi sehingga menyebabkan kenaikan CPI negara kita jauh lebih rendah dari CPI dunia. Kadar kenaikan CPI merupakan salah satu pertimbangan utama dalam kenaikan gaji. Disebabkan kadar kenaikan CPI negara kita jauh kurang dari kadar kenaikan CPI dunia ini secara langsung telah menyebabkan perbezaan gaji yang ketara di antara pekerja di Malaysia serta jiran-jirannya. Maka, untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat dengan lebih efektif kerajaan harus mengkaji secara menyeluruh untuk mengimplementasikan gaji minimum mengikut sektor secara berperingkat.

■1220

Pengumuman bahawa kementerian akan mendapat pandangan termasuk dari internet dan blog mengenai keperluan untuk melaksanakan gaji minimum merupakan satu berita baik yang saya harap moga-moga dapat dilaksanakan. Dengan pelaksanaan tangga gaji yang minimum diharapkan ia dapat mengurangkan pengangguran dan dapat menarik minat golongan-golongan muda untuk menyumbang tenaga kepada negara.

Seterusnya, tindakan ini juga dapat mengurangkan pergantungan ke atas tenaga pekerja asing. Akan tetapi yang penting ialah dengan adanya gaji minimum yang munasabah mengikut pasaran, maka rakyat dapat menyesuaikan diri apabila subsidi dihapuskan atau dikurangkan. Selain itu, salah satu sebab utama seseorang berhijrah dan kita tidak dapat menarik profesional pulang atau berhijrah di Malaysia adalah kerana gaji di Malaysia yang rendah berbanding dengan negara-negara jiran.

Ini adalah kerana gaji minimum juga boleh ditetapkan untuk golongan profesional dan bukannya untuk pekerja bukan mahir sahaja. Kalau kita melihat mengikut Laporan Daya Saing Dunia (IMD) 2009, kajian upah seorang jurutera di Malaysia pada tahun 2008 ialah RM3,300 jauh lebih rendah berbanding dengan Thailand, China dan Singapura. Malah, dari segi akauntan dan *software*

programmer, keadaan ini juga berlaku. Kita tidak payah bandingkan dengan negara yang maju. Kalau kita bandingkan dengan Thailand sahaja, gaji akauntan adalah RM1,500 berbanding dengan Malaysia RM1,263. Patutlah ramai orang yang berhijrah ke luar negeri.

Akan tetapi, ada yang berpendapat seperti Persatuan Majikan-majikan Malaysia bahawa Dasar Gaji Minimum akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang memerlukan kos yang tinggi untuk menjalankan perniagaan dan dengan itu boleh menyebabkan jumlah pelabur asing yang ingin membuat pelaburan di Malaysia akan berkurangan. Akan tetapi, ini hanya akan berlaku sekiranya gaji minimum diperkenalkan tanpa mengira industri dan mengikut kadar yang sama. Kita boleh memperkenalkan dasar gaji minimum pada awalnya di mana sektor yang terdedah kepada perkebunan dan pertanian, pembinaan dan perkhidmatan untuk mendapatkan upah minimum yang layak. Syarikat perladangan khususnya disarankan untuk membayar upah yang lebih tinggi untuk menarik lebih banyak rakyat tempatan untuk bekerja di sektor ini. Sebagai contoh pada tahun 2008, *Asiatic Development* telah menunjukkan jumlah bayaran upahnya hanyalah RM83 juta, hanya 18% dari keuntungan sebelum cukai iaitu keuntungan sebanyak RM456 juta.

Jika gaji dinaikkan dua kali ganda, ia masih tetap menguntungkan dan tidak memudaratkan syarikat tersebut. Dengan pelaksanaan satu Dasar Gaji Minimum, ia akan menjana satu perubahan dalam modal ekonomi kerana kesan dalam peningkatan kos. Peningkatan dalam kos perniagaan akan menyebabkan pengeluar atau majikan-majikan cuba menyesuaikan inovasi, mengubah prosedur atau melabur dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan bagi mengimbangi kos operasi yang semakin meningkat. Majikan juga sanggup melabur dalam teknologi dan gaji yang minimum yang munasabah akan memberi satu impak yang positif kepada pekerja-pekerja agar mereka akan berusaha lebih gigih terhadap pekerjaan seterusnya meningkatkan tahap produktiviti.

Hasil dari pelaksanaan dasar upah minimum, pekerja adalah lebih yakin dan mempunyai jaminan mengenai amaun pulangan gaji. Maka, mereka bolehlah membuat bajet untuk belanjawan setiap bulan. Penggunaan tenaga pekerja asing dengan pekerja-pekerja tempatan memberi satu kesan yang besar. Ini adalah kerana kebanyakan pekerja tempatan akan berbelanja di pasaran tempatan. Kalau kita lihat dari segi kadar *remittance* ke luar negara, ia semakin meningkat sehingga mencapai 18 bilion pada tahun 2008.

Di samping itu, kebanyakan negara yang terperangkap dalam pendapatan pertengahan membuat lonjakan ekonomi melalui boleh dikatakan polisi dasar upah yang tinggi. Contohnya di Singapura pada tahun 1980, keadaan ekonomi mengalami kemelesetan. Oleh itu, Kerajaan Singapura sengaja bertindak dengan memaksa syarikat-syarikat untuk meningkatkan upah sebanyak 50%.

Oleh yang demikian, masanya sudah tiba untuk kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Dasar Gaji Minimum dengan wakil-wakil dari pihak kerajaan dan sektor-sektor swasta dengan tujuan memastikan gaji pekerja *reflective* mengikut ekonomi semasa. Kewujudan satu Dasar Upah Minimum akan banyak membantu rakyat, menjana muhibah, merangsang ekonomi dan membantu Malaysia dalam menggerakkan dari satu industri kos rendah kepada modal ekonomi tinggi. Paling penting dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing. Isu yang saya ingin sentuh lagi ialah tentang Khazanah, pelaburan. Apabila kita melabur dalam sesuatu, kita berharap agar kita mendapat pulangan atau dapat menggunakan pelaburan itu dalam masa keperluan. Maka, selaras dengan konsep ini saya ingin lebih banyak maklumat terperinci mengenai

pulangan, kebaikan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk pelaburan kerajaan dalam Khazanah.

Kita semua tahu bahawa sebanyak RM10 bilion dilabur di dalam Khazanah melalui pakej rangsangan semasa kita menghadapi krisis ekonomi. Pelaburan memang adalah untuk jangka masa panjang. Maka, sejak bila Khazanah dan jumlah pelaburan kerajaan dalam Khazanah memang bagus setiap tahun kita mendapat tahu dari media mengenai kejayaan syarikat-syarikat yang Khazanah labur serta kenaikan pelaburan Khazanah.

Akan tetapi, dalam setiap pelaburan apa yang penting selain daripada keuntungan kertas adalah keuntungan yang benar atau telah direalisasikan. Berapakah dividen yang telah diterima setiap tahun dari Khazanah dalam lima tahun yang lalu. Sebagai contoh, PLUS baru-baru ini mengumumkan keuntungan RM1.18 bilion. Malah, keuntungan selepas cukai untuk PLUS setiap tahun dalam lima tahun kebelakangan ini mengaut keuntungan purata RM1 bilion. Bermakna, setiap hari PLUS mengaut keuntungan agak-agak RM2.7 juta.

Keuntungan PLUS merangkumi kompensasi kerajaan. Ini yang mengelirukan saya. Kerajaan mengumumkan bahawa kompensasi untuk tahun 2009 adalah RM150 juta tetapi mengikut Laporan Kewangan PLUS, kompensasinya adalah RM813 juta. Manakah amaun yang betul? Saya pernah bertanya tetapi tidak mendapat jawapan selanjutnya.

Selain itu, pada sesi Parlimen tahun 2009, saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini mengenai pembelian PLUS oleh Khazanah untuk saham yang terdapat di pasaran. Sehingga sekarang kita tidak mempunyai jawapan yang jelas mengenai status kajian atau amaun dan sebabnya pembelian itu tidak boleh dilaksanakan.

Saya bersetuju Khazanah mengambil PLUS tetapi bukan *nationalization*. Pada masa ini Khazanah merupakan pemegang saham terbesar di PLUS. Jika Khazanah mengaut banyak keuntungan dari pelaburan yang lain, maka pembelian PLUS tidak patut membebankan kerajaan atau Khazanah. Ini adalah kerana dari segi kewangan dan keuntungan PLUS adalah bagus dan dari segi dividen, setiap tahun ia meningkat. Untuk tahun 2009 dividen yang diumumkan dan diberi adalah RM820 juta ...

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Yang Berhormat Labis, boleh saya mencelah?

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: *Sorry* lah, nanti...

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Sedikit, pendek sahaja. Pendek sahaja soalan.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Nanti, nanti, sekejap. Baik, berbanding dengan RM800 juta pada tahun 2008. Dalam laporan tahunan kewangan, PLUS mengatakan bahawa PLUS berharap dividen yang diberi dapat menolong rakyat. Oleh itu, saya ingin bertanya dari tahun 2004 ke 2009, jumlah dividen yang diberi oleh PLUS adalah sebanyak RM3.775 bilion di mana Khazanah akan mendapat 64%. Dari dividen yang diterima, berapakah dividen yang Khazanah telah beri kepada kerajaan? Jika tiada, bagaimanakah dividen telah diguna atau diedarkan?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Selain itu, mengikut laporan kewangan PLUS, kerajaan berhutang sebanyak RM2.4 bilion kepada PLUS. Oleh itu,

memandangkan kerajaan ingin mengurangkan perbelanjaan untuk tahun ini. Pada tahun ini kadar tol dijangka naik.

Kerajaan mungkin tidak mempunyai bajet untuk membayar kompensasi, maka PLUS akan menaikkan harga tol. Sebagai satu syarikat, PLUS yang mengamalkan *corporate social responsibility* sebagai satu pulangan kepada rakyat kepada komuniti, PLUS tidak harus menaikkan harga tol dan tidak patut menuntut tambahan kompensasi. Ini adalah kerana tanpa tambahan kompensasi, PLUS masih akan mengaut keuntungan yang besar memandangkan pengguna yang kian meningkat dan berdasarkan kompensasi kerajaan pada masa ini.

Akan tetapi, dalam jangka masa panjang kita sentiasa akan menghadapi masalah kenaikan tol setiap tiga tahun kecuali jika PLUS dimiliki oleh Khazanah 100%. Maka, saya berharap pembelian PLUS dapat dilaksanakan secepat mungkin. Baru-baru ini Khazanah telah menjual saham Malaysia Airport Holding Sdn. Bhd untuk mendapatkan RM400 juta. Tahun lepas, Khazanah telah menjual sehingga mendapat RM3.1 bilion.

Maka, apakah wang atau bagaimanakah wang ini telah diguna pakai? Boleh Yang Berhormat...

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Yang Berhormat Pulai.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Pendek sahaja soalan. Saya bersetuju dengan huraian Yang Berhormat Labis tadi mengenai wang yang diperolehi oleh Khazanah dalam negara daripada PLUS dan sebagainya yang sekarang ini banyak dilaburkan di luar negara. Soalnya, sekarang ini adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kerajaan perlu ada pengawasan kepada wang negara yang dilaburkan di luar negara dalam pelaburan yang dianggap sebagai *risky* atau berisiko tinggi. Mudah untuk pengurusan sekarang ini memberikan justifikasi yang pelbagai untuk melaburkan wang ke luar negara. Akan tetapi akhirnya mereka duduk dalam jawatan itu hanya dalam tempoh masa pendek. Tiga, empat tahun tetapi pelaburan tersebut berjalan mungkin sampai sepuluh tahun, 15 tahun. Akhirnya mungkin kerajaan akan rugi dalam jangka masa yang panjang, walaupun pada awalnya dilaporkan bahawa pelaburan yang dibuat di luar negara ini begitu menguntungkan dan sebagainya, *in the long run*, akhirnya ia mungkin akan merugikan dan siapakah yang perlu bertanggungjawab.

■1230

Jadi soalnya sama ada kerajaan perlu memberikan pengawasan yang lebih kepada pelaburan yang dibuat oleh Khazanah di luar negara ini dan tidak membenarkan Khazanah sewenang-wenangnya membuat pelaburan yang berisiko tinggi, yang akhirnya boleh membuat kerajaan rugi pada jangka masa yang panjang. Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pulai mengenai selarasan, boleh dikatakan pelaburan Khazanah kerana walaupun Khazanah boleh dikatakan ingin menitikberatkan keuntungan, boleh dikatakan tanggung jawab sosial adalah juga penting. Jadi oleh itu, walaupun risiko adalah tinggi tetapi jika penilaian yang baik telah dibuat, kadang-kadang boleh juga dikatakan *investment fund* malah masih juga ada membuat kesilapan.

Akhir sekali, walaupun Barisan Nasional mempunyai banyak kelemahan malah tidak ada sesuatu institusi atau manusia melainkan Tuhan yang sempurna.

Masih ingat suatu ketika selepas pilihan raya 2008, ada mereka yang begitu *euphoric*, ghairah, yakin Pakatan Rakyat akan menggantikan BN tetapi sebarang kerjasama hanya untuk menghadapi pilihan raya adalah senang kerana walaupun ideologi ataupun visi adalah berlainan kerana mereka mempunyai agenda, tujuan dan matlamat sama untuk mengalahkan kita dalam pilihan raya.

Maka sebarang perbezaan atau masalah dapat diketepikan, saya akui BN bukan sempurna tetapi Pakatan Rakyat (PR) juga mempunyai lebih banyak kelemahan. Bila mereka ada *problem*, mereka mengatakan yang kita ganggu mereka dan menyebabkan masalah itu berlaku dan menuduh media menghebohkan masalah. Semua orang salah, setakat ini berapa ADUN atau Ahli Parlimen yang telah meninggalkan Pakatan Rakyat. Takkan semua disebabkan oleh kita? Malah saya difahamkan mungkin ada lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat akan meninggalkan parti. Adalah menjadi satu pengajaran kepada mereka bahawa adalah senang untuk menjadi pembangkang daripada menjadi parti yang mentadbir. Dari segi pentadbiran di negeri Selangor pula, banyak yang dikatakan mengenai prestasi cemerlang dalam usaha menjual pasir yang dikatakan BN tidak telus serta tidak tahu meningkatkan pendapatan negeri.

Akan tetapi, sehingga Oktober 2009 hasil royalti pasir yang telah dijelaskan oleh Kumpulan Semesta Sendirian Berhad untuk Program Rakyat Ekonomi Selangor hanyalah RM44.68 juta berbanding dengan tahun 2008, sejumlah RM7.1 juta...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi laluan Yang Berhormat?

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Pendapatan KKSMB yang pernah diumumkan adalah sebanyak RM150 juta dan dengan harga semasa RM20 untuk setiap metrik tan. KKSMB perlulah mengeluarkan 75 juta metrik tan setahun atau 6 juta metrik tan sebulan.

Untuk bulan Oktober 2009. KKSMB hanya mampu mengeluarkan lebih kurang 250,000 metrik tan iaitu 5% daripada jumlah pengeluaran sebenar, maka saya tidak faham apabila terdapat ahli pembangkang yang begitu kuat menghebohkan kejayaan mereka untuk meningkatkan pendapatan negeri. Mungkin tidak mengikut bajet adalah satu kejayaan, kalau saya silap harap Yang Berhormat dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan betul, tambahan pula adakah industri pasir masih di bawah monopoli atau sudah berubah sehingga menjadi lebih telus dan menjamin persaingan yang sihat. Penyokong kuat PR atau syarikat besar yang terlibat mungkin tidak tahu menjual pasir. Saya bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi laluan Yang Berhormat?

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih..

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Selain itu, tidak bolehkan? Speaker kata tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, saya tanya hendak bagi laluan atau tidak... [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia bagi Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kinabatangan, cukuplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, Yang Berhormat Telok Intan duduk dahulu, *you are not invited*, tidak dijemput. Duduk dahulu!... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Telok Intan, duduk dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tidak ada kelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia bagi kepada Yang Berhormat Kinabatangan Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *You tak honeymoon* kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak ada kelas, tak ada peraturan. Duduk dahulu, terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggil dengan hujah Yang Berhormat iaitu menyatakan kegagalan pakatan pembangkang, bukan Pakatan Rakyat sebab rakyat tidak pernah berpakat menjatuhkan kerajaan, saya memang bersetuju dan kenyataan Yang Berhormat juga menyatakan bahawa kegagalan ini menampakkan keterampilan, pakatan ini sudah rapuh, jadi apakah Yang Berhormat mempunyai satu pandangan bahawa rakyat harus kembali ke landasan yang benar iaitu mengikuti mereka yang benar-benar mampu memerintah negara, memberi kemakmuran, keamanan kepada rakyat, minta penjelasan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Mencilah, mencilah Yang Berhormat Labis.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Nanti, nanti. Saya tidak boleh beri pencilahan, Speaker dah marah dah. Dari ulasan Yang Berhormat Kinabatangan, saya berharap di PRU ke-13 rakyat boleh kembali ke pangkuan BN dan membolehkan kita memperoleh kejayaan lebih besar. Selain itu, Pejabat Tanah dan Daerah Petaling yang mempunyai tiga batang sungai hanya berjaya mengutip royalti sebanyak RM27,000 sedangkan pada tahun 2008 kutipan royalti mencatatkan sebanyak RM3.8 juta. Apakah yang berlaku sebenarnya, sama ada kesilapan pengiraan atau mungkin banyak kosong di belakangnya hilang... [Dewan riuh]

Dari segi pemberian air percuma pula, sebanyak 20 meter padu iaitu bersamaan RM1.80 kepada isi rumah memang memberi kebaikan, akan tetapi ia sebenarnya tidak mencapai sasaran. Ini kerana sebilangan besar rakyat yang tinggal di flat dan pangsapuri tidak menikmati kemudahan tersebut kerana mereka perlu menukar meter pukal kepada individu terlebih dahulu. Majoriti yang tinggal di flat, pangsapuri kos sederhana terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan akhirnya pelaksanaan pemberian air lebih menguntungkan mereka yang berpendapatan pertengahan dan tinggi yang tinggal di banglo dan rumah teres. Malah kalau tidak silap saya, janji untuk memberi elaun kepada ibu tunggal sebanyak RM600 sebulan dan RM72 sebagai elaun kepada suri rumah yang tidak bekerja juga tidak dilaksanakan. Ini termasuk janji untuk menurunkan cukai pintu sebanyak 20% bagi kediaman dan 10% bagi premis komersial tidak ditunaikan, malah dari segi premium tanah Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 31 Oktober 2009 hanya RM220 juta atau 73.55% berbanding dengan kutipan premium tanah 2008 berjumlah RM458 juta.

Di Kedah, tempat penyembelihan khinzir juga telah dirobuhkan dan ini telah berlaku begitu lama, adakah masalah ini telah diselesaikan sehingga

sekarang... [*Dewan riuh*] Di Pulau Pinang pula terdapat persepsi bahawa terdapat sentimen anti Melayu dari segi penguatkuasaan. Saya tidak ada maklumat yang tepat maka saya tidak boleh mengatakan bahawa ia adalah benar. Saya cuma memberi perhatian kepada kebenaran...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ong Ka Ting sudah balik.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Ini kerana negara ini terdiri daripada masyarakat majmuk, maka begitu sukarnya untuk sebuah kerajaan menimbang atau memenuhi permintaan dan kehendak semua kaum. Kalau kerajaan negeri dah susah, bayangkan kalau Kerajaan Pusat lebih banyak yang perlu dikendalikan. Akhirnya janji senang tunaikan susah, satu lagi sikap pembangkang ialah jika wakil rakyat mereka keluar parti, mereka didesak untuk meletak jawatan dan mereka yang keluar parti dianggap pengkhianat. Ini jelas menunjukkan sikap yang mementingkan parti politik sendiri, kita mesti ingat bahawa reaksi pemimpin pembangkang apabila ADUN Bota dari BN meninggalkan BN buat seketika untuk menyertai PKR, reaksi dari sebelah begitu hebat, banyak kata-kata aluan yang manis belaka diberi dan ketika itu bila ditanya sama ada perlu ada pilihan raya, ada yang menjawab mengikut peruntukan undang-undang ia tidak perlu kerana ADUN Bota tidak meletak jawatan dari menjadi ADUN.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini warta beritakah ini... warta berita TV1?

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Lagi hebat menyatakan penghijrahan ADUN Bota itu sebagai hukuman terhadap BN yang mengecam Menteri Besar Perak selama ini, begitulah sambutan mesra sehingga pemimpin dari PAS mengatakan perkembangan ini adalah amat membanggakan kita dan sewajarnya kita perlu bersyukur atas kurniaan yang amat besar ini. Sebaliknya apabila orang PKR letak jawatan dan dipecat walaupun tidak menyertai atau menyokong BN, mereka menuduh semua pihak salah, kecuali diri sendiri. Mereka yang keluar parti digelar pengkhianat dan macam-macam lagi. Sebenarnya sesuatu yang baik ada ketikanya tidak perlu dicari sebaliknya akan datang sendiri. Justeru terimalah hakikat. Jika kita tidak elok, orang akan tinggalkan kita dan mencari tempat lain untuk bergantung.

Oleh itu saya harap Pakatan Rakyat boleh belajar daripada episod-episod ini dan jika rasa lebih selesa, lebih baik, lebih senang harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang duduk di sebelah sana kekal dan duduk di sebelah sana, kalau lebih mudah mainkan peranan sebagai parti pembangkang, maka cadangan saya ialah Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di sebelah sana, terus kekal di kerusi masing-masing.

■1240

Memang benar BN mempunyai banyak masalah. Setelah 50 tahun sebagai satu parti biasa yang terdiri daripada berbilang kaum, kita akui masalah dan perubahan perlu diteruskan, tetapi kita telah diuji banyak kali. Sudah 50 tahun kita diuji. Sebaliknya Pakatan Rakyat cuma dua tahun sudah pun begitu banyak masalah. Saya pasti mereka tidak tentu dapat bertahan sampai 52 tahun. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Permatang Pauh.

12.40 tgh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak dan tahniah kepada Yang Berhormat Labis. Bahagian

pertama ucapan dia, ucapan MCA, bahagian kedua UMNO yang sediakan...
[Ketawa][Tepuk] Begitulah lemahnya MCA dan GERAKAN sekarang ini. Saya cuma...

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Saya boleh mencelah tidak?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tahniah. Boleh, boleh. Saya boleh beri laluan tetapi biar saya mula dahulu. Tahniah kerana membaca ucapan UMNO dengan begitu tekun... *[Ketawa]*

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Permatang Pauh...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ketua Pembangkang nampaknya baca ucapan DAP.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Fakta-fakta itu daripada Yang Berhormat Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Belum mula lagi. Sekejap lagi saya beri peluang.

Menjunjung kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya hendak mulakan dengan menjelaskan Perkara 60 dalam Perlembagaan, ucapan Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong boleh memberi ucapan dalam mana-mana Majlis Parlimen atau dalam kedua-dua Majlis Parlimen bersesama. Saya juga hendak terangkan tentang apa makna Titah Yang di-Pertuan Agong dalam ucapan menjunjung kasih.

Titah Yang di-Pertuan Agong itu dipersembahkan oleh Perdana Menteri. Itu prosedurnya. Ikut pengalaman saya dalam kerajaan, Ketua Setiausaha Negara mengumpul semua maklumat daripada kementerian, siapkan kemudian diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri yang mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet menyiapkan pidato ataupun Titah Yang di-Pertuan Agong. Siap, dikemukakan kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri kemudian atas budi bicara beliau, tokoh tambah, ubah dan serah kepada Yang di-Pertuan Agong ucapan-ucapan kerajaan.

Sebab itulah sepanjang 50 tahun kita di Parlimen, jarang sekali ucapan Yang di-Pertuan Agong digunakan untuk memuji secara peribadi Perdana Menteri... *[Ketawa]* Ini Yang Berhormat Gua Musang bersetuju sebab dia pun banyak pengalaman melihat bagaimana perkara ini berlaku. Belum pernah. Maknanya, Perdana Menteri rasa malu kalau hendak letakkan. Selalunya, tahniah kepada kerajaan selepas menang pilihan raya itu biasa, tetapi hendak masukkan sendiri, Yang Amat Berhormat Pekan masukkan "*Para pemimpin hendaklah mencontohi Mamanda Perdana Menteri...*" *[Ketawa]* *[Disampuk]* Tidak rasa segan silu sama sekali dan ini janggal kerana boleh semak. Yang Berhormat Pasir Salak cuba buat *homework*, boleh semak titah-titah terdahulu. Jangan pakai sokong seperti Yang Berhormat Labis sahaja... *[Ketawa]*

Bukan setakat itu, Tuan Yang di-Pertua, inilah kali pertama dalam sejarah di mana dalam Titah Diraja, Yang di-Pertuan Agong, satu pujian khusus kepada inisiatif yang dibuat oleh isteri Perdana Menteri...*[Disampuk][Tepuk]* ...Berikutan kejayaan Program PERMATA Negara: PERMATA Pintar; PERMATA Seni; PERMATA Insan; dan PERMATA Remaja. Ini PERMATA yang memang menjadi

projek istimewa si isteri jelita. Jadi ini yang saya hendak betulkan supaya perkara ini jangan diulang. Maknanya, ini merupakan satu percubaan merosak tradisi ulung kita, mempertahankan Institusi Diraja... [Tepuk] Dan menuntut supaya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Pidato atau Titah Diraja itu menjadi suatu titah, walaupun mewakili pandangan kerajaan yang ada tetapi tidak dilihat sebagai begitu partisan, begitu murahan untuk mengundang pujian. Kalau pujian kepada kerajaan pun saya tidak hairan sangat tetapi pujian peribadi, bagi draf, tolong puji Mamanda Perdana Menteri dan ikut contohnya. Banyak contohnya fakta perlu ikut tetapi saya akan sentuh kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Awal Yang Berhormat Kota Belud ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Masih panggil Ketua Pembangkang agaknya, ya? Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Dahulu sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri dan mempengerusikan jawatankuasa yang disebut tadi, apakah apabila kerajaan memberi draf ucapan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pihak istana mempunyai hak untuk mengubah isi kandungan draf yang diserahkan kepada istana?

Persoalannya di sini, pada saya Tuan Yang di-Pertua, apabila draf itu diserahkan kepada istana dan apabila ucapan itu keluar dari mulut Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, itulah Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tidak boleh dipertikaikan kecualilah kalau draf itu tidak disebutkan, diluahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan ini. Jangan persendakan istana... [Disampuk]

Kalaulah ucapan itu keluar daripada mulut Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Titah Diraja di dalam Dewan yang mulia ini, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada Permatang Pauh, menghormati ucapan itu kerana itu bukanlah daripada draf ucapan yang diserahkan oleh kerajaan tetapi sebenarnya adalah Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Harap faham itu. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kena belajar lagi apa dia *constitutional monarchy*. Ini sudah jadi Ahli Parlimen. Saya faham dia tidak pernah jadi Menteri lagi. Jadi mungkin dia tidak tahu prosedurnya tetapi apa yang disebut Raja berperlembagaan, titah itu, *king's speech from the throat*. Ini mengikut lazim daripada sistem *House of Common Westminster* tetapi tidak semestinya kita ikut semua. Akan tetapi, peraturan itu memang diikuti. Tidak apalah kalau kata Yang Berhormat Kota Belud, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendak pinda satu, dua perkataan, tidak apa, tetapi takkanlah draf itu daripada kita, hendak sebut tolong puji saya dan isteri saya dalam ucapan itu... [Ketawa] Itu yang pertama.

Menegur titah, meminda beberapa pandangan itu tidak pernah dianggap tidak taat setia. Janganlah begitu dangkal pemikiran sampai tidak tahu peraturan. Titah Diraja boleh dibahaskan, sebahagiannya boleh dipersetujui, boleh ditegur,

boleh diminta pindaan. Bukan maknanya Titah Diraja ini maknanya titah yang tidak boleh ditegur. Tidak faham macam mana dia jadi Ahli Parlimen lama begini. Patutlah UMNO ini susah sangat... [Ketawa] [Disampuk]

Saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, inilah cara UMNO. Bila kita tegur, ini anti-Raja. Kemudian bila kita sebut sedikit, anti-Melayu. Dia anti-Melayu, rompak harta Melayu tidak apa. Bukan setakat dia, dia guna pula MCA dua, tiga orang suruh bercakap bagi pihak dia... [Disampuk] Saya akan sentuh perkara itu. Cuma, saya hendak sebut tentang Titah Diraja, minta supaya kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri sekarang, janganlah menggunakan Titah Diraja kerana memang dirancang begitu. Jadi esoknya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitahkan supaya rakyat mencontohi Mamanda Perdana Menteri. Itu murahan sekali politiknya begitu. Ini kita harap dapat dibetulkan.

Keduanya, saya memilih untuk menyentuh banyak isu ekonomi pada hari ini dan menyerahkan kepada rakan-rakan saya daripada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat dan sedikit-sedikit cebisan macam Yang Berhormat Labis, dia beri pandangan kita juga. Sebahagian awalnya sebelum UMNO campur tangan draf dia... [Ketawa]

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Di sini saya boleh mencelah tidak?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Boleh.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Mengenai menyatakan fakta atau ucapan didrafkan oleh UMNO, segala ucapan saya buat sendiri... [Disampuk] Kalau kita hendak fakta, fakta-fakta itu ada terdapat di internet Yang Berhormat Gombak. Tidak perlu cari jauh-jauh. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya terima baik. Maknanya, dia sudah menghadam pandangan UMNO... [Ketawa] [Tepuk] Tidak perlu UMNO tolong draf lagi dah. Jadi, tahniah, tahniah. Maknanya, berhasil UMNO Johor. Dia hadam.

■1250

Sebab itu di bahagian akhir Yang Berhormat Labis, saya kebetulan ikuti ucapan dia baik bahagian awal, dia boleh mengemukakan beberapa isu pokok mengusulkan pindaan dasar secara radikal. Saya lihat ini sesuatu yang positif, cuma untuk membetulkan sebagai insurans maka dia bawa bahagian akhir itu menghadam dan menghayati roh perjuangan UMNO. Itulah dia memilih untuk mengkritik Selangor dan Kedah.

Saya hendak sebut sebagai Ahli Parlimen Johor, tidak terfikir, dengan beberapa kelemahan kecil ini, air baru di Johor perlu bayar air 50 tahun. Tidak terasakah rakyat membayar? Tidak terfikir, bahawa bekalan air ini katanya tidak sampai ke pangsapuri. Ini dia tidak ikuti kerana dia baca *Utusan Malaysia*. Tidak lapor ini, bahawa sebenarnya perkara itu sudah selesai, tidak payah pasang meter di pangsapuri Yang Berhormat Labis. Sudah. Tanya saya, saya penasihat ekonomi Selangor, RM1 sebulan.

Jadi oleh demikian, perkara itu sudah tidak relevan. Yang disebut satu, dua yang belum bagi. RM2,500 orang yang meninggal dunia, RM1,000 yang hendak masuk universiti, Skim TAWAS, mengapa tidak dilakukan 50 tahun sebelum ini di Selangor? Mengapa tidak dilakukan di Johor? Mengapa tidak di Sabah dan Sarawak? Bukankah ini satu usaha meringankan beban rakyat? Saya rasa ini satu kenyataan yang tidak boleh disangkal oleh Yang Berhormat Labis dan

saya harap soal kutipan semester, memang betul. Sebab kerosakan begitu banyak. Lihat Kedah satu ekar, masa UMNO perintah RM1,000 satu tan balak untuk satu ekar...

Beberapa Ahli: Untuk apa?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, balak, balak. RM1,000 kepada..., siapa yang dapat? Kroni UMNO dan MCA... *[Tepuk]* Sekarang Tuan Yang di-Pertua, satu ekar RM19,000. Saya hendak tanya RM18,000 selama 50 tahun yang menjangkau ratusan juta ringgit dirompak oleh siapa?... *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: UMNO!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Apakah ini bukan isu pokok kerana Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah, UMNO digulingkan baru dibetulkan satu sistem perompakan konsisten dan sistematik. Di Selangor memang betul ia mengambil masa untuk memulihkan pasaran pasir sebab diberikan dengan longgar kepada rakan-rakan tanpa tender, tanpa sistem yang telus. Anak muda seperti Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Labis tanpa kira parti patutnya dukung proses ini. Cukuplah masa rompak harta negeri ini, kemudian hendak pertahankan begitu rupa... *[Tepuk]* Jadi saya harap diterima.

Menyusul pandangan Yang Berhormat Labis dan Yang Berhormat Kuala Krau apa yang diserang kita? Kita ini menyokong DAP termasuk diserang peribadi Yang Berhormat Marang yang tinggalkan Islam. Ini daripada seorang yang ada pendidikan agama yang buat kenyataan melulu begitu. Apa alasannya? Kerana kita ketepikan Perlembagaan. Kita tidak hormati Islam dan kita tidak jaga kepentingan Melayu dan bumiputera. Kerana DAP ini... Ulang kali disebut.

Saya ada dokumen ditandatangani Tuan Guru Hadi Awang, Yang Berhormat Kit Siang mewakili DAP dan saya. Apakah dokumen tersebut? Isu pokok dalam Perlembagaan. Prinsip dasar yang termaktub dalam Perlembagaan. Tidak diketahui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan kerana tidak baca. Dia baca laporan *Utusan Malaysia* yang tentunya tidak akan lapor. Apa yang disebut di sini? Prinsip mengulangi pendirian, menjunjung prinsip-prinsip dasar yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan Islam agama Persekutuan, bahasa Melayu bahasa kebangsaan, kedaulatan Institusi Diraja Melayu, hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera. Walaupun dijamin hak kaum lain, agama lain, bahasa lain seperti mana termaktub dalam Perlembagaan. Jadi Yang Berhormat Pasir Salak jangan ulang isu semangat Perlembagaan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih saudara Yang Berhormat Permatang Pauh dan Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, membacakan satu dokumen persetujuan di antara komponen Pakatan Rakyat berhubung dengan perkara-perkara kononnya mempertahankan apa yang terdapat di dalam Perlembagaan dari segi kedudukan agama Islam, Raja-Raja Melayu, kedudukan orang Melayu tetapi itu hanya di atas kertas. Apa yang berlaku sejak Pakatan Rakyat memerintah beberapa buah negeri dan juga duduk dalam Parlimen dengan bilangan yang bertambah, tidak menampakkan komitmen kepada apa yang dipersetujukan itu.

Sebagai contoh, mengapanya pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat yang terdiri daripada pelbagai parti itu mengheret pengikut dan rakyat untuk membenci Raja-Raja? Untuk berlaku derhaka kepada Raja, menghina Raja? Dalam ucapan,

dalam tindakan, dalam demonstrasi, tunjuk perasaan dan sebagainya, dan tidak boleh menerima keputusan yang dibuat oleh Raja-Raja yang berdasarkan kepada Perlembagaan dan undang-undang dan kita dapati kes berhubung...

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Minta laluan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kait dengan Menteri Besar Perak yang telah diputuskan oleh Sultan Perak. Mengikut peruntukan di dalam Perlembagaan dan undang-undang yang dicabar, yang dipersoalkan terbukti apabila ianya melalui satu proses mahkamah, bahawa Sultan melakukan ataupun membuat keputusan mengikut peraturan dan undang-undang. Kenapa boleh pihak pembangkang mempertikaikan dan menghina Raja-Raja, sehingga hari ini pun? Bagaimana boleh pihak saudara Yang Berhormat Permatang Pauh boleh mendabik dada mendakwa mempertahankan, menghormati Raja-Raja kita. Itu satu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ada lagi?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kedua, begitu juga dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang berlaku di Pulau Pinang dengan sikap Ketua Menteri yang begitu angkuh dan mempunyai cita-cita besar untuk mengangkat kedudukan bahasa-bahasa lain setaraf dengan bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan. Ini kita tahu agenda tersirat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cukup, cukup, cukup!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Agenda tersirat. Yang Berhormat Bagan Serai tolong diam.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa diam?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini peraturan mesyuarat. Saya telah diberi ruang...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bagan Serai sanalah!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Padang Serai... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habis sudah Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Baik, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat sedikit lagi.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Nanti kemudian boleh ulang lagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu soal bahasa.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini giliran saya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagilah peluang.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang hendak berucap siapa?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, itu soal bahasa. Soal bahasa.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, boleh-boleh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Keduanya dari segi kedudukan keistimewaan orang Melayu di dalam Perlembagaan pun dipertikaikan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cara menjerit-jerit itu bukan cara di dalam Parlimen... [*Dewan riuh*] Suara sahaja besar tetapi tidak berani. Yang berani ini Yang Berhormat Bayan Baru, mana dia? Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang berani... [*Ketawa*] Sana itu tidak berani. Jadi tidak betul. Saya tidak percaya. Kita tidak boleh percaya sama sekali bahawa pakatan pembangkang mempunyai komitmen untuk mempertahankan apa-apa yang disebutkan di dalam Perlembagaan. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudahlah!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ada berapa minit saya hendak terang pasal Pulau Pinang. Sedikit dahulu. Bahasa mana yang sama ini..., *you* lihat di mana?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak apa, kemudian jawab. Bila kali terakhir pergi Pulau Pinang, di mana..., pergi makan *mamak stall* mana? [*Ketawa*] Jadi yang saya tahu, saya ikuti ucapan rasmi, kenyataan rasmi, peraturan rasmi semua dalam bahasa Melayu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Satu, satu setengah minit. Yang penting Yang Berhormat tengok peruntukan Majlis Agama Islam. Masa UMNO GERAKAN perintah, yang di bawah Senator yang tidak ada kawasan ini, peruntukannya RM12 juta. Tahun pertama Tuan Lim Guan Eng menjadi Ketua Menteri walaupun perwakilan Keadilan itu kurang, peruntukannya itu RM24 juta... [*Tepuk*]

Yang lain saya sambung. Saya akan sambung, dengar baik-baik lepas ini sambung. Sudah tutup.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung petang Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Datuk Seri.

2.31 ptg.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung yang pertamanya untuk menjawab celahan rakan saya dari Pasir Salak yang membangkitkan isu tanah dan apa yang dilakukan di negeri-negeri Pakatan Rakyat. Saya ingin jelaskan di sini, isu tanah yang diluluskan untuk negeri Perak yang diberi geran kekal. Ini dibangkitkan oleh rakan-rakan pemimpin UMNO di seluruh Perak yang mengatakan kita khianati amanah kerana memberikan tanah milik kekal kepada penduduk Cina dari Kampung Baru. Faktanya yang ini. Saya hendak menjelaskan fakta, kemudiannya kita boleh bahaskan tafsirannya. Ada 134 Kampung Baru, 47,000 geran diluluskan. Ada 349 Kampung Tersusun majoriti Melayu sebahagian kecilnya India, 102,000 diluluskan. Jadi untuk mengatakan bahawa dasar ini dasar yang memihak kepada mana-mana kaum adalah tidak benar. Bezanya ialah ia dicanangkan oleh pimpinan UMNO dan saya tidak fikir mereka ikhlas sebab gunung. Saya disebut di Parlimen dalam sidang yang lalu gunung Genting Highlands diberikan kepada Tan Sri Lim Goh Tong, mereka tidak protes. Bukit Tinggi diberikan kepada Tan Sri Vincent Tan, tauke judi nombor dua, mereka tidak protes. IPP diberikan kepada beberapa tauke judi termasuk Ananda Krishnan, mereka tidak protes.

Bila kita luluskan tanah kepada pekebun Cina di Kampung Baru, itu jadi isu politik besar di negeri Perak. Akan tetapi kita luluskan juga 102,000 *title* untuk penduduk-penduduk Melayu yang menunggu selama 50 tahun di bawah pimpinan UMNO, Barisan Nasional. *[Tepuk]* Di Terengganu semasa pimpinan Tuan Guru Abdul Hadi Awang, geran 60,000 – geran kekal kepada penduduk-penduduk yang majoritinya Melayu, 95% hingga 98% Melayu, diluluskan. Akan tetapi di dalam kedua-dua kes ini sebaik sahaja ada rampasan kuasa di Perak dan perubahan pimpinan kerajaan negeri di negeri Terengganu yang diluluskan kepada 102,000 Melayu di Perak dan 60,000 geran Melayu di Terengganu dibatalkan.

Kerajaan Barisan Nasional batalkan geran kepada pemilik-pemilik kampung tetapi tidak batalkan malah memuji, memberikan pujian besar kepada rakan-rakan Genting Highlands, Bukit Tinggi dan ini sikap mereka, jelas kepura-puraan yang nyata dan saya berharap Yang Berhormat Rembau dapat fikir isu ini juga.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]* Ya, Rembau hendak mencelah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Tahniah, masih lagi jadi Ketua Pembangkang walaupun parti sudah hilang beberapa kerusi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia tak jadi Menteri pun, cakap besar. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Rembau hendak jadi Menterikah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, terima kasih Padang Serai, terima kasih. Saya tahu Yang Berhormat Padang Serai sokong saya. Saya tahu Yang Berhormat Padang Serai sokong saya. *[Dewan riuh]* Berbalik kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang

Pauh tadi, Yang Berhormat Permatang Pauh banyak membangkitkan isu, bagi penjelasan kononnya kerajaan pakatan ini tidak berdiskriminasi. Banyak contoh yang diberi bahawa adil dan saksama mengikut semua kaum.

Namun begitu, di sini Yang Berhormat Permatang Pauh juga menyalahkan UMNO menyatakan bahawa ini semua UMNO yang canangkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Betul!

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini semua propaganda UMNO yang mengatakan bahawa pakatan ini anti Melayu dan sebagainya. Cuma saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, minta pandangan dia. Mungkin di atas kertas nampak persetujuan itu cantik ditandatangani oleh Tok Guru Marang dan sebagainya, tidak ada masalah. Cuma persepsi ini wujud dan persepsi ini bukanlah persepsi yang hanya ditulis dalam *Utusan Malaysia* ataupun disebut oleh orang UMNO sahaja. Saya ambil petikan bahawa ada seorang pemimpin pembangkang yang dikatakan "*chauvinist, dictatorial and communist minded*". Ini merujuk kepada Yang Amat Berhormat Bagan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang. Ini bukannya datang daripada *Utusan Malaysia*. Ini bukannya datang daripada orang UMNO, tetapi ini datang daripada Yang Berhormat Bayan Baru yang satu ketika dahulu *a leading light of Parti Keadilan Rakyat*.

Sekarang ini Yang Berhormat Permatang Pauh boleh bagi bermacam-macam alasan kononnya tersilap pilihlah, *you are sorry because you choose a wrong candidate*. Akan tetapi masalahnya ialah dia ini adalah seorang rakan karib, orang kuat kepada Parti Keadilan Rakyat yang sanggup keluaran kenyataan yang tersebut. Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh boleh cuba menipu ataupun mengelirukan Dewan dengan beberapa fakta tetapi masalahnya perkara ini datang daripada orang Keadilan sendiri yang sudah hilang kepercayaan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Patut Menteri yang cakap!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Itu pun satu percubaan yang baik tetapi dalam soal fakta Yang Berhormat Rembau tidak boleh lari. *You* boleh pusing kenyataan komiti, tetapi Genting Highlands sebagai tauke judi boleh, Kampung Tersusun kepada orang-orang Melayu tidak boleh. Itu tidak dijawab sampai sekarang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak, kenapa tidak dijawab soal kenyataan...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya jawab, saya akan jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawab itu dulu!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jangan bimbang, jangan bimbang. Saya bukan Rembau, saya Permatang Pauh. *[Ketawa]* Saya akan jawab tetapi saya hendak katakan ini, bagus juga kerana "menteri kapal selam" pun datang *[Dimaksudkan kepada Menteri Pertahanan]* *[Ketawa]* Saya bagi tahu, bagi angka ini, 60,000 geran Melayu Terengganu, 102,000 geran Melayu kampung di Perak dibatalkan oleh UMNO, Barisan Nasional. Ini tidak dijawab. Kalau dikatakan kita bagi kepada 47,000 keluarga Cina, saya akui dan saya rasa ini keputusan yang tepat. Kita bantu orang Cina yang susah.

■1440

Mengapa Yang Berhormat boleh mempertahankan dasar, mempertahankan tauke-tauke judi yang kaya-raya, gunung, bukit, pulau bagi tidak mengapa. Itu belum jawab. Saya hendak jawab isu yang dibangkitkan...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bukan Yang Berhormat mempertahankan tauke judi yang sama sewaktu menjadi Menteri Kewangan? Bukan Yang Berhormat menari bersama dengan anak tauke judi tersebut sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Okey.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawab soalan itu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya joget sedikit.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh cakap benda lepas itu *absolve* sendiri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya jawab Yang Berhormat, jangan bimbang, saya jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apa yang berlaku pada masa yang lampau.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya joget sedikit kah...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat tidak boleh. Yang sebut tentang tauke judi.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Boleh, *no problem*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita masih ada lagi video yang Yang Berhormat berdansa, berdansa bersama anak kepada... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Selain daripada Yang Berhormat Permatang Pauh Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini Ketua Pemuda UMNO menari sedikit dengan India, joget, dosa besar. Mentakedarah arak, okey. [*Dewan riuh*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Siapa kata Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sama macam politik.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Siapa kata Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Anak perempuan miskin di Pahang minum *bir*...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat hendak mengelak dari jawab soalan pertama tadi...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya jawablah ini. Dengarlah sekejap.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawab dahulu. Ini pergi melancong ke Genting Highlands, kerana Yang Berhormat yang berdansa dengan anak tauke judi itu tersebut.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawab dahulu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya ulang jawapan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya ulang jawapan. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak ialah kita bicara soal dalam Pakatan Rakyat, kita kata kita tandatangani dokumen ini. Akan tetapi dalam pelaksanaannya, kita dukung Cina, itu kenyataan dia. Saya jawab berdasarkan fakta, angka. Okey, dan saya tanya balas selepas jawab berdasarkan angka bahawa das yang dituduh itu tidak benar. Jalan mana yang ditukar menjadi jalan Cina di Pulau Pinang? Saya anak Pulau Pinang, jalan mana yang digantikan dari bahasa Melayu ke bahasa Cina? Jalan mana?

Seorang Ahli: Menari...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Menari memang, saya joget, ya! Itu saya sudah sebut. Pemimpin UMNO kalau nampak saya menari sedikit, itu setiap hari dia tunjuk. Pemimpin UMNO mentakedarah arak atau judi, itu *none issue*. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu bukan soalnya Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Itu jawapan saya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Soalnya bukan Yang Berhormat Permatang Pauh berjoget. Kalau joget itu tidak ada masalah. Yang Berhormat Permatang Pauh berjoget dengan anak tauke judi.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kemudian saya hendak sambung...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu masalah dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya ingat kita tunjukkan *orders* sedikitlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Rembau, duduk Yang Berhormat. Begitu juga dengan Yang Berhormat Padang Serai.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya dengar suara Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak bercakap pun tidak boleh dengar. Dengar *you* seorang punya suara.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya terima kasih. Ini yang saya sebut faktanya. Keduanya, saya bagi contoh. Seorang anak gadis minum *beer*, isu besar, mesti rotan. Ini hukum. Ini Syariah. Pemimpin UMNO membeli syarikat arak Sam Miguel ratusan juta ringgit. Itu tidak jadi isu? Apa dari segi hukum? Apa dia masalahnya? Apakah kita pertikaikan hukum, apakah kita memainkan Syariah atau kita bercakap maqasit syariat itu sendiri?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sebab itu saya minta supaya kita konsisten tentang perkara ini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Biar saya habis dahulu. Bercakap soal...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Cari fakta itu kena betul.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang bangkitkan...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan kata pemimpin UMNO yang membeli syarikat Sam Miguel. Itu tidak betul.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yes, ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu tidak betul, pemimpin UMNO mana? Pemimpin UMNO mana?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sahabat *you* dahululah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Pemimpin UMNO mana? Pemimpin UMNO mana? Pemimpin UMNO mana yang membeli syarikat Sam Miguel?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Memang saya tahu Ketua Pemuda UMNO dia sengaja suruh saya sebut nama Tun Mahathir.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no no.* Yang beli, yang beli syarikat Tun Mahathir kah?

Seorang Ahli: Keluar dialog lah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dia sengaja hendak *provoke*. Keluarga.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang beli, yang beli syarikat Tun Mahathir kah?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Syarikat keluarga.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no.* Yang beli itu siapa? *You* kata yang beli itu adalah Pemimpin UMNO. Betulkan sedikit.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Syarikat keluarga pemimpin UMNO.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bukan keluarga. Anak dia yang beli, itu lain. Berbeza. *[Dewan riuh][Tepuk]* Tidak boleh. Yang Berhormat kata pemimpin UMNO. Pemimpin UMNO lain.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini... Okey. *[Disampuk]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Duduklah, duduklah Yang Berhormat Rembau.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini jawapan... *[Dewan riuh]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Anak bukan keluarga kah? *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Anak bukan keluarga kah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Hey, anak bukan keluarga kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia perlu perbetulkan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Yang Berhormat Rembau memang sengaja *provoke* saya...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Supaya saya sebut nama Tun Mahathir.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak, tidak.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kemudian keduanya bagi dia...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh perbetulkan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Anak tidak apa, seperti mana bekas Perdana Menteri bagi kontrak kepada menantu pun tidak apa.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebab cakap pemimpin UMNO ini lain. Yang Berhormat Permatang Pauh, pemimpin UMNO ini lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tolonglah Yang Berhormat. Tolong Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan cemarkan institusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tolonglah. Saya ingat kita perlu dengarlah dahulu. Lepas itu kalau hendak cakap, cakaplah. [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini macam pemerintahan Pemuda UMNO lah. Mana peduli peraturan. Dia masa Perdana Menteri dahulu, menantulah yang jadi dapat semua. Sebelum itu, anak.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sekarang isteri dan anak.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, dia mula lagi sudah. Tadi soalan tidak dijawab. Soalan yang saya bangkitkan tidak dijawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya sudah jawab, saya...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Soalan tadi tidak dijawab Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dengar Yang Berhormat Rembau, kita perlu tunggu dahulu. Kalau dia kata dia hendak jawab. Tunggu dengar dia jawab dahulu. Akan tetapi kalau tiap-tiap satu ayat perkataan hendak kita bantah, mungkin jawapan itu pun tidak sampai.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bersorak]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat. Saya bukan perlukan sorakan orang Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Akan tetapi Anak Tun Mahathir pun *best*. Boleh... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan juga masalah ternakan khinzir. Ternakan khinzir di Kedah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labis mengatakan bahawa kita... Bukan ternakan ya?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Penyembelihan khinzir. Penyembelihan ini di masa UMNO selama 30 tahun, tidak berlesen. Keduanya, bantahan penduduk ada. Yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kedah di bawah pimpinan Ustaz Azizan, kawasan babi ini 30 tahun beroperasi. Tidak ada lesen. Akan tetapi UMNO tidak ambil tindakan. Pencemaran alam sekitar berdekatan dengan Sungai Kedah dan penempatan. Bantahan penduduk setempat tidak diambil tindakan. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kedah ialah memindahkan dengan persetujuan syarikat penyembelih ini ke tempat baru di kawasan Kampung Tok Pawang Semeling. Ini yang dilakukan, salah apa lagi ini?

Tidak ada lesen, tidak bantah. Apabila kita pindah, dibantah. Jadi saya harap hal-hal ini kalau kita rujuk kepada fakta, termasuk soal Cina, Melayu, India, kita rujuk kepada fakta. Saya bagi tahu sekurang-kurangnya Pulau Pinang, Selangor ada *target* khas membasmi kemiskinan tegar yang tidak dilakukan oleh negeri-negeri lain. Dibangkitkan juga soal Raja-Raja Melayu. Yang Berhormat Pasir Salak mengatakan bahawa kita ini menentang Raja-Raja. Baca Hansard sahajalah, daripada 89-93. Apa kata pemimpin-pemimpin UMNO daripada Raja-

Raja? Apakah kita konsisten untuk menyatakan bahawa kita ini mendaulatkan sistem Raja. Dalam Perlembagaan jelas dan pendirian kita jelas.

Ada hal yang kita rujuk ke mahkamah kerana kita rasa keputusan nasihat yang diberikan oleh Menteri Besar atau kerajaan atau Perdana Menteri tidak bertepatan. Akan tetapi tidak konsisten. Dalam kes Perak. Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO semuanya mahu raja seolah-olah kuasa mutlak sampai Mahkamah Persekutuan memberi keputusan 5-0. Maknanya keputusan mutlak Raja-Raja. Dalam Peruntukan Perlembagaan 43(5) ada beberapa peruntukan khusus kuasa Raja-Raja termasuk menerima peletakan jawatan atau pemecatan atau pelantikan. Saya rujuk ini ke mahkamah dalam isu pemecatan 1998. Apa mahkamah kata? Kuasa mutlak Perdana Menteri. Jadi yang mana satu? Hendak suruh kita hormat Perlembagaan undang-undang, keputusan hakim. Ada dua kes. Satu keputusan 5-0 kuasa mutlak Raja-Raja kerana memihak kepada UMNO.

Dalam kes yang saya bawa 43(5) dan saya bawa dengan yakin kerana Tuanku Almarhum Tuanku Jaafar di hadapan saya Dato' Seri Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain dan Tuanku Najihah memaklumkan Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika itu tidak memperkenan. Tidak dimaklum dan tidak diperkenan pada 2 September 1998. Maka melihat kepada peruntukan Perlembagaan 43(5), kita bawa. Apa keputusan mahkamah? 3-0. Keputusannya Agong tidak ada kuasa sama sekali walaupun dalam 43(5), Agong mesti dimaklumkan dan diperkenan pelantikan Menteri dan pemecatan. Kuasanya, kuasa Perdana Menteri kita tidak pertikai. Akan tetapi prosesnya adalah dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

■1450

Apa keputusan Mahkamah Persekutuan? 3-0. Kuasa mutlak pada Perdana Menteri. Jadi ini yang harus kita perhatikan kalau kita betul-betul pertahankan semangat perlembagaan. Semalam Perdana Menteri menyebut semangat Perlembagaan. Apa-apa perubahan ikut prinsip Perlembagaan. Kemudian diulang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO tetapi yang saya tekankan ini prinsip Perlembagaan. Saudara tanya bahawa dalam Pakatan Rakyat tidak ada keputusan itu. Sebab itu saya bawa dokumen ini yang ditandatangani saudara kata pelaksanaannya tidak seberapa.

Isu lain. Pertama tuduhan bahawa kita tidak tunduk kepada prinsip Perlembagaan ini tidak tepat. Ini yang saya jelaskan dahulu. Kalau masalah yang dikatakan pelaksanaannya tidak tepat seperti mana yang kes geran tanah Terengganu baik, Perak baik saya sudah jelaskan. Saya ada seperkara kecil sahaja sentuh bila Perdana Menteri dalam ucapan sebentar tadi menjawab isu yang saya bangkitkan sebelum berehat makan tengah hari tentang PERMATA.

Saya tidak pertikai peranan Yang Amat Berbahagia isteri Perdana Menteri menjalankan projek PERMATA. Saya tidak ada halangan bahkan bersetuju kalau langkah-langkah yang baik. Saya hanya pertikai mengapa satu projek ini dimasukkan dengan diminta dalam Titah Diraja memberikan perhatian dan pujian. Mengapa puluhan projek lain yang diusahakan oleh pemimpin-pemimpin wanita itu tidak diambil kira kerana draf itu akhirnya adalah draf dan titah ucapan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri.

Saya hendak sentuh sedikit tentang 1Malaysia. 1Malaysia 1Gagasan tidak payah kita pertikaikan, hendak menyatupadukan rakyat. Bunyinya lunak tetapi saya cuma hendak ingatkan cadangan yang dikemukakan oleh APCO syarikat perunding antarabangsa yang ditunjangi oleh dua tokoh Israel, bukan Yahudi, tokoh Israel. Ia ada Yahudi tetapi isunya bukan isu Yahudi isu dari Israel.

Bekas Duta Israel ke Amerika Syarikat dan satu lagi seorang lagi bekas Duta Israel ke Jerman. Bukan orang Yahudi di tempat lain ini orang Israel yang mendukung fahaman Zionis yang menindas rakyat Palestin yang mengepung Gaza. Orang ini yang menerajui APCO dan APCO dibayar oleh Perdana Menteri untuk menasihati.

Tidak jadi isu kepada UMNO. Mesti sokong dan amin semua tetapi satu perkara yang penting bila kita sebut 1Malaysia. Pada tahun 1999 APCO harum namanya kerana diambil oleh Ehud Barak, sekarang Menteri Pertahanan yang ada pertemuan khas dengan Menteri Pertahanan Malaysia baru-baru ini. Ehud Barak Perdana Menteri Israel 1999 mengambil APCO dan APCO menasihati Ehud Barak supaya menggunakan slogan baru untuk Israel. 1999 satu Israel. 2009 APCO menasihati Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib 1Malaysia. Selainnya tafsiran sendiri.

Akan tetapi orang-orang ini kemudian memfitnah kita sebagai alat Yahudi sekarang ini alat China, perkakas China. Orang-orang ini juga terlibat dalam pentadbiran Perdana Menteri yang lalu menyambung bantuan pelobi yang diketahui oleh Ahli Parlimen Putrajaya. Apa dia? Menggunakan khidmat seorang pelobi Yahudi terkenal di Amerika yang juga tauke judi yang menipu *Red Indians* kerana membina kasino dan menipu mereka. Jack Abramoff namanya.

Jack Abramoff dibayar oleh pemimpin-pemimpin UMNO untuk mendekati Perdana Menteri dengan pentadbiran Amerika Syarikat pada ketika itu George W. Bush. Ada *congressional notes* yang mengesahkan apa yang saya sebut pada hari ini. Jadi oleh yang demikian jangan kita pakai hentam kromo memfitnah orang pada hal kenyataannya tentang Jack Abramoff dan APCO. Itu yang nyata. Saya hendak tanya mana dia ustaz, ustazah Menteri agama? Apa pendirian mereka dalam isu-isu seperti ini? Jangan tanya Setiausaha Agung UMNO tanya yang lain.

Ini Jack Abramoff bukan masalah dia Yahudi dia itu pelobi yang *NeoCon*, *neoconservative*, pandangannya ekstrem dan yang paling parah menipu kepada dalam membina kasino di tanah orang *Red Indians* di Amerika Syarikat dan tidak dibayar. Kita bicara soal 1Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh. Pertamanya Yang Berhormat Permatang Pauh terima kasih bagi laluan sekali lagi. Saya hendak tanya manakah bukti yang kaitkan APCO itu dengan kempen 1Israel, bukti kukuh yang kaitkan bahawa APCO itu adalah pencetus kepada kempen 1Israel yang diperkenalkan Perdana Menteri Israel Ehud Barak pada tahun 1999.

Kedua, Yang Berhormat Permatang Pauh perlu *clarify* sedikit sebab dalam ucapan tadi seolah-olah APCO ini diterajui oleh duta ataupun bekas-bekas Duta Israel. Mereka ini bukanlah *executive* dalam APCO mereka ini adalah sebahagian daripada *International Advisory Board*. Sama dengan ramai lagi 20, 25 orang lagi dalam *Advisory Board* APCO.

Ketiga tadi Yang Berhormat Permatang Pauh sebut tentang kaitan dengan *NeoCon*. Benda ini perlu dibangkitkan sekali lagi sebab saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat Permatang Pauh berucap tanpa segan silu atas hipokripsi sendiri. Apakah kaitan Yang Berhormat dengan Paul Wolfowitz? Kalau kita kata tentang *NeoCon* dialah *God Father* kepada *Neoconservative* di United State di Amerika Syarikat. Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri terima jawatan *Chairman of Future Foundation* daripada *World Bank* pada waktu itu diterajui oleh Paul Wolfowitz.

Jadi di sini jangan kita hipokrit. Kalau dikaitkan kita dengan *NeoCon* yang ada agenda yang begitu buruk untuk menindas dunia Islam. Yang Berhormat Permatang Pauh *you are complicit as well* dengan izin.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sekurang-kurangnya dia mengaku kalau *you are complicit as well* maknanya *they are involved with the* Yahudi. Okey *thank you very much*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *But are you complicit? Are you complicit?*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. Ketua UMNO *the fact that your are admitted you are complicit they shameful*. Tokoh Melayu pertahan Islam *complicit* dengan *NeoCon*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Are you complicit? Are you complicit?*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Okey. *Let me, let me reply*. Jangan biadab, jangan biadab biar kita terangkan biar saya jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Daripada tadi tidak jawab soalan saya? Soalan saya Bayan Baru, soalan saya *NeoCon* tidak jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Bukan bapak mentua awak jadi Perdana Menteri sekarang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh tidak boleh elak, tidak boleh elak tidak boleh lari kena jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. *You* bukan menantu Perdana Menteri sekarang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh kena jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya hendak sebut. Ya saya jawab, saya jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You* kena jawab. *You cannot answer me*.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *You* tanya saya jawab *let me reply*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You are not answer my question. You are helpless. You cannot answer*.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *You see in display arrogant of Pemuda UMNO*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *This is not arrogant*. Saya minta tolong jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dia kalah kita jawab tidak boleh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya minta tolong jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebagai bekas Ketua Pemuda... Tolong jawab sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Permatang Pauh yang lain pun jangan Yang Berhormat tolonglah.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang lain boleh tegur Tuan Yang di-Pertua tetapi puncanya Yang Berhormat Rembau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah tegur Yang Berhormat, saya sudah tegur.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan Yang Berhormat Permatang Pauh, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Two wrong doesn't make a right* Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *You are right* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh atas laluan. Dia tidak sukar kita memahami keberanian Yang Berhormat Rembau kebelakangan ini untuk dilihat berani mencabar Ketua Pembangkang. Sifirnya mudah. Memang pemilihan parti tidak dapat jadi Menteri. Itu sahaja. *[Dewan riuh]* Maknanya perbahasan ini sekarang diikuti oleh Perdana Menteri, perbahasan ini sekarang diikuti oleh Perdana Menteri. Jadi keberanian itu akan memberi markah dan peluang untuk dilantik jadi Menteri. Itu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Riuh]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jadi itu fakta, fakta. Jadi apakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tolonglah saya pun hendak dengar Yang Berhormat Machang Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju tidak susah kita memahami budaya dalam politik UMNO.

■1500

Maknanya, dosa besar dalam UMNO ialah menegur dan berkata benar kepada pemimpin. Itu dosa besar, ya. Parti agama, bangsa, negara. Judi dan arak okey. Jangan cabar kita. Kita boleh tunjuk berapa kerat dalam ini. Berapa banyak botol arak dia togok dalam lawatan-lawatan Pemuda UMNO dahulu. *[Disampuk]* Jangan sebut. Kita boleh sebut. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]* Berapa banyak lesen judi... *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Okey Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Rembau duduk dahulu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah dahulu.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Padang Serai duduk juga.

Seorang Ahli: Hah, terima kasih...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Berapa banyak lesen judi diluluskan dahulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Rembau duduk dahulu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Menteri Kewangan dahulu?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jangan cabar! Kita tahu. *[Disampuk]* Pejabat pemimpin UMNO mana yang tong arak ada dalam pejabat. *[Dewan riuh]* Jangan cabar! *[Ketuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Sewaktu wedding anniversary. [Disampuk]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Pemimpin pemuda UMNO dihidangkan botol arak. Jangan cabar kita. *[Dewan riuh]* Tempat, masa, jam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat. Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Dalam satu forum antarabangsa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Sekijang tidak perlu. Dia punya *floor* sekarang bercakap diberi oleh yang bercakap sebentar tadi Yang Berhormat. Yang Berhormat Sekijang tunggu, kalau dia ada kesalahan dalam peraturan, tolong tunjuk saya. *[Disampuk]* Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju kalau saya katakan bahawa dalam satu forum beberapa tahun yang lepas, selepas Yang Berhormat Permatang Pauh dibuang di Universiti John Hopkins, Amerika Syarikat. Pemimpin pemuda UMNO itu pun ada di sini. Bendahari UMNO Malaysia pun ada di sini. Berapa banyak botol arak dia togok? *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Itu dia, dahsyat! *[Dewan riuh]* Baru kami tahu. *[Dewan riuh]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Hendak berlakon apa? *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baru kami tahu. *[Dewan riuh]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jangan. *[Dewan riuh]* Oleh sebab itu jangan sampai kita sebut, dia marah. *[Dewan riuh]* Eh, marah kenapa? Kenapa marah? *[Dewan riuh]* Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa ini...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sebab apa marah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini.. Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang bersungguh marah kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang. Yang Berhormat Machang tolong ringkaskan soalan itu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya ringkaskan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baru kami tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai tolonglah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baru kami tidak tahu. Dia tidak marah. *Allahu Akhbar...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak!

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya beri fakta ini. Yang Berhormat Bagan Datok tidak marah, Yang Berhormat Batu Pahat tidak marah dan Yang Berhormat Pontian tidak marah. Yang Berhormat Rembau terpaku. Yang Berhormat Pasir Salak yang lebih. Kenapa? *[Dewan riuh]* Kenapa? Oleh sebab itu, jangan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak sangat beritahu. *[Dewan riuh]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jangan sebut... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya, beritahu... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Pasir Salak sudah mabuk kah? *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pengarah strategik sudah gagal.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kalau hendak suruh saya ulang di luar Dewan, saya ulang.

Seorang Ahli: Hendak jadi setiausaha kah ini?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Nama sahaja UMNO...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pengarah strategik sudah gagal!

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tarikhnya bila? Berapa banyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang sudahlah. Tidak usahlah.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, oleh sebab itu saya tidak boleh lihat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hipokrit!

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Dalam satu lawatan UMNO ke Amerika Syarikat ada pemimpin UMNO yang tertidur di *single arm machine slot* judi. Kita tahu! *[Ketawa]* Pengakuan!

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kenapa teruk sangat sampai macam itu?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat Putrajaya boleh kenalkan. Boleh sebut. Jangan tanya saya pemimpin UMNO yang mana?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Siapa? Sebut nama.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Apabila semua orang sudah mengumpat, apabila semua ahli rombongan sudah ada, dua tiga kerat pemimpin UMNO tidak naik bas lagi. Apabila kita turun cari, rupanya tertidur dalam kasino judi. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Hendak sebut apa? Oleh sebab itu...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Siapa dia? *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jangan. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua cukup untuk pusingan kali ini. *[Dewan riuh]* Bagi pusingan kali ini, apakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju tentang perkara ini. Pusingan pertama. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Biar. Saya sambung dan saya harap kita tenang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya mintalah Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham apa perasaan kalau kena sedikit cacian dan cakapan orang lain. Akan tetapi tolonglah jangan kebudak-budakan sangatlah. Yang Berhormat, saya melihat Yang Berhormat seperti muka ketawa, seperti ini semua bukan benda yang serius Yang Berhormat. Saya melihat Ketua Pembangkang bercakap dengan serius. Kalau benda betul atau tidak, bukan soalan saya. Akan tetapi kalau kita hendak memainkan Dewan ini, minta tolonglah Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut perkara ini walaupun Yang Berhormat Rembau pertikai kata *hypocritical* dan sebagainya dan apabila kita hendak jawab dia tidak mahu dengar.

Jadi saya hendak jawab pertama soalan dia, apakah ada bukti yang nyata tahun 1999, APCO menasihati Ehud Barak. Memang betul. Itu apabila kita tengok rekod.

Apabila APCO menasihati Ehud Barak, Ehud Barak menerima usul. Sama ada surat, *detail*, memang saya tidak ada. Akan tetapi yang saya tahu APCO itu menjadi penasihat Israel. Mula terkenal itu kerana mereka menjadi penasihat kepada Kerajaan Israel di bawah Perdana Menteri Ehud Barak. Itu kenyataannya. Sepuluh tahun kemudian, Kerajaan UMNO Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak panggil dia dan kebetulan idea 1Israel itu dibawa menjadi 1Malaysia. *[Ketawa]* Ya, tidak mengapa jikalau saudara tidak setuju. Tidak mengapa Yang Berhormat Pasir Salak, biar saya sambung, biar keadaan itu tenang sedikit. Biar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak tidak perlulah. Dengar dahulu. Yang Berhormat dengar dahulu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kemudian, kedudukan Jack Abramoff.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Fasal apa marah pula!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sudah, sudah, tidak marah. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau tidak saya pun boleh marah! *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Nada saya tenang. Jack Abramoff, itu pelobi yang *controversial* sehingga menjadi bahan siasatan Kongres Amerika Syarikat. Sekarang didakwa dan dipenjarakan. Orang ini yang digunakan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Tidak dinafikan berapa juta yang masuk dan diketahui oleh ramai pemimpin UMNO termasuk duta Malaysia sekarang ke Amerika Syarikat. Ditanya apakah saya ada hubungan dengan beberapa pemimpin Amerika Syarikat. Katanya pelantikan saya sebagai *Chairman Foundation for the Future*, Muassasah Al-Mustaqbal, Yayasan Masa Depan. Dengar baik-baik. *Foundation* ini ditubuh oleh Menteri-menteri Luar Eropah, Amerika Syarikat, Turki dan Qatar. Kerajaan Turki dan Qatar yang mengusulkan nama saya sebagai Pengerusi Muassasah.

Yang Berhormat Rembau sebagai tokoh muda. Saya fahamlah, peranan nak *impress* Perdana Menteri, susah. *[Ketawa]* Bagi Yang Berhormat sekarang tidak mudah. Akan tetapi jangan serang melulu. Dahulu sudah hendak kuburkan saya di Permatang Pauh. *[Ketawa]* Akan tetapi saya tidak jawab. Saya masih waras. Saya masih belum memilih untuk menyerang melainkan diserang. Akan tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, *Foundation for the Future* ini ditubuhkan oleh Menteri-menteri Luar setelah mendapat usul dari Kerajaan Turki dan Qatar. Maka, badan-badan ini, Menteri-menteri Luar, Eropah, Turki, Qatar, Amerika Syarikat dan beberapa negeri lain termasuk Jordan itu mencadangkan saya mempengerusikan.

Saya meletak jawatan setelah saya kembali hendak bertanding dalam pilihan raya di Permatang Pauh kerana saya fikir apabila kita aktif dalam politik kepartian, saya undur. Dia tidak ada kena mengena dengan Bank Dunia. Jadi salah. Saya sebagai Pengerusi Bank Dunia, *World Bank*, IMF kerana semasa itu saya menjadi Menteri Kewangan dan Kabinet semasa itu merestuinnya. Jadi, jangan kaitkan dengan Bank Dunia. Saya tidak elak Yang Berhormat Rembau

bertanya kenalan saya Paul Wolfowitz, saya tidak nafi. Saya bukan hipokrit seperti pemimpin UMNO. Di sini, dia serangnya Yahudi. Diam-diam ambil APCO. Di kampung diserang Yahudi, diam-diam bayar kepada Jack Abramoff. *[Ketawa]* Saya tidak nafikan. Cuma pendirian saya dengan Paul Wolfowitz. Saya kenal dia semasa dia Dekan Sains, John Hopkins University. Saya tidak putus hubungan peribadi. Akan tetapi bila serang soal perang Iraq, saya menentang keras penaklukan Amerika Syarikat di Iraq. Pendirian saya tidak berubah.

■1510

Apabila saya diminta komen susulan dari pidato Presiden Barack Obama di Cairo, apa pendirian saya. Saya kata saya sokong kerana dia kata dia mahu keluar dari Iraq serta-merta tetapi saya bantah keras penyertaan tentera Amerika di Afghanistan dan saya kesal kerana kegagalan Amerika mempengaruhi untuk menuntut penyelesaian yang adil bagi rakyat Palestin terutama kerana kepungan yang zalim yang berlaku terhadap rakyat Ghaza.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Rembau boleh membangkitkan lagi tetapi kita rujuk kepada fakta. Saya tidak nafikan hubungan saya. Bezanya, saya tidak ada hubungan dengan pemerintah Israel, saya tidak pernah sepanjang saya jadi Menteri dipelawa, diminta. Tidak pernah ada hubungan secara rasmi dengan Menteri Kewangan Israel ataupun Menteri Pertahanan atau Menteri Luar Israel yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang lain.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Permatang Pauh, sedikit daripada Balik Pulau. Anak Melayu Pulau Pinang, Balik Pulau. *[Ketawa]* Masak dengan masalah Melayu di sana.

Saya tadi terpanggil memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh kerana saya tahu secara fakta bukan sahaja Jack Abramoff ini terdapat *congressional notes* yang dikatakan tetapi, beliau didapati bersalah malah imej Malaysia, malah Kedutaan Malaysia, invoisnya terlibat secara langsung. Akan tetapi, sehingga hari ini tiada langsung tindakan daripada Kerajaan Malaysia. Kalau itu yang mahu di *champion*, dijuarai oleh Pemuda UMNO, saya rasa itu patut kerana ia melibatkan nama baik negara bersekongkol dengan Yahudi yang ekstrem malah dikaitkan dan didapati bersalah bukan sahaja didakwa.

Jadi, saya rasa kalau Pemuda UMNO mahu mengaitkan bahawa kita tidak bersekongkol dengan Yahudi yang ekstrem malah penjenayah, dikatakan penjenayah Jack Abramoff ini. Saya rasa itu perlu dibersihkan. Saya mohon penjelasan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Memang jelaslah Jack Abramoff sekarang dipenjarakan kerana penipuan dan kes sebagai pelobi yang menggunakan nama Presiden Amerika Syarikat pada ketika itu. Di antara dokumen yang dikeluarkan ialah bayaran kepada Jack Abramoff itu secara rasmi dikeluarkan oleh Kedutaan Malaysia di Washington D.C. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Jawab Yang Berhormat Rembau.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jadi, hal-hal ini berbeza tetapi apakah yang digahkan oleh mereka kita ini sekali. Yang Berhormat, saya ingat cukup setakat itu. Saya hendak bawa sedikit lagi tentang 1Malaysia.

1Malaysia ini selain daripada menyentuh soal ekonomi yang akan saya sentuh, ia harus melibatkan satu sistem undang-undang, satu dasar dan ia mesti

berteraskan kepada keadilan. Kita tidak boleh katakan 1Malaysia dan kemudian kes-kes yang berungkit yang menimbulkan kemarahan rakyat itu tidak selesai, tiada kesudahannya. Tanya sebab apa A. Kugan meninggal dunia, dia sakit, sendiri mati dalam lokap. Tanya Beng Hock macam mana boleh mati, dia pergi tingkap sendiri jatuh. Tanya macam mana Altantuya mati, dia main-main dengan bola, meletup, simpan. [Ketawa] Tanya itu Anwar sebab apa mata lebam, dia pukul sendiri.

Jadi, ini orang pertikai negara hukum, apa dia? Kes saya, betul Tuan Yang di-Pertua sebelum Tuan Yang di-Pertua tegur *sub judice*. Akan tetapi, kadang-kadang cara pelancaran itu luar biasa. Saya hendak buat rayuan kes *disqualification excusal* hakim. Belum ke muka rayuan, mahkamah sudah tetapkan tarikh. [Ketawa] Ya.

Pengerusi PAC, boleh bayangkan? Belum kemukakan rayuan, mahkamah sudah tetapkan tarikh kerana kes Anwar. Akan tetapi kes Inspektor Azilah dan Sirul yang dihukum bunuh, rayuan setahun belum lagi ditetapkan tarikh. Ini 1Malaysia kah? Ini kes bunuh. Kalau kita lihat *International Covenant on Civil and Political Rights 1966*, ditahan setelah dihukum penjara dan tidak diberikan laluan untuk *appeal* segera, ini istilahnya *cruel, harsh and degrading punishment* akibat dari kelewatan menetapkan tarikh rayuan.

Jadi, bagaimana hendak meyakinkan rakyat bahawa mereka ini jalan dengan telus? Saya beri contoh tadi tentang kedudukan Raja. Undang-undang apabila memihak kepada UMNO, Raja tiada kuasa sama sekali. Kuasa mutlak Perdana Menteri sebaliknya di Perak, Raja punyai kuasa mutlak. Yang mana satu? Perlembagaan mana yang kita pakai? Hukum mana yang kita pakai?

Jadi sebab itu, seperti yang kita dengar rakan-rakan terutama Yang Berhormat Perak yang melahirkan rasa kesal kerana tidak telus tindakan dan keputusan. Apabila tindakan-tindakan badan termasuk SPRM, siasatan polis, berucap, laporan polis berjela-jela. Yang Berhormat Bukit Gelugor sebut 130 laporan terhadap beliau. Saya minggu lalu terpaksa berhadapan kerana empat tuduhan. Segala kenyataan yang melampau oleh pimpinan UMNO, tiada siasatan dan tindakan. Kalau ada, hanya sambil lewa.

Bagaimana kita hendak katakan 1Malaysia bila ada dua undang-undang? Satu bagi pihak penguasa dan satu untuk rakyat. Apabila kita tegur, mereka kata ini semua perlu jaga, kepentingan Melayu bahawa negeri Pakatan Rakyat tidak jaga Melayu. Saya hendak ulang, penyertaan saya dalam politik tanpa kecuali. Yang Berhormat Bagan Datok kenal, sahabat lama, sekarang kurang sedikit [Ketawa] Itu agenda Melayu dan Islam tidak boleh kita ketepikan. Ini Malaysia. Tidak boleh kita ketepikan.

Akan tetapi, apa makna agenda Islam itu bila... Saya beri contoh tadi, hukum itu lain untuk rakyat dengan golongan atasan yang melimpah kekayaan. Saya membawa hadis kebetulan yang ditulis oleh Yang Berhormat Marang kepada saya. Ini kerana selalunya hadis itu diambil notanya di peringkat akhir iaitu bila Nabi bersumpah demi Allah kalau Fatimah itu mencuri, tangan Fatimah akan dipotong. Akan tetapi, mukadimah hadis itu... Itu yang saya diperingatkan oleh Yang Berhormat Marang. Ketika zaman di mana orang besar dan penguasa mencuri, mereka dilepaskan. Rakyat bawahan mencuri, mereka dihukum dengan potong tangan. Rasuah, penyelewengan, kezaliman, sama. Sebab itu kalau kita bicara 1Malaysia, dia mesti betulkan negeri ini sebagai negara hukum.

Kita cakap soal hak keistimewaan Melayu dan bumiputera dan dipersetujui juga ketiga-tiga parti dalam Pakatan Rakyat. Saudara hendak pertikai, itu hak

saudara pertikai. Akan tetapi, apa bezanya pendekatan kami? Apa dia dasar ekonomi baru, hasilnya? Kita tiada *conscious*. Apa *conscious* nya pemimpin Melayu yang ada? Apabila dasar ekonomi baru, memperkayakan dua tiga kerat manusia. Tengok senarai yang terkaya di Malaysia, Melayu yang terkaya di Malaysia, mesti adik Perdana Menteri, anak Perdana Menteri, bekas Perdana Menteri. Apakah yang lain ini kuli-kuli belaka? Dua *class* Melayu. Dasar bumiputera katanya yang paling pintar di Malaysia ini mesti keluarga Perdana Menteri. Yang ini tiada. Itu yang kita bantah. Kita bukan bantah dasar membantu mengangkat martabat orang Melayu.

Akan tetapi, kita tidak mahu ada terasa penganiayaan kepada bukan Melayu seperti mana dasar tanah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Perak, majoriti kepada orang Melayu. Akan tetapi, kita jamin seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan negeri termasuk Selangor untuk sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Arab, bantuan itu diberikan.

Akan tetapi, apabila kita sebut itu sewenangnyanya. Apabila berpidato, bercakap soal dasar termasuk di Parlimen seperti yang kita dengar di kalangan pencadang umpamanya, Melayu sahaja. Melayu kampung sahaja dibicarakan tetapi yang *billionaire* yang kita angkat itu daripada dahulu sampai sekarang berapa kerat keluarga dan kroni? Sebab itu kita harus tekankan di sini yang kita beza ini bukan dasar.

■1520

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang disebut oleh Perdana Menteri, Pakatan Rakyat tidak terima semangat perlembagaan. Kita terima semangat Perlembagaan, soal hak keistimewaan Melayu dan bumiputera tidak akan kita korbakan, tetapi Melayu mana mesti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya ada pendekatan untuk mengangkat martabat keseluruhan rakyat Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau ada RM10 bilion, agihkan kepada rakyat bawah, kalau ada AP jangan bagi pada tiga, empat keluarga, berbilion diangkut, kalau ada kontrak jangan bagi. Tetapi kita biarkan seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi dalam soal Scorpene, soal Scorpene ini bukan soal selam tidak selam sahaja tetapi soal komisen. RM540 juta komisen, boleh bertahan pakai alasan apa pun, mana negara yang boleh bertahan isu ini? Bahawa dalam pembelian senjata begitu mahal, komisen begitu tinggi. Yang Berhormat Menteri Pertahanan boleh *check record*, 8 tahun saya Menteri Kewangan, mana ada sistem komisen yang begitu jelik, jijik dan mengaibkan... [Tepuk] Kalau ada bukti, boleh bongkar kepada siapa, bagi dulu kemudian Yang Berhormat Pasir Salak.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya sila Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya rasa terpanggil untuk bertanya dan mendapat penjelasan yang lebih lanjut kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, Ketua Pembangkang atas isu 1Malaysia. Saya cukup simpati dengan slogan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas mantera keramatnya 1Malaysia, namun pada waktu yang sama saya sedang menyaksikan dan hampir-hampir merumuskan bahawa yang akan menggagalkan 1Malaysia ini tidak lain dan tidak bukan adalah menjadi seteru dan musuh 1Malaysia jelas nampaknya adalah daripada kelompok-kelompok pelampau dalam UMNO, Barisan Nasional itu sendiri. [*Tepuk*]

Dengar retorik ini betul-betul Yang Berhormat Batu Pahat, jangan jadi batu api sahaja. Yang Berhormat Permatang Pauh saya ingin bertanya, sebab paling mutakhir satu daripada Tonggak 1Malaysia membawa dan menampilkan apa yang telah disebut-sebut sekian lamanya tetapi belum menampilkan lagi sehingga kini modal ekonomi baru. Dan modal ekonomi baru kita dengar dan kita telah jelas ya, kelihatan jelas bagaimana tentangan itu datangnya daripada UMNO sendiri daripada *warlords* (hulubalang) UMNO sendiri, daripada puak-puak pelampau UMNO sendiri yang hari ini mempertikaikan seolah-olah apabila mahu ditampilkan modal ekonomi baru ini, maka kononnya Melayu akan terjejas, kononnya Melayu akan tersudut dan kononnya Melayu akan terpinggir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan sebagainya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bahkan sebaliknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalannya untuk Yang Berhormat Permatang Pauh, dasar-dasar Pakatan Rakyat yang dikatakan oleh UMNO, Barisan Nasional menjejaskan ataupun tidak memartabatkan Melayu, agama dan sebagainya. Dasar Pakatan Rakyat, *common policy framework*, tiga perkara Tuan Yang di-Pertua, ya diletakkan sebagai dasar pentingnya adalah pertama mengangkat sekali lagi Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan, mengangkat sekali lagi Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan, mengangkat sekali lagi Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini menjadi dasar bersama Pakatan Rakyat yang sekali gus menyanggah segala serangan bahawa kita tidak memartabatkan persoalan agama, persoalan kedudukan Melayu dan apa juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ini jangan berucap Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dan apa pun, saya ingin untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, Ketua Pembangkang. 1Malaysia jelasnya tidak dapat ditunaikan kerana yang menjadi musuh, *the greatest enemy of 1Malaysia* ialah adalah UMNO, Barisan Nasional itu sendiri, setuju Yang Berhormat Permatang Pauh, tolong jelas sedikit.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor, kita belum dapat kertas cadangan iaitu dasar modal ekonomi baru ini, tetapi tepat yang disebut oleh Yang Berhormat, dia masalah *structure* dan ini saya akan sentuh, bila saya pergi angka dan data untuk mengelak daripada hujah politik semata apa yang berlaku kenyataan daripada angka yang saya dapat, terutama bila dipertikai oleh Menteri MITI semalam, dan saya akan bagi rekod keterangan itu. Yang nyata yang disebut oleh Yang

Berhormat Kuala Selangor ialah bahawa dasar mempertahankan Perkara 153 itu jangan dijadikan alasan untuk memperkayakan diri dan keluarga, dia mesti menjadi satu mandat, satu amanah yang termaktub dalam Perlembagaan untuk membela nasib rakyat terbanyak, di samping menjana kekuatan dan menjamin keadilan bagi semua. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bagi Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Okey, sikit lagi sikit, nanti, boleh? Kuliahkah ataupun soalan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita kawan lama. *[Ketawa]* Dulu sokong, dia sudah lupa sokongan kita dulu. *[Ketawa]* Dapat kawan baru, dia lupa kawan lama. *[Ketawa]* Ini yang *problemnya*. *[Ketawa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga saudara Yang Berhormat Permatang Pauh, saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat menurunkan, menenangkan keadaan dalam perbahasan. Saya rasa kesal apabila Yang Berhormat Machang bangun dengan tidak ada apa pun yang hendak diperkatakan melainkan untuk membuat tuduhan peribadi kepada satu sama lain, ini tidak baik. Kerana kalau hendak tuduh kita pun boleh tuduh, apa gunanya kita hendak menuduh antara satu sama lain, tidak ada seorang daripada kita yang malaikatnya, tidak ada. Masing-masing ada dengan dia punya masalah, jadi usah bawa isu itu. Mari kita berbincang berdasarkan kepada fakta. Okey bincang soal Dasar Ekonomi Baru, Yang Berhormat Permatang Pauh menafikan tentang kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Yang Berhormat, berapa ramai orang yang telah berjaya dibandingkan dahulu dengan sekarang. Mungkin tidak semuanya kaya, takkan semuanya hendak jadi jutawan, *billion one* tetapi kalau kita lihat keadaan ekonomi orang Melayu dibandingkan dahulu dengan sekarang ibarat bumi dengan langit. Ini kita boleh lihat sendiri, kenapa kita nafikan ini semua, kita tidak minta pun pujian, kita tidak minta kredit *but this is the reality of today*, Melayu tidak lagi duduk dalam hutan, duduk di atas pokok, duduk...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Siapa cakap Melayu duduk dalam hutan? UMNOLah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak, bagilah, bagi. Inilah masalahnya kita hendak bercakap tidak bagi bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dengar, dengarlah orang yang bercakap Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Erm...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai kalau ada hendak balik estet, baliklah sekarang. *[Tepuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Balik. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat kalau Yang Berhormat terus macam ini, kita buat tukarkan Parlimen ini ke tempat budak-budak sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mana ada orang Melayu duduk dalam hutan.

Seorang Ahli: Ada.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Permatang Pauh tahulah itu, duduklah, tidak tahulah itu.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau orang Melayu duduk dalam hutan itu fakta salah itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: 55 tahun dahulu saya duduk dalam hutan, *yes I'm telling you*. Tidak ada tanah, saya duduk dalam hutan, saya buat bendang, sawah, bergomol dalam hutan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Pasir Salak, minta tolong ringkaskan kalau ada soalan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dan saya diganggu.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Mana ada bendang dalam hutan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Padi humalah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, jadi beza bukan soal dari segi penguasaan dari segi wang, kita lihat Dasar Ekonomi Baru, berapa ramai anak-anak Melayu, begitu juga anak bangsa lain, masyarakat Malaysia yang telah keluar sebagai bijak pandai. Ini tidak berlaku sebelum Dasar Ekonomi Baru ataupun sebelum kita merdeka. *[Dewan riuh]* Apa karut?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Eh, Profesor Dr. Burhanuddin Helmi itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak wujudkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak jangan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Awak ingat sebelum Pasir Salak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh, jangan awak, awaklah,

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasir Salak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kurang ajar dia, duduk.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa awak, awak...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada Melayu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Awak, apa awak? Awak-awak.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ala...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah-sudah, sudah Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam tolong duduk.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mengarutlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Padang Serai...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Awak, awak.

■1530

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak, tolong ringkaskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak ringkaskan tetapi perkataan 'awak' ini apa? Yang Berhormat Shah Alam ini. *[Ketawa]* Biadap!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hei, lagi biadap yang cakap Melayu duduk atas pokok itu lagi biadap! Tahu tidak? *[Ketawa]* Yang kata Melayu tidak maju tanpa UMNO ini lagi biadap! Tahu tidak? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tarik balik. Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik kenyataan Melayu duduk atas pokok.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Baru keluar dari hutan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mana Pemuda UMNO? Mana Pemuda UMNO? Ketua Pemuda UMNO mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hina orang Melayu. Ini saja kerja UMNO.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *This is his floor* lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam tolong duduk. Yang Berhormat Indera Mahkota duduk juga, tolong. Yang Berhormat Indera Mahkota tolong duduk. Yang Berhormat Pasir Salak ringkas sahaja. Saya mahu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak akan ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tanya soalan Yang Berhormat, kalau tidak ada tidak payah soal Yang Berhormat. Saya sudah memahami soalan Yang Berhormat itu berhubung dengan kemajuan Dasar Ekonomi Baru.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yalah ini yang dinafikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak bagi tahu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini sudah tidak betul apa yang diperkatakan. Saya hendak tanya umpamanya apa yang dikatakan di Perak, ini Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Taiping, pejuang. Pejuang untuk Melayu apa semasa Pakatan Rakyat memerintah 11 bulan? Cerita hendak bagi apa untuk orang Melayu?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jual pasir ke Singapura.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jual itu, jual ini. Lulus balak. *[Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini tukang bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat Pasir Salak. Sila duduk Yang Berhormat Pasir Salak. Okey.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Pasir Salak ini banyak bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, suruh dia tarik balik.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak dapat dengar, Yang Berhormat. Banyak sangat perkara yang salah, Yang Berhormat. Duduk, duduk.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini tukang bohong, penglipur lara zaman Hang Tuah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sayonara. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dia kata Perak jual pasir. Dia menuduh Pakatan Rakyat Perak menjual pasir ke Singapura. Minta dia tarik balik ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini betul-betul dari hutanlah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini fasal 1Malaysia.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Untuk menjawab soalan Dasar Ekonomi Baru, saya pohon kalau boleh Yang Berhormat Pasir Salak baca agenda ekonomi rakyat yang saya lakarkan. *[Tepuk]* Dalam agenda ekonomi rakyat saya sebut kita tidak pernah nafikan sumbangan Dasar Ekonomi Baru dari sudut memberikan latihan dan pendedahan terutama dalam bidang pendidikan yang menyebabkan mobiliti sosial bagi puluhan ribu bahkan ratusan ribu anak-anak Melayu dan bumiputera. Jadi untuk Yang Berhormat Pasir Salak membuat andaian, saya menafikan Dasar Ekonomi Baru sumbangan tidak tepat sama sekali.

Yang saya lakarkan dalam agenda ekonomi rakyat ialah bahawa ada masa dan ketikanya kita lihat secara objektif kerana Dasar Ekonomi Baru sementara ada kekuatannya banyak disalahgunakan untuk memperkayakan dua, tiga kerat keluarga pimpinan UMNO. Semua alasannya Melayu. Paling kaya di Malaysia ada yang dalam sidang ini pun. Akan tetapi semuanya guna tiket Dasar Ekonomi Baru tetapi Dasar Ekonomi Baru yang memperkayakan dua tiga orang.

[*Tepuk*] Hendak jadi tokoh hero Melayu? Hero Melayu macam ini? Kalau hero Melayu itu pengorbanan. Itu hero Melayu! Hero Melayu itu dia sanggup tidak memperkayakan dirinya. Tidak jadi *billionaire*. Jadi tokoh Pemuda UMNO mesti jadi *billionaire*. Itu bukan pahlawan dan pejuang Melayu, Yang Berhormat Pasir Salak. Akan tetapi saya hendak jawab *point* itu, saya tidak... *on record*, Yang Berhormat Pasir Salak boleh baca agenda ekonomi rakyat, saya akui dan saya terima, tetapi saya kata mari kita maju ke hadapan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Melihat kenyataan hari ini kita sudah tewas dari segi daya saing, *competitiveness*. Kita sudah tengok berapa puluh bilion ringgit digunakan Dasar Ekonomi Baru untuk memperkayakan berapa kerat keluarga Melayu yang terpilih walaupun mereka tidak terlalu pintar tetapi oleh sebab *contacts* dan hubungan keluarga, mereka diangkat menjadi *billionaire*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini tidak akan membantu orang Melayu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Mari kita adakan *draft*, satu dasar yang boleh memberikan manfaat mengangkat semua kaum di negara kita tetapi jelas tentang dasar *affirmative action* bagi yang terpinggir yang miskin. Majoritinya Melayu, ada satu kelompok Cina, orang India, Iban, Kadazan, Dusun dan lain-lain. Ini pendekatan kita. [*Tepuk*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, kenapa Yang Berhormat...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya sambung. Tuan Yang di-Pertua, saya sambung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa Yang Berhormat...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau hendak komen, kemudian.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa Yang Berhormat?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Soal yang ditanya Perak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak beri, Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Pasir Salak tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Di bawah Perak, saya kata 102,000 geran tanah diberikan kepada pekebun-pekebun Melayu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada, tidak ada.

Seorang Ahli: Tidak betul.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya daripada Perak.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya ada rekod.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak betul. Ini tidak betul. Rekod tidak betul.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Baik, saya hendak sentuh sedikit tentang sistem pemilihan tentang SPR. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pindah ke isu ekonomi. SPR ini yang menjadi masalahnya ialah pendaftar pemilih, sampai sekarang pendaftaran tidak ke mana. Kenyataan Pengerusi SPR mengatakan 4.3 juta atau 4.5 juta yang belum berdaftar. SPR mampu daftar 300,000 pemilih baru, manakala 500,000 rakyat mencapai usia 21 tahun setiap tahun. Kalau kita bawa unjuran yang lebih progresif, 18 tahun harus dibenarkan mengundi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini anak-anak kita lepas 18 tahun yang sudah matang, tetapi dinafikan kerana ada rasa takut dengan dukungan masyarakat muda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia sedang bercakap, Yang Berhormat. Dia sedang bercakap ini, *you* kena duduk dan ini peraturan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sebab itu kita cadangkan, SPR untuk saya rumus dan ringkaskan sahaja. Saya merujuk kepada kenyataan Pengerusi SPR pada 10 Februari 2010, Tan Sri Abdul Aziz Mohamad Yusof, tentang cadangan pendaftar pemilih secara automatik. Apa yang susah sangat hendak daftar ini? Katanya negara moden tetapi pendaftaran begitu rumit, mengambil masa dan 4.5 juta tidak mendaftar. Jadi kita cadangkan supaya usul yang dikemukakan oleh Pengerusi SPR itu diambil kira dan kerajaan jangan tunjuk dia takut kepada hak dan rakyat untuk menjadi pemilih. Kedua, kalau sistem pilihan raya itu bebas, telus, adil mengapa kita takut dengan pemantauan dan piawaian antarabangsa mengenai pilihan raya? Indonesia undang, India undang, Turki undang kerana SPR mereka bebas dan perjalanan itu telus.

Kita kerana hendak menutup kelemahan-kelemahan, kita tidak berani membenarkan atau mengundang pemantau mengikut piawaian antarabangsa. Mengikut kenyataan SPR ialah tentang membetulkan proses penipuan berdasarkan bukti yang dikemukakan. Ada Laporan Sham Demokrasi yang menunjukkan angka-angka *detail* pada tahun 1999, 680,000 yang mendaftar sebagai pemilih tetapi tidak dibenarkan mengundi. Satu kajian kawasan Parlimen Lembah Pantai, 37% alamat pemilih tidak dapat dikesan. Ini boleh tanya Senator yang bertanggungjawab pada masa itu. Kedai runcit beratap zink di Kampung Kerinchi ada 142 pemilih.

Apakah pimpinan UMNO boleh pertahankan ini? Rumah robek zink di Kampung Kerinchi ada 142 nama pemilih. Jawab SPR, dia mungkin dalam beberapa bulan bertukar-tukar sewa dan sebagainya. Jadi, ini alasan. Di Bawang Assan DUN Sarawak, kajian MAFREL Parlimen Sibul, 93 pemilih yang tidak dikenali dan dikesan. Kemudian pada tahun 2008, kita tahu borang-borang akuan berkanun dan lain-lain kes yang dibawa dan diangkat oleh Bersih untuk pertimbangan. Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Sebenarnya saya hendak bertanya ke belakang sedikit

berkenaan dengan topik 1Malaysia sebelum Yang Berhormat Permatang Pauh berpindah tadi. Saya menerima banyak *feedback* daripada rakan-rakan kita ataupun orang ramai yang mengikuti barang kali siaran langsung berkenaan pendapat kita melalui internet.

■1540

Mereka rasa sangat terkejut atas perkara ini dan ada pandangan mereka mengatakan lagi baik Jabatan Imigresen membatalkan sekatan untuk melawat Israel daripada bersekongkol dan menunjukkan rasa ataupun keadaan yang hipokrit begini. [*Dewan riuh*] Adakah rasanya perlu pandangan kita, minta kepada pihak kerajaan mengulas atau memberi penjelasan terhadap isu ini, sebab saya rasa perkara ini juga menjadi *concern* ataupun minat ataupun menjadi satu kepentingan kepada masyarakat umum yang juga mengikuti perbahasan kita barangkali secara langsung. Macam mana pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota tetapi seperti mana saya menjelaskan ketika soalan Yang Berhormat Rembau tadi, tentu kita tidak dapat kenal pasti secara khusus apa yang berlaku dalam sidang tertutup. Akan tetapi yang nyata, yang sukar dipertahankan walaupun dicuba berulang kali oleh Yang Berhormat Rembau ialah bahawa APCO ini bukan badan perunding biasa. Mereka terlibat dengan negara Israel, terlibat dengan beberapa tokoh Israel walaupun berpusat di Amerika Syarikat. Menjadi badan perunding penting bagi kerajaan sekarang, puluhan juta ringgit diagihkan dan di kumpul semua tenaga pintar untuk menasihati Perdana Menteri supaya Perdana Menteri boleh memberikan gagasan yang bunyinya itu menarik di dunia antarabangsa.

Akan tetapi adakah mampu kita laksanakan seandainya tidak ada komitmen, iltizam politik yang kuat untuk membersihkan negara ini daripada rasuah, daripada sistem perundangan yang tempang dan lain-lain. Jadi sebab itu saya hendak rujuk sekarang ini kepada kedudukan ekonomi dan saya minta pohon sabar sebab saya terpaksa gunakan beberapa data dan angka *detail*. Jadi mukadimahnya

*“Dapat kah tuan bersukacita,
Bahagia raya di dalam dada,
Ketika rakyat berduka cita,
Terkadang makan terkadang tiada.*

*Jauh dari aku senang dan duka,
Bahagia lenyap terbang melayang,
Selama rakyat belum merdeka,
Hanya sengsara terbayang-bayang.”*

Ini merujuk kepada ekonomi kerana kenyataan awal Perdana Menteri ialah mengisytiharkan episod terburuk bagi Malaysia sudah berlalu, itu kenyataan yang disebut. Saya bimbang kerana kenyataan ini mungkin kurang realistik. Pertama, *target* menghapuskan kemiskinan tegar ini belum nyata kerana statistik terkini yang dikeluarkan secara rasmi oleh Unit Perancang Ekonomi ialah,

tingginya kemiskinan tegar terutamanya di kalangan bumiputera. Bumiputera 5.1% berbanding dengan keturunan lain.

Jadi saya ingat sebelum kita bicara soal ekonomi secara khusus, kita harus tahu bahawa kadar kemiskinan ini belum berhasil kita tangani dan harus ada pendekatan baru. Mudah-mudahan dalam cadangan Perdana Menteri, perkara ini tidak dipinggirkan terutama dalam keupayaan kita mengurangkan kadar kemiskinan hanya sekadar 37% sepanjang tahun 2004 sehingga tahun 2007. Berbeza 60% yang dicapai pada dekad 90-an dahulu. Ini memang terkesan bagi kawasan pendalaman Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Apa pertikaian kita dalam hujah menghadapi kenyataan Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan semalam? Pertama, inilah pertama kali kita menghadapi defisit belanjawan yang berterusan dan bergantungnya kita kepada hasil minyak.

Tahun 2009 defisit terus membengkak dan saya sertakan Tuan Yang di-Pertua, dengan angka-angkanya yang saya tidak sempat baca semuanya sekarang melainkan yang dipertikaikan. Bahawa yang saya sebut tadi ialah dari *Asian Development Bank*, tentang defisit belanjawan keseluruhannya, peratus KDNK pada harga semasa. Kemudian kebergantungan kepada Petronas dan di sini saya ingin tekankan tentang keperluan kita bicara soal Petronas kerana Petronas sekarang ini telah jadi isu yang lebih menarik daripada keputusan Perdana Menteri menggugurkan seorang pengerusi eksekutif Petronas yang diterima di peringkat *international* kerana hendak masukkan salah seorang kroni beliau. Maka dikorbankan salah seorang yang saya anggap mampu mengurus Petronas dengan begitu baik, lebih-lebih lagi kerana tanggungan mendapat laluan baru di Iraq dan dengan ketokohan Tan Sri Hassan sepatutnya diberi pertimbangan tetapi beliau dipinggirkan begitu sahaja.

Ini ada kaitan dengan isu yang sekarang ini panas dibangkitkan, mengenai isu royalti kerana dalam isu royalti juga luar Malaysia, satu Sabah Sarawak, satu Terengganu Kelantan, satu wang ehsan, satu royalti. Seperti mana juga isu Allah, Sabah Sarawak, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dibenarkan tetapi negeri lain tidak boleh. Akan tetapi kita dianggap tidak tegas isu Allah, tetapi kalau tegas macam mana isu Allah boleh kompromi dengan negeri-negeri pula. Jadi 1Malaysia itu banyak percanggahan.

Walau bagaimanapun saya berbalik kepada Petronas, pada tahun berakhir 31 Disember 2007 dan 31 Disember 2008, Petronas menyumbang sebanyak 36.8% dan 44.9% kepada jumlah keseluruhan pendapatan kerajaan. 50% ketergantungan kepada Petronas itu terlalu besar dan ini mengikut laporan tahunan Petronas 2009. Yang Berhormat Rompin selamat datang, patut dengar fasal Jack Abramoff tadi sebagai duta ke Amerika.

Dato' Seri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kesan tidak dirancang dan pembaziran begitu rupa menyebabkan ketergantungan kita kepada minyak sehingga 50%. Kita kajilah di dunia Arab dan negeri pengeluar minyak, ini dianggap suatu malapetaka kalau tidak diperbetulkan alirannya. Ada satu kajian yang dibuat oleh seorang Profesor K.S. Jomo, Disember 2009, di mana membengkaknya perbelanjaan awam yang meningkat. Sepatutnya swasta yang menjadi enjin pertumbuhan utama ekonomi tetapi sekarang ini perbelanjaan awam terus selama 12 tahun menjadi enjin pertumbuhan utama negara. Mengatasi pelaburan swasta dengan izin *private investment flat, government investment up* dan ini dalam kajian beliau, *Economic Turmoil In Higher Education The South*

2009. Kejatuhan mendadak pelaburan swasta menggugat ekonomi terutama negara daripada menjadi ekonomi bernilai tinggi.

Pertumbuhan sekadar 1% di antara tahun 2000 sehingga tahun 2006, pelaburan swasta, tanpa mengambil kira inflasi sebanyak RM33 bilion dalam tahun 2006 adalah lebih rendah pada pelaburan swasta tahun 1991. Cuba bayangkan ya, maknanya sudah enam tahun, peningkatan itu tidak ke mana. Ini bermakna perbelanjaan awam yang terlalu tinggi, oleh yang demikian Pakatan Rakyat secara konsisten menegaskan bahawa harus ada perubahan dan reformasi menyeluruh terhadap kerangka dasar ekonomi dan perubahan cara terpilih tidak akan ke mana.

Satu kenyataan yang menggemparkan baru-baru ini ialah kajian ahli ekonomi dari UBS, John Anderson yang mengejutkan pasaran dan dunia kewangan bahawa apabila beliau mendedahkan keadaan sebenar aliran wang keluar dari Malaysia pada tahun 2009.

■1550

Aliran mencecah 44% daripada KDNK negara, RM355 bilion mengalir keluar dari negara. Apakah jawapan kerajaan? RM355 bilion keluar katanya mungkin ini pelaburan GLC. Ini satu pendustaan. RM355 bilion itu lebih daripada kekuatan yang mampu dikendalikan oleh GLC. Maknanya keyakinan pelabur yang sedia ada tidak ada. Tidak ada pelabur baru yang masuk atau terlalu terbatas dan wang pengaliran keluar RM355 bilion kalau dalam sistem ekonomi biasa itu sudah menjadi *crisis situation*, tetapi di Malaysia cuba diketepikan angka dan data ini. Oleh sebab itu, alasan yang kita hendak ketengahkan di sini ialah terhakisnya keyakinan terhadap sistem pengurusan ekonomi negara. Pelaburan modal baru yang merudum dan ini yang dipertikai oleh Menteri semalam. Saya hendak sebut di sini dua kajian. Pertama dari ASEAN Secretariat Database.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Padang Besar boleh, Yang Berhormat? Bolehkah? Terima kasih banyak-banyak.

Saya mendengar Yang Berhormat Permatang Pauh mengkritik sahaja. Semasa kita sedang dilanda tsunami ekonomi dunia awal tahun sudah dan akhir tahun 2008 juga, Yang Berhormat menghentam sahaja dasar kerajaan. Walaupun kita membuat sistem rangsangan dan sebagainya tidak ada perkara yang disokong bahkan semua barisan pembangkang menyokong Yang Berhormat Permatang Pauh. Hari ini kita melihat pertumbuhan yang memberangsangkan 4.5% dan kita telah terkeluar daripada keadaan yang begitu gawat.

Takkan Yang Berhormat tidak melihat itu dan memuji sedikit apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Bukan semuanya negatif. Tunjukkanlah apa yang positif. Kemungkinan ada kelemahan-kelemahan tetapi banyak yang positif dan tidak ada banyak negara di dunia yang mampu melaksanakan pengendalian ekonomi sebagaimana yang kita lakukan. Lihat di beberapa negara barat dan Latin Amerika yang jatuh lumpuh. Begitu juga Iceland yang kaya... *Sorry*, bukan Iceland.

Seorang Ahli: Ireland [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang di utara pulau kecil di Eropah. Ia lumpuh. Jadi,...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sebut sahaja Iceland [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Iceland, ya okey. Lumpuh sehinggakan tidak membangun. Jadi, kita telah dapat melaksanakan perkara itu.

Bukankah itu satu apa yang dikatakan petanda bahawa kita berada di landasan yang lebih baik daripada orang lain? Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar. Saya tidak menafikan malah dalam ucapan belanjawan kita usulkan kepada kerajaan supaya ada kerjasama Pakatan Rakyat dan pimpinan untuk membincang isu-isu termasuk krisis ekonomi, tidak dijawab dan dilayan. Jadi kesediaan kita itu nyata. Kedua, saya hendak memberi angka ini kerana memang ada kemajuan, tetapi kemajuan seperti yang semua tahu bagaimana kita membuat penilaian kejayaan ekonomi pada masa sekarang berbeza dengan masa lalu.

Keduanya, negara kita dengan negara-negara lain khususnya negara jiran. Memang semua negara membangun sekarang. Akan tetapi, itulah angka yang saya berikan dan kemudian dipertikaikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu berdasarkan *sourceny ASEAN Secretariat Database*. Ini daripada *ASEAN Secretariat* yang menyebut pelaburan ke Malaysia jauh ketinggalan berbeza dengan Singapura, Thailand, Vietnam dan Indonesia. Kita menang, betul. Myanmar dan Kemboja bagus juga. Ini yang saya hendak bangkitkan, mengapa Malaysia yang pada suatu ketika pada tahun 90-an nombor satu tarikannya. Pertama, pelaburan asing; kedua pertumbuhan ekonomi; ketiga pasaran saham; keempat dari segi persaingan kita nombor dua. Perkara ini saya hendak sebut dan kita kemukakan cadangan.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Padang Besar, kita kata ia mesti ada *structural change*. Bagaimana kita boleh pulihkan keyakinan? Ia mesti ada *rule of law*. Yang Berhormat tahu dalam PAC mesti ada *confidence* dalam sistem. Jangan sampai ada hilang keyakinan kepada kehakiman sehingga kalau ada masalah pertikaian perniagaan mesti pergi ke Hong Kong atau Singapura. *What is wrong with our system?*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Besar bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Bagi *chancelah*. Terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu Yang Berhormat kalau ekonomi itu berada di tahap yang paling bawah, mengapa tidak bandingkan dengan China. Pertumbuhannya *double digit* walaupun dalam keadaan dunia yang begitu gawat. Ini kerana mereka memulakan dengan asas yang rendah. Begitu juga dengan Indonesia yang jauh ke belakang daripada kita. Jadi, begitu juga Amerika Syarikat berkembang satu peratus, satu setengah peratus pun besar. Oleh sebab mereka besar dan sudah *mature*. Jikalau kita tengok perdagangan antarabangsa di dalam dunia, kita lebih besar daripada India dan Australia. Asas kita besar. Jadi, kalau hendak dibandingkan pertumbuhan *basenya* mesti dinilai. Begitu juga Yang Berhormat mengatakan Malaysia berlandaskan pertumbuhan berasaskan kepada pelaburan pihak kerajaan dan swasta yang amat kurang.

Akan tetapi, Yang Berhormat sendiri pernah menjadi Menteri Kewangan, kita tahu *Keynesian Theory* ada *economic cyclenya*. Apabila *cyclenya* menurun, kerajaan yang membelanjakannya tetapi apabila *cyclenya* meningkat saya tengok dalam lima tahun yang akan datang *economic recession* tidak mungkin akan berlaku kerana ia berlaku hanya 10 *years* setiap 10 tahun. Kita sudah bermula *recession* pada tahun 1998, 2008 dan ia akan berlaku sekali lagi mungkin pada tahun 2018.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, pertumbuhan ini pada pendapat saya, minta maaf, saya bukan pandai sangat, tetapi dalam jangka masa lima tahun akan datang *recession* ataupun kemelesetan ekonomi tidak mungkin berlaku dan pertumbuhannya akan sepatutnya berasaskan kepada pelaburan swasta. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Oleh sebab itu Yang Berhormat Padang Besar, saya tidak bandingkannya dengan Vietnam. Saya bandingkan dengan Philippine, Indonesia dan Thailand *base*. Jangan ingat Vietnam ia *too low thresholdnya*. Ia sudah *move up* dalam masa 10 tahun yang lalu dengan pantas. Soalnya mengapa negara-negara ini boleh mengatasi kita? Jikalau soalnya Yang Berhormat Padang Besar katakan *basenya* rendah, Singapura? Mengapa Singapura meninggalkan kita begitu jauh sangat USD22.8 billion berbanding dengan Malaysia USD7.3 billion? Saudara boleh sebut Singapura ke depan, tidak.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tidak.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tahun 90-an, pelaburan ke Malaysia itu mengatasi Singapura.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Dia *financial centre*, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak boleh berdialog Yang Berhormat. duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak. Ini masalahnya kita katakan *services sector*, soalnya mengapa kita tunggu? *In fact*, malah ini *point* yang saya hendak kemukakan, mengapa dasar itu tidak boleh mengangkat dan memberikan lonjakan? Saya pergi kepada yang pertama. Apakah isu dan masalah kita? Ada kajian yang tadi itu *Asean Secretariat Database*. Oleh sebab fakta itu dipertikai saya akan edarkan data ini untuk media untuk memperbetulkan Menteri.

Kedua, kajian yang diserahkan atau ditugaskan oleh UNDP yang dibuat oleh Dato' Dr. Mahani Zainal Abidin (ISIS) dan Prof. Dr. Rajah Rasia. Ini ada kaitan bahawa sektor perkilangan kita itu tidak ada keupayaan untuk berkembang dengan baik dan terancang. Apakah kekal dengan teknologi yang lama atau berubah kepada teknologi yang lebih tinggi. Akan tetapi, apa yang sebut di sini ialah purata pertumbuhan nilai tambah tahunan bagi sektor perkilangan berbeza dengan tahun-tahun yang sebelumnya 1990-1999, 19.6% sekarang ini hanya 4.9%.

Apabila saya sebut di sini maknanya tumpuan dari segi kerangka atau kebijakan ekonomi harus berubah. Penguncupan permintaan eksport memang menurun. Akan tetapi, kita juga tahu kalau keadaan ini tidak dibendung menjelang tempoh 2010 hingga 2015 adalah tidak mustahil sektor perkilangan kita mula menguncup dari segi nilai tambahnya. Ada faedah kita memanfaatkan beberapa kajian seperti ini kerana ia memberikan ruang kepada kita untuk berfikir.

■1600

Saya membawa laporan terkini MIDA. Pelaburan baru berikut. Pelaburan baru di Malaysia ini, Pelaburan Kapital 2009 – RM3.6 bilion dan FDI – RM22.1 juta. Jika pelaburan ini merudum dalam peringkat ini maka kita bimbang apa yang kita capai ini akan tergugat.

Yang keempat, laporan UNDP oleh Kamal Malhotra, Penasihat Kanan UNDP diterbitkan pada tahun 2008 yang menyimpulkan bahawa prasyarat untuk menentukan sebuah negara mendapat manfaat daripada liberalisasi ekonomi atau tidak adalah tahap pembangunan manusia. Ini isu yang sangat penting bagi Malaysia kerana kekuatan kita dahulu ialah *human resource development* dan sekarang ini ada masalah kerana berdasarkan data UNESCO dan MOSTI pada tahap sekarang dan perkembangan semasa, Malaysia tidak dapat mencapai ekonomi bernilai tinggi. Ini bukan sahaja laporan asing, ini UNESCO dan Kementerian MOSTI.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sebabnya dia banding Malaysia dengan Singapura, Korea Selatan, Taiwan dan Jepun. Jurutera Penyelidik Teknikal bagi setiap juta penduduk. Ini sekadar angka, tidak lagi mutu kerana mutu institusi kita itu dipertikai dan ini ada kaitan dengan pimpinan universiti itu sendiri. Kita kadang-kadang tidak terpilih yang terbaik. Bila kita tanya, katanya sebab kita hendak pilih bumiputera. Saya yakin ada bumiputera yang cukup berkelayakan yang patut diangkat, tetapi dipilih bumiputera yang *mediocre* kerana mereka boleh tulis sajak untuk puji pemimpin UMNO. [Disampuk]

Kemudian saya tengok juga kemungkinan kita lantik beberapa tokoh akademik lain, baik Cina, Iban atau Kadazan atau India untuk mengisi supaya beri mereka rasa ruang membuktikan mereka boleh memberi sumbangan untuk melatih. Angkanya sekarang, tengok! Jurutera Penyelidik Teknikal bagi setiap sejuta penduduk pada tahun 2008 – Singapura (5,713), untuk jumlah penduduk yang kecil, Korea Selatan (4,162), Singapura termasuk ramai anak-anak Malaysia di situ, Taiwan (4,159), Jepun (5,148). Kita hendak bersaing sebagai negara maju – Malaysia (367).

Baik, dan ini adalah kaitan dengan perbelanjaan penyelidikan (R&D) sebagai KDNK 2008. Pernah saya ketengahkan dahulu, bila kita minta ada *push* supaya naikkan peruntukan R&D. Kalau tahun 1990-an kita saksikan tiga negara yang menghasilkan penyelidikan yang agak *credible*, yang mampu mengangkat keupayaan ekonomi masing-masing iaitu India, Brazil, Israel dan ini dikaitkan dengan bentuk latihan dan bentuk R&D.

Singapura, peratus KDNK – 2.39, Korea Selatan cukup tinggi – 3.23, Taiwan – 2.58, Jepun – 3.4, Malaysia – 0.64. Ini kajian MOSTI dan UNESCO. Kalau tidak diambil langkah drastik oleh kerajaan, baik *pure basic research* dan juga *applied research*, saya tidak fikir kita boleh angkat. Jadi kalau Yang Berhormat Padang Besar tanya penyelesaian, maka kita kena rombak pembaziran dikurangkan, ditumpu dalam hal-hal yang boleh mengangkat keupayaan kita.

Pertikaian kelima, kadar simpanan dan kadar pelaburan yang tidak sama iaitu masalah mendapatkan kredit dan ini juga angka yang saya ingat cukup penting bagi pegawai-pegawai pimpinan untuk teliti. Kadar simpanan kita tinggi berbanding dengan banyak negara lain tetapi tidak dilaporkan dalam negara. Ini petanda awal tentang *the unsustainability* mana-mana ekonomi. Ketidak mampanan satu-satu ekonomi itu apabila tabungan meningkat, pelaburan merosot. Apa dia buktinya?

Ini laporan UNDP, *The Global Financial Crisis and The Asia Pacific Region* – Kamal Malhotra. Kadar purata simpanan 2001-2008 – Thailand (33%), Korea Selatan (33%), Indonesia (30%), Malaysia (43%). Maknanya kadar simpanan tabungan kita cukup baik, dapat kita pertahankan. Baik, pelaburan!

Pelaburan dari jumlah yang lebih kurang, Thailand, Korea Selatan, dan Indonesia, pelaburannya di Thailand (2.9%), Korea Selatan (30%), Indonesia (24%), Malaysia dengan jumlah dua kali ganda atau hampir dua kali ganda dari Indonesia, pelaburannya itu hanya 21%.

Angka ini malangnya tidak akan dimaklumkan kepada rakyat dan perlu jemaah Menteri, Unit Perancang Ekonomi meneliti kerana perbezaannya, Thailand – 4% beza, *saving investment*, Korea Selatan (3%), Indonesia (6%), Malaysia (22%). Perbezaan ini mengikut kajian *Global Financial Crisis* ialah ketidakmampuan negara untuk mengguna pakai simpanan dan digunakan bagi aktiviti ekonomi produktif. Ini sebenarnya yang cukup membimbangkan bahawa tidak ada sama *confidence* atau kapasiti untuk *absorb investment* ini.

Lebih-lebih lagi kalau kita fikirkan bukan sahaja bagi syarikat-syarikat besar yang cenderung diberikan syarikat dana ini. KWSP dan PNB ini syarikat-syarikat besar. Kita usulkan untuk IKS yang mampu berdaya saing, yang mampu eksport ke luar negara, maka diberikan sumbangan dan rangsangan. Sebab itu kita usulkan dan tidak ada jalan lain melainkan adanya keupayaan kita untuk membuat reformasi secara yang lebih berkesan dan lebih menyeluruh. Cadangan cebisan tempelan ini tanpa merombak sistem negara, tiris dan bocor, rasuah itu puluh bilion. Ini kenyataan PEMUDAH, bukan kenyataan pembangkang.

Yang Yang Berhormat Padang Besar runsingkan. Ini kenyataan rasmi kerajaan yang diketahui oleh PAC. Tengok jawapan Menteri Pertahanan pagi tadi, *Scorpene* dibeli. Bila ditanya berapa kos *maintenance*. Apa?

Seorang Ahli: Penyelenggaraan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya tanya Sungai Petani, *maintenance* ini dia jawab *maintenance*. Saya suruh terjemah, penyelenggaraan. Dia jawab RM270 juta. Kemudian Yang Berhormat Selayang bagi angka pengumuman rasmi di Bursa Saham, RM670 juta. Apa jawab Menteri? Ini unjuran di antara unjuran dan kenyataan berbeza. Ini bukan jawapan yang bertanggungjawab.

Di antara RM270 juta yang diumumkan rasmi oleh kerajaan pagi ini dengan pengumuman beberapa minggu yang lalu, ini tidak tepat. Ini yang membimbangkan kita kerana ia memberi ruang kepada kebocoran. Saya tidak faham bagaimana rakan-rakan di Kementerian Kewangan boleh mengesahkan hal-hal yang sedemikian kerana setakat yang saya tahu dahulu, satu angka diberi dan itu mesti dipertahankan berdasarkan kajian menyeluruh. Sekarang ini bezanya RM350 juta. Itu yang tiris, bocor, hilang, tidak boleh selam, tidak boleh terbang semua ini. Apabila sebut tidak boleh terbang, dia orang marah.

Baik! Saya oleh yang demikian minta supaya dalam kajian ekonomi yang hendak dibentangkan, ia tidak boleh lari daripada kenyataan ini. Mana ada dasar ekonomi yang boleh mengetepikan ketelusan, pertanggungjawaban, prinsip-prinsip yang ada kaitan dengan memulihkan keyakinan pelabur dalam negara dan pelabur asing. Bagi Malaysia, catatan pertumbuhan ekonomi kita itu banyak bergantung kepada pelaburan asing. Jadi kita tidak boleh lari daripada kenyataan itu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit, Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin bertanya kerana penekanan Yang Berhormat Permatang Pauh tentang perkara tadi itu, saya kira cukup penting.

■1610

Akan tetapi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, kalaulah berterusan begini, trend nya yang saya perhatikan juga sumbangan *private investment* dalam KDNK tahun 80-an adalah 30%. Tahun 90-an, 20%. Paling mutakhir kajian menunjukkan bahawa sumbangan *private investment*, Faktor I dalam KDNK itu selain daripada Faktor G *which is government spending* yang banyak *have been doing pump priming* sehinggakan defisit 13 tahun.

Kalau begitulah trendnya, maka model ekonomi baru ini menghadapi masalah yang cukup besar kerana keupayaan kerajaan berbelanja sudah sampai ke paras tidak *sustainable*, defisit memang terus melebar. Tahun 2009 sebenarnya bukan 7.4% tetapi 8% KDNK. Maka kalau tahun 80-an sumbangan 30%, tahun 20-an 20%, kini hanya 10% mana akan datang lagi dana untuk *spur*, pacu *growth* yang diharapkan ke paras 6% sampai lah ke tahun 2020. Itu satu persoalan yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Keduanya, bersabit dengan *national saving* tadi. Simpanan nasional itu agak tinggi. Jadi, ia semacam satu *disproportionality (kesejangan atau jurang)* di situ. *National saving* tinggi tetapi *private investment* tidak. Maka dengan kata lain, ia disebut-sebut oleh pakar ekonomi sebagai jelasnya menunjukkan *the lack of confidence* kepada kepercayaan sama ada kepada pelabur-pelabur tempatan, pelabur asing dan juga mereka yang menyimpan secara runcit ini, *the citizen as a whole* yang menyimpan *on the national saving* yang tinggi tetapi *private investment* rendah.

Jadi, kalau boleh... dan *private investment* ini mempunyai dua faktor; tempatan dan juga FDI. FDI satu hal. Paling ditakuti oleh Bank Negara sekarang ini berlaku *reverse flow*. Maksudnya *there is more of* aliran keluar dana daripada aliran masuk. Itu pun saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh perjelaskan kerana ini cukup menakutkan pada apa yang dikatakan sebagai *technical recession*, keluar dengan *technical recession* tahun lalu. Akan tetapi, *it is only technical... we are only technically out of* kemelesetan. Belum ada jaminan bahawa kita *will be a sustainable growth in future*. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Bagi mana-mana kerajaan bertanggungjawab apabila dilihat ada pengaliran keluar semua lebih daripada RM300 bilion, ini harus ditangani dengan cukup bijak. Ini bukan perkara ringan. Ini bukan soal politik kepartian atau *partisan*.

Kalau ada sampai begitu juga jumlah dalam masa setahun, itu bagi mana-mana ekonomi negara, itu dianggap krisis walaupun kita masih mencatatkan pertumbuhan, walaupun nampak kita ikut laluan China, India dan dengan negara jiran. Ini yang menyebabkan mengapa pertumbuhan ekonomi kita terencat berbanding dengan ekonomi lain.

Alasan kerajaan umumnya kerana bahawa kita ini sudah berdaya tinggi, orang memilih untuk pelaburan dalam sektor yang mana ada guna tenaga yang murah. Tidak betul! Kajian daripada UNDP menunjukkan beberapa pelaburan di Vietnam dan Indonesia bukan lagi pada pelaburan tahap rendah. Akan tetapi apabila diberikan pilihan, dia pilih negara lain.

Memang bertepatan Menteri menyebut ada beberapa syarikat, iaitu Coca-Cola. Saya tidak menafikan, sebuah atau dua buah syarikat ini akan dipilih. Akan tetapi ia tidak menjadi tarikan umum. Ini yang membimbangkan. Saya harap

perkara ini boleh ditangani dengan baik. Kalau kita kata apa cadangan, kita kemukakan tadi tentang perubahan struktur.

Saya sebut tadi secara sepintas lalu, Petronas, kerana Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Padang Besar saya percaya sedia maklum bahawa sumbangan Petronas yang tidak diperoleh oleh Indonesia, Singapura, Thailand, kita ada. Maknanya bukan semestinya kekuatan ekonomi, kebijakan ekonomi atau *fiscal policy* sahaja. Akan tetapi, kerana juga hasil Petronas sejak tahun 1974 termasuk cukai kepada kerajaan, itu RM528 bilion, hasil.

Ada ketikanya kalau dibangkitkan isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, kita perlu teliti semula. Apakah dengan jumlah begini, setengah trilion Ringgit Malaysia itu, diserahkan kepada Petronas dan keputusan dasarnya hanya kepada seorang Perdana Menteri pada malam semasa dikemukakan pada peringkat awal, pada zaman Almarhum Tun Abdul Razak. Petronas itu hanya permulaan satu industri cari gali.

Sekarang setengah trilion Ringgit Malaysia kalau dikumpulkan, tidak boleh diserahkan kepada seorang mesti diperbesarkan. Mesti ada *shift*. Sekarang ini kalau lihat Jabatan Perdana Menteri *staff* nya 5,000 orang. Paling besar kerana ada trend itu, pengumpulan kuasa, *concentration of power, one man and a woman probably*. [Tepuk] Ini menjadi masalah kepada kita kerana ia tidak akan membawa kepada ketelusan. Apa sebabnya mengapa Perdana Menteri mesti pegang. Beliau Perdana Menteri, beliau ada kuasa semua, beliau Menteri Kewangan. Tidak mampu berbuat begitu.

Jadi, saya fikir Yang Berhormat Padang Besar jangan bimbang. Saya tidak bercita-cita untuk tampuk kuasa termasuk Menteri Kewangan, Menteri Dalam Negeri, semua sekali. Tidak! Jadi, sebab itu kalau umpamanya kalau ditanya cadangan balas kita akan kemukakan Petronas, undang-undang. Biar kita lebih telus. Biar peranan Petronas itu bukan sekadar memberikan pulangan kepada negara tetapi juga untuk *re-investment* portfolio itu harus lebih tinggi. Hal-hal ini telah dikemukakan tetapi tentu tidak dipertimbangkan.

Saya hendak menyentuh sedikit sahaja lagi sebelum saya akhiri tentang...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat. Sedikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya dengar... terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Kita berbanding dengan negara-negara yang lain, negara Malaysia sahaja yang dikatakan bermula dari sejak merdeka. Kita menumpukan perhatian pada *growth* dan *distribution*. Soal *distribution* itu diberikan keutamaan yang cukup tinggi sejak merdeka dan dilaksanakan Dasar Ekonomi Baru. *Distribution* itu menjadi keutamaan. Kadang-kadang kita melihat *growth* itu sebagai kepentingan tetapi *distribution* itu lebih penting.

Jadi, negara lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh seperti Singapura lah, di sana sini, saya rasa tidak ada banyak yang boleh dikatakan mempunyai satu dasar yang begitu agresif. Jadi, dalam konteks ini Yang Berhormat, walaupun kita lihat Singapura sebagai... Saya bukan mengatakan Singapura itu tidak menjadi model yang baik tetapi ia sebuah *financial centre, capital can coming in big amount and capital can go out in a big amount*.

Dalam kemelesetan baru-baru ini, kita pun ketahui bahawa kekayaan Singapura sendiri telah merosot lebih daripada 50%. Bukankah ini juga dan kita

tidak mengalami kemerosotan yang begitu teruk. Sebaliknya kita berada pada tahap yang kuat semasa dunia mengalami kemelesetan. Sebab kita tidak begitu *gung-ho*, hendak membenarkan modal masuk keluar. Negara kita juga tidak mengizinkan *short selling of shares*. Banyak negara mengizinkan semua ini, modal masuk keluar dengan cepat.

Jadi, kalau kita buang segala yang dikatakan kasino kan *investment*, bagaimanakah dapat kita melihat *the real investment* yang kita... Saya bukan hendak mengatakan Yang Berhormat itu tidak betul. Akan tetapi, dalam konteks negara kita yang memberikan keutamaan yang berlainan daripada yang lain. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya setuju bahawa dasar pertumbuhan dan pembangunan ekonomi tidak boleh mengetepikan soal pengagihan kekayaan. Maknanya *growth with equity*.

Kalau dalam fahaman falsafah ini, saya lebih condong pada *rhodesian* cukup kuat tentang elemen sosial, *justice, social economic justice*. Sebab itu, sementara kita minta pindahkan alihkan dasar yang baru itu kepada *agenda economy Malaysia*. Soal *affirmative action not based on raise, based on need* kerana apabila saya lihat *based on raise* ini, kita gunakan itu untuk merompak bagi kalangan kecil. Kalau *based on needs, affirmative action*, saya bersetuju iaitu kita bahagikan kepada sesiapa yang perlu.

Tentunya setakat ini majoriti besar Melayu dan bumiputera yang perlu ada dalam kalangan Cina, Melayu yang boleh sama ada diberikan bantuan *affirmative action* atau yang boleh membantu memacu perpaduan ekonomi.

Akan tetapi, untuk berhujah dengan Yang Berhormat Padang Besar, hendak melihat sama ada kita berhasil atau tidak, kita lihat daripada segi *Gini coefficient* itu melebarkan jurang yang paling kaya dan yang paling miskin bagi satu kaum dan juga antara kaum.

■1620

Malaysia ini kesenjangan, melebarnya itu terlalu besar di antara yang paling besar di Malaysia. Kalau ditengok ekonomi betul, Dasar Ekonomi Baru kita curahkan memang RM40,000 - RM50,000 *scholarship* dan berbilion ringgit untuk di bawah tetapi yang dirampas oleh golongan kecil itu terlalu besar. Jadi jurang kesenjangan itu terus melebar. Ini yang kita pertikai tentang kebijakan ekonomi. Tidak ada negara yang ketepikan sama sekali isu *economic justice*. Indonesia umpamanya sekarang daripada segi sudut pengagihan, Yang Berhormat Padang Besar harus terima Indonesia hari ini bukan Indonesia Order baru, Golkar, macam UMNO sekarang. Indonesia sekarang daripada segi sudut disentralisasi itu, pengagihan kepada wilayah dan negara miskin itu jauh lebih tinggi.

Walaupun saya akui masalah pembangunan, masalah korupsi, pendek kata rasuah masih *problematic* tetapi kita harus terima kenyataan ini. Saya nak sebut sedikit tentang FELDA.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mencilah sedikit saja, sedikit saja. Sedikit saja.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kita dalam keadaan tenang dah Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini tenang, ini tenang. Sedikit saja. Yang Berhormat pun tenang ya. Tadi Yang Berhormat sebut tentang *affirmative action based on needs*, berdasarkan kepada keperluan. Kalau kita

melihat kepada Dasar Ekonomi Baru yang Yang Berhormat juga mendukung sewaktu menjadi pemimpin dalam UMNO dan kerajaan, ada dua teras utama. Yang pertama itu adalah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum. Itu adalah bantuan tanpa mengikut latar belakang kaum dan sebagainya, *affirmative action based on needs*. Akan tetapi teras yang kedua adalah penyusunan semula masyarakat, *restructuring of society* agar tidak ada *identification* fungsi ekonomi dengan mana-mana kaum.

Jadi di sini saya nak tanya model ekonomi Yang Berhormat ini apabila dibuang soal *restructuring of society* kerana itu sudah jelas akan menyentuh soal kaum dan penglibatan kaum-kaum tertentu dalam sektor-sektor tertentu. Apakah akan jadi dengan teras yang kedua ini iaitu *restructuring of society* untuk memastikan bahawa contohnya kaum tertentu diberi peluang untuk menembusi beberapa sektor yang sebelum ini ditutup kepada kaum tersebut mungkin atas sebab *structural* ataupun *discriminatory* ataupun faktor-faktor yang lain. Jadi saya nak tahu sebab di sini, *affirmative action based on needs* tidak akan menjawab segala-galanya untuk kita bawa perpaduan nasional melalui pembangunan ekonomi. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Begitulah baru suara Pemuda UMNO. Kita terima... [*Tepuk*] Saya tahu pendekatan Dasar Ekonomi Baru disebut serampang dua mata, kalau dulu. Istilah tahun 70-an bila dipopularkan, disebut serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat. Pada masa itu memang sebelum masuk bersama dalam kerajaan pun kita dukung kerana pada masa itu kita lihat penekannya itu ialah bagi masyarakat Melayu, pembangunan desa, peluang pendidikan, biasiswa bagi anak-anak, jadi didukung semua. Kemudian, mendedahkan syarikat-syarikat Melayu kecil-kecil itu dalam beberapa bidang perniagaan terutama yang belum diterokai tetapi bila kita lihat umpamanya dekad, beberapa Dasar Warsaw berlalu, kita lihat kecenderungan. Sementara ini sebahagiannya dikekalkan tetapi biasiswa umpamanya, biasiswa ini rakyat miskin pun dapat, anak Menteri pun dapat, anak orang kaya Melayu pun dapat.

Jadi kita lihat ternyata apa yang dilakarkan dalam istilah yang menarik telah disalahgunakan. Kemudian pendedahan kepada syarikat, kita lihat rupanya daripada beri pendedahan kepada puluhan ribu bumiputera di seluruh negara dalam bidang kontrak, dalam bidang syarikat-syarikat, dipilih beberapa kerat yang ada kaitan dengan pimpinan politik dan semua diangkat menjadi *billionaire*. Terbukti sekarang bila angka itu ternyata, kita lihat daripada kalangan Melayu yang paling berjaya daripada segi ekonomi itu adalah anak Perdana Menteri, adik Perdana Menteri, keluarga.

Jadi ternyata kita telah menyimpang daripada hasrat awal. Sebab itu kita melakarkan setelah 30 tahun – 40 tahun, anjaklah sikit. *I mean, you represent a liberal progressive generation*. Apa salahnya kita anjak sikit? Dasar Ekonomi Baru itu diperkenalkan dalam keadaan orang Melayu memerlukan jaminan, *security*, keselamatan. Saya mahasiswa di Universiti Malaya masa itu, saya rasa betul. Sebab itu di kalangan rakan-rakan saya termasuk rakan-rakan DAP, saya jelaskan apa konteks yang menyebabkan kita merasa masa itu cukup cemas untuk *survival*. Sekarang keadaannya kita harus memberi ruang supaya ada persaingan dan jangan gunakan ini angkat beberapa kerat keluarga dan nampak menyekat kemaraan kalangan lain. Seperti mana yang dibangkitkan sekarang kalau ada anak Melayu cemerlang, kita bantu tapi mengapa kita bantu anak Melayu yang cukup kaya dan kita nafikan anak Cina atau anak India yang cukup miskin walaupun pintar.

Jadi isu pendekatan itu harus berbeda. Kita tidak menolak kebijaksanaan pimpinan pada tahun 70-an yang merangka dalam keadaan kegawatan terutama selepas Tragedi Mei 1969. Jadi saya harap pendekatan kita kalau jawapannya bagaimana penstrukturan semula, saya tidak fikir ia *problematic*. Di Selangor, kebetulan saya lebih mengerti di Selangor kerana saya bantu Tan Sri Khalid. Saya lihat umpamanya ada ruang untuk kita beri galakan kepada syarikat-syarikat Melayu yang di bawah untuk memberikan mereka galakan dan ruang walaupun proses tender itu lebih telus kerana kalau bila kita tolak tender ini, kita hanya akan pilih syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kita. Ini *problemnya* dan kalau kita buat cara terbuka begini, walaupun tender terbuka dimenangi oleh syarikat Cina yang besar, syarat kita ialah bahawa berikan ruang bagi syarikat-syarikat Melayu yang lebih kecil untuk mendapatkan pendedahan.

Jadi tidak benar kita ketepikan sama sekali. Bedanya ialah bila tender tidak dilakukan, kos meningkat dan kita pilih orang tertentu dan ini yang ditolak dan kalau nak katakan ini *exaggeration* dengan izin, tak betul. Sebab *you* tengok sahaja senarai orang yang paling kaya, tak betul. Tengok penyelewengan ini, bukan sahaja di negeri di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak itu ketara.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Bagaimana boleh kita pertahankan umpamanya di Sarawak sekarang pengumpulan kekayaan kepada Ketua Menteri dan keluarga itu menjijikkan. Tidak ada upaya kita betulkan dan saya tengok ciri ini sudah nak berjangkit ke Sabah, berjangkit kerana pemusatan kekuasaan di Pejabat Ketua Menteri sehinggakan peluang-peluang itu diambil. Jadi sebab itu yang kita ajak rakan-rakan kita ialah untuk melihat kekuatan Dasar Ekonomi Baru dulu yang sudah *outlive its purpose* kerana kalau kita lihat mengapa kita perlu buat anjakan? Kerana Malaysia hilang daya tarikan. *We have lost our competitiveness or competitive advantage*. Sebahagiannya kerana dasar begini. Saya ada pelabur, saya tidak nak tambah walaupun mungkin YB Rembau tak senang dengan ini. Ramai pelabur Arab yang banyak ketemu dengan saya tentang nak ke Selangor.

Dia boleh tanya komisen berapa peratus untuk syarikat yang dikehendaki, dia tanya. Saya kata komisen apa. Mesti. Jadi ini dianggap sebagai satu yang biasa kerana dia lakukan begitu. Kita mesti alih pendekatan sebegini kerana mengatakan *you* kena pilih. [Tepuk] Bagi saya, pendekatan Pakatan Rakyat ini walaupun kita diserang bertubi-tubi seperti mana yang saya sebut tadi tapi daripada segi ini saya ucap tahniah kepada pimpinan yang dapat. Dia boleh serang anti Melayulah atau pro-Kristianlah, Allah untuk Kristian. Ha itu dia boleh serang tetapi yang tidak boleh diserang itu percubaan kita membersihkan kerana kebocoran dan ketirisan dan kerugian yang menimbulkan masalah bagi rakyat kita itu terlalu tinggi. Tolonglah selamatkan rakyat dan Malaysia daripada pembaziran. [Tepuk]

■1630

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Permatang Pauh sebut tentang sistem tender terbuka. Sebenarnya inilah budaya politik baru yang dipupuk dan di bawa oleh Pakatan Rakyat. Sedarkah Yang Berhormat Permatang Pauh, Kerajaan Pulau Pinang membuat sistem tender terbuka. Dalam tempoh dua tahun ini, semua projek kerajaan negeri dibuat secara *open* tender. Sebanyak 70% dimenangi oleh kontraktor Melayu. Untuk Perbadanan Air Pulau Pinang, 67% kontrak dimenangi oleh kontraktor Melayu yang kita pemimpin Pakatan tidak kenal, yang betul-betul buat *business*. Ini menunjukkan bangsa

Melayu mampu bangun, bangsa Melayu mampu bersaing tidak macam selalu yang dikatakan Melayu lemah. Jika Pakatan pegang, Melayu akan lesap di tanah sendiri. Itu semua adalah berdusta, bohong. Kita percaya di bawah pimpinan Yang Berhormat Permatang Pauh, Melayu akan terus bangun bersama Pakatan Rakyat. *[Tepuk]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya memang ucapkan terima kasih kerana saya tidak baca angka-angka yang di Pulau Pinang tadi untuk menjawab. Satu bagi satu contoh Majlis Agama sahaja tetapi itu kenyataannya dan memang bagi saya sesuatu yang cukup mengalakkan kerana kalau kita beri *open* tender, majoriti diperoleh syarikat-syarikat Melayu. Bezanya ialah syarikat Melayu bukan yang sama yang dipegang oleh ketua-ketua bahagian UMNO ini. Tidak. *[Tepuk]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dia terbuka dan bagusnya Yang Berhormat Padang Besar ialah dia buka ruang kepada syarikat-syarikat baru yang masuk. Jadi maknanya kita ada *broaden the base*. Ini yang jadi masalah kepada kita sebelumnya. Namun katalah andaian yang ditegur oleh Yang Berhormat Rembau itu tepat. Saya hendak ulas. Katalah dalam satu keadaan di Selangor. Semua tender dimenangi oleh syarikat dari satu kaum. Jadi bagaimana? Jadi sebab itu dalam perbincangan dengan menteri besar dan dengan pimpinan, kita ambil kira hal ini. Seandainya ini berlaku, maka ada beberapa program pengagihan tetapi masih telus. Ada sub tender, proses yang teratur dan tidak umpamanya dipakai proses pengagihan yang berlaku.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya hanya soalan sambungan daripada soalan Yang Berhormat Taiping tadi. Memang kalau. Tahniahlah kalau peratusnya tinggi tetapi adakah Yang Berhormat punya angka dari segi jumlah nilai tender-tender yang berkenaan yang diagihkan secara tender terbuka kepada bumiputera dan kepada bukan bumiputera. Adakah nilai itu bersama dengan Yang Berhormat sekarang? Terima kasih.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dia tidak ada pada saya. Saya ada jumlah nilai tetapi yang prinsipnya Yang Berhormat Padang Besar begini ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh saya tambah sedikit? Dari segi nilainya bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, 60% adalah kepada syarikat bumiputera berbanding dengan dari segi jumlah kontrak 67%. So, lebih kurang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai juga bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Melayu boleh hidup tanpa UMNO.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit komen, ya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Betul, betul.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin bertanya komen Yang Berhormat tentang bila bercakap tentang pengagihan semula terutamanya isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Padang Besar tadi. Sedarkah Yang Berhormat bahawa Petronas diperah wangnya sebanyak RM97 bilion setakat 31 Mac 2009 untuk menanggung subsidi gas terkumpul kepada IPP. Adakah ini satu contoh pengagihan di bawah Kerajaan Barisan Nasional? Itu satu. Kedua, saya kurang bersetuju bila Yang Berhormat puji Yang Berhormat Rembau kerana pada saya kenyataan jelas diberikan oleh Menteri Kewangan Kedua bahawa Kerajaan Barisan Nasional sendiri hendak melaksanakan model ekonomi baru. Maksudnya ini bukanlah pendirian yang Pakatan Rakyat bawakan, Kerajaan Barisan Nasional sendiri bersetuju dan pada saya kenyataan Menteri Kewangan Kedua bercanggah benar dengan Yang Berhormat Rembau. Ia seolah-olah dalaman UMNO itu bergolak. Mereka sendiri tidak dapat menerima kenyataan kita perlu ke depan untuk memperkenalkan ekonomi baru. Terima kasih. Mohon komen, ya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Lebih tegas Yang Berhormat Lembah Pantai daripada saya. Saya ini kurang hendak baiklah kata. Saya lebih sebenarnya saya setuju. Dasar ekonomi baru pada peringkat pelaksanaan, peringkat awal, saya setuju. Saya bagi alasan-alasan. Namun saya kata sejak akhir 90-an, tahun 2000, kita harus buat anjakan sementara *affirmative action* jangan ditinggalkan. Tidak ada ekonomi yang mampan dalam medium atau *long term* kalau ditinggalkan isu keadilan sosial. Keadilan ekonomi dan sosial. Ini diterima dalam Pakatan Rakyat. Inilah cuba ditiru. Katanya Media Malaysia tiru 1Malaysia. Ikhlaslah sikit. 1Malaysia itu tiru kita adalah satu keluarga. *[Bercakap dalam bahasa Mandarin] [Tepuk]*

Cuma tirunya itu tiru tempang. Tiru bila tidak ikhlas, tidak jadi. Dia kena terima daripada keyakinan. Baik.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Permatang Pauh. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa di dalam negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat, model ekonominya ialah *open tender*. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Taiping tadi. Namun, di negeri Kedah contohnya Tuan Yang di-Pertua, ini tidak berlaku. Di negeri Kedah, kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar Kedah, bunyinya dikatakan negeri Kedah akan mengamalkan sistem tender terbuka kecuali pada keadaan-keadaan yang tertentu. Ini bunyinya macam UMNO ini. Kecuali keadaan macam tertentu. *[Ketawa]*

Maknanya, maknanya Tuan Yang di-Pertua, tidak betul. Saya bagi satu komen sedikit, *quotation*. Di sini dikatakan, Menteri Besar Kedah mengatakan Kerajaan Kedah sedang mengkaji dasar baru tender untuk dijadikan panduan yang mungkin menyaksikan tiada lagi pemberian tender secara runding terus kecuali dalam kes-kes tertentu pada masa yang akan datang. Kata Menteri Besar, Ustaz Azizan Abdul Razak.

Beliau mengatakan bagi kes tertentu yang memerlukan kepakaran, tempoh masa, menyiapkan projek dan memenuhi beberapa keperluan lain bagi memastikan kejayaan, rundingan terus akan dipertimbangkan. Ini bukan cakap *Utusan Malaysia*, ini bukan *Berita Harian* tetapi *Harakah*. Oh, minta maaf. Suara Parti Islam Se-Malaysia atau PAS. Jadi saya minta komen daripada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Yang pertamanya yang diamalkan sekarang itu tender terbuka. Contoh yang paling ketara, balak. Dulu RM1,000 satu ekar. Sekarang RM19,000 satu ekar. Sabah tidak mampu buat begitu. Sarawak lagi teruk.

Tuan Yang di-Pertua, lagi teruk Sarawak. *[Ketawa]* Jadi kita harap ini satu contoh. Jadi maknanya dari segi amalan, ada kenyataan. Saya tidak boleh tanya. Jadi oleh kerana Yang Berhormat Kota Belud bangkitkan, saya akan tanya Menteri Besar. Tidak ada masalah itu. Namun yang saya tahu, ada keperluan umpamanya tender di bawah peruntukan zakat melalui agama itu hendak dihadkan kepada syarikat-syarikat Muslim. Ada juga hal-hal yang begitu. Jadi kalau kita sebut kenyataan tender terbuka, melainkan beberapa pertimbangan, itu saya perlu mendapatkan penjelasan daripada beliau.

Yang saya boleh tekankan, *respond* kepada Yang Berhormat Kota Belud ialah keputusan setakat ini, dua tahun. Tender itu telah memberikan pulangan dan hasil balak yang cukup tinggi. Ini kalau kita guna satu *point* ini pun, saya ingat parah UMNO Kedah hendak jawab. *[Tepuk]*

Hendak jawab, tidak boleh jawab sudah. Jawablah, manteralah ikut mana pun, pakailah guru mana pun, tidak upaya sudah sebab kenyataannya ialah tanpa tender, wang yang hilang berpuluh juta itu bagi setiap projek itu lari ke mana. Kita lihat siapa dapat? Ketua UMNO dia pakat dengan geng-geng itu habis. Sekarang tender. Ini yang dilakukan di Pulau Pinang dan di Selangor. Pulau Pinang, untuk berlaku adil. Walaupun Yang Berhormat Rembau bangkit ada yang kata cauvinis, diktator, apa semua, tidak apalah. Itu semua sudah dekat dengan saudara. Sekarang tidak masalah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Namun yang pentingnya ialah pelaksanaannya. Baik peruntukan melalui agama, macam mana UMNO hendak nafi? Dia RM12 juta, sekarang RM24 juta. Dulu tender rundingan terus. Dapatkan Ketua Bahagian UMNO. Sekarang tender terbuka. Dapatnya Melayu juga. Cuma Melayu yang bekerja yang *compete*. Ini Melayu yang mampu bersaing. *[Tepuk]*

■1640

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Ketua Pembangkang dan Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak celah di sini kerana Yang Berhormat Kota Belud bersungguh-sungguh hendak mengambil tahu tentang nasib rakyat di Kedah dan di negeri-negeri Pakatan Rakyat, tetapi Yang Berhormat Kota Belud tidak tahu bahawa 20% daripada penduduk negeri Sabah yang Bajau itu nasib mereka masih tidak terbela. Banyak kampung orang Bajau yang akan dirampas dan mereka tidak tahu lagi di mana mereka harus dipindahkan. Itulah keadaan sekarang di Sabah. Terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Itu Ketua Wanita Keadilan.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh sambung?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Berani cabar termasuk Ketua Pembangkang pun dia berani cabar.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hendak tanya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Bukannya Ketua Wanita UMNO sokong 24 jam. Baik saya boleh terus FELDA, bolehlah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh sambung?

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Baik, terima kasihlah.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ada lagi.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: FELDA ini masalah tanah, baik FELDA yang disebut dalam Titah Diraja, yang disebut dalam ucapan-ucapan pimpinan atau tanah di Sabah termasuk untuk kawasan pedalaman, Kadazan Dusun ya Tuan Yang di-Pertua, Penampang dan tanah adat di Sarawak. Ini isu besar. Saya agak bimbang dan juga kesal kerana jawapan pimpinan, saya mendengar jawapan pimpinan kita. Tanah adat ini kalau diberi kepada orang Dayak ini dia jual, habis! Lebih baiklah kita pegang. "Kita" itu siapa dia? Tauke-tauke besar? Diberikan *rights*. Ketua bahagian pimpinan negeri dan Ketua Menteri, keluarga dan sebagainya. Tidak boleh. Ini bukan sahaja Sarawak, Sabah - Morotai tidak ada di sini ya? Kampung mana ini? Yang Berhormat Kalabakan tidak ada ya? Macam mana.. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kalabakan. Semporna dekat tetapi memang Yang Berhormat Semporna tidak boleh jawablah.

Jabatan Hutan Sabah, saya baru dapat maklumat. Ini kesan kepada orang tempatan baik Kadazan Dusun, Melayu, lima ribu ekar tanaman kepunyaan mereka di Morotai dirampas. Ini orang kampung. Duduk di situ 32 tahun, tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Saya berharap sangat Yang Berhormat Kalabakan datang. Bagaimana kawasan dia? Ini arahan Ketua Menteri Sabah. Apabila saya dengar Semporna hendak ambil alih, ambillah cepat tetapi buat betul. Kalau boleh menang untuk negerilah. Betul. Mana boleh keadaan begini berlaku tetapi kalau bercakap di sini, "Kita akan pertahankan kepentingan Melayu kita". Bawa keluar dengan keris, samping, tengkolok semua. [Ketawa] Melayu mana ini? Melayu mana yang kita hendak pertahankan. Lihat Morotai. Ini maklumat yang diberi oleh mereka. Dia kata saya hendak berucap hari ini pagi tadi dia faks kepada saya. Dia kata kalau dicabar boleh beri rekod *detail*, tetapi tidak cabar tidak apalah.

Maka saya hendak sambung dengan tanah adat di Sarawak. Saya berharap betul Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua beri sokongan penuh dalam perjuangan kita membela nasib kerana jawapan mereka begitu. Dahulu FELDA di Negeri Sembilan pun begitu. Yang Berhormat dari Negeri Sembilan. Apabila tanah itu dijual alasan kerajaan negeri, bagi, bagi, bagi.. kemudian pakat dengan syarikat bangunan. Patutnya kerajaan negeri walaupun dijual inilah masa kita kawal, tolong dia, bangun, dapatkan harga berpatutan, ada *investment policy*, dapat saham, dia pertahankan masa depan, ini tidak kita pakat dengan tauke-tauke ini dan kita pun pelahap sama-sama. Ini jadi masalah. [Tepuk] Yang Berhormat dari Negeri Sembilan ya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya minta laluan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh berkenaan isu FELDA. Seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau semalam di mana kita semua sama-sama mendengar Yang Berhormat Kuala Krau mengatakan bagaimana seorang pemimpin PAS pusat iaitu Mazlan Aliman yang juga merupakan Pengerusi kepada NGO anak ataupun generasi kedua FELDA dikatakan telah meracuni dan mempengaruhi anak-anak peneroka FELDA ataupun generasi kedua FELDA untuk membenci kerajaan melalui ceramah-ceramah dan juga buku yang diterbitkan iaitu '*FELDA Dulu Tolong Sekarang Ah Long*'.

Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Permatang Pauh adakah generasi kedua FELDA ini begitu kurang cerdik sehingga boleh dipengaruhi oleh seorang aktivis dan juga sebuah buku ataupun memang sebenarnya mereka menyedari kepincangan dan penyelewengan yang telah dilakukan oleh pengurusan FELDA ke atas mereka. Minta penjelasan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini memang kalau wakil-wakil rakyat UMNO apabila berucap biar rakyat itu sedar sedikit semua dihasut. Kalau mahasiswa sedar sedikit ini semua dihasut. Dia dulu tidak apa sekarang semua kena hasut. Bagilah ruang sedikit, takkanlah rakyat FELDA generasi kedua ini ada peguam, ada akauntan yang cukup terlatih, dia hendak suarakan hak dan kepentingan tidak terbela, pengkorporatan untuk memperkaya beberapa kerat. Berilah ruang apa salahnya. Takkan semua orang kalau beda pendapat penghasut belaka.

Jadi sebab itu saya sebut di sini FELDA kerana memang panjang dibicarakan. Baik disentuh di dalam titah Tuanku dan juga oleh pencadang usul dari Kuala Krau. Syarikat untung berbilion ringgit. Tujuannya ialah menjamin keselesaan hidup. Pemantauan tentang perjalanan syarikat tidak ada kerana ini satu korporat entiti dan dia buat belanja banyak mana sekali pun. Tidak ada pertanggungjawaban dari sudut ini terutama bagi kepentingan peneroka. Saya tahu juga bukan semua wakil rakyat UMNO yang bersetuju dengan cadangan ini kerana saya tahu dalam dialog mereka ada yang melahirkan rasa kesal kerana tidak ada kesediaan FELDA untuk membawa rombakan sedikit.

Tanam sendiri umpamanya, wang caruman peneroka di dalam tabung tanam semula RM17,000. Apa yang ditimbulkan masalah ini ialah halangan bagi yang sedia dan mendapatkan beberapa kemudahan sendiri dan juga apabila ada usaha menanam persendirian mereka dibayar hanya RM7,000 dari wang yang mereka carum di tabung tanam semula. Jadi ada diskriminasi. Akan tetapi kalau FELDA yang mengendalikan, pulangan yang lebih baik, itu dapat kita mempertahankan. Dalam kes ini seperti mana fakta sendiri yang saya dapat di beberapa kawasan di Negeri Sembilan, peneroka yang tanam sendiri itu pulangannya lebih menggalakkan, lebih baik. Jadi patut kita beri kesempatan.

Saya masih ingat dan saya memang ucap terima kasih kerana orang-orang miskin di Pulau Pinang dahulu baru merdeka apabila buka rancangan tanah ramai berhijrah ke Pahang dan sedikit ke Negeri Sembilan. Akan tetapi sekarang generasi kedua dia sudah anak Pahang, masuk ke generasi ketiga tetapi tidak boleh dilayan dengan mengetepikan perjanjian asal antara peneroka dan FELDA kerana apabila mereka berjaya, FELDA akan mengesyorkan kepada kerajaan negeri supaya dikeluarkan geran tanah.

Saya ke Jerantut baru-baru ini ada yang sudah sepuluh tahun selesai bayar tetapi geran tanah tidak diberikan. Sepuluh tahun selesai bayar semua hutang, langcai hutang tetapi geran tanah tidak diberikan dengan alasan, oh kalau diberi geran tanah akan dijual. Itu hak dia. Kalau kita hendak menjaga kepentingan dia harus ada satu cara atau kaedah untuk mengawal kepentingan supaya tidak ditipu ataupun menjadi mangsa kepada syarikat-syarikat persendirian yang lain.

Jadi sebab itu apabila mereka mengenakan peraturan baru menekan peneroka menandatangani perjanjian baru dan di dalam perjanjian baru itu peneroka menyerahkan tanah ladang mereka kepada FELDA dan mereka tidak dibenarkan menanam semula secara persendirian lagi. Tekanan ini tidak adil. Pulangan dia buat sendiri lebih baik dari paksa buat perjanjian baru, kerana dia tidak ada modal dan ini keadaannya. Hantaran buah sawit pun begitu juga. Peneroka dikenakan tahanan sehingga 20% dari pendapatan dari setiap hantaran. Ini terlalu tinggi. Mana dia Menteri berkenaan, mana dia Pengerusi FELDA?

■1650

Dia bercakap bagi pihak korporat atau bagi pihak peneroka? Kalau bagi pihak peneroka dia patut sekurang-kurangnya dengar. Adakah adil potongan itu 20% dalam keadaan dengan keuntungan berbilion-bilion ringgit oleh syarikat FELDA. *Detail* nya memang dia tahu. Masalah perahan pun begitu juga. Tidak kurang perahan 22% kerana buah mengkal dan muda sudah ditolak tetapi hampir keseluruhan peneroka hanya mendapat perahan hingga ke tahap 19% sahaja. Setiap peneroka kehilangan tidak kurang daripada 3% sehingga 5%.

Kemudian tentulah isu perwarisan yang dibangkitkan dan ini isu besar kerana timbul apabila peneroka asal meninggal dunia, isteri atau anak yang tertua mungkin diletakkan sebagai pemilik dan empat atau lima orang anak yang lain tidak dibenarkan memiliki tanah itu. Ini dikatakan supaya jangan ada masalah *fragmentation*. Akan tetapi, negara dengan sistem yang canggih ini boleh menyelesaikan masalah ini. Jangan menyetepikan hak anak-anak yang lain.

Selain daripada itu, tentulah ada masalah generasi kedua. Generasi kedua ini disebut masalah sosial, masalah dadah dan sebagainya. Mengapa tidak ada penekanan menjamin mutu pendidikan lebih baik, gerakan dakwah yang lebih berkesan, sistem sosial dan jaringan golongan muda yang lebih baik? Ini harus ditangani kerana ini satu gejala sosial buruk yang merebak di kawasan FELDA yang harus ditangani dengan baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Berjalan masuk ke Dewan]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya hendak tunggu Yang Berhormat Sri Gading. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kerana ruang diberikan untuk saya menyampaikan Ucapan Menjunjung Kasih Atas Titah Yang di-Pertuan Agong. Saya rumuskan keperluan kita melihat kelima-lima pertikaian ekonomi supaya kita dapat membetulkan kelemahan-kelemahan yang ada.

Akan tetapi, saya ingin tekankan supaya jangan dianggap ini serangan agak peribadi tetapi saya tekankan bahawa Titah Diraja ini harus kembali sebagai Titah Diraja yang dipersembahkan oleh Perdana Menteri dan tidak dijadikan sebagai Titah Diraja yang dimasukkan ayat-ayat memuji Perdana Menteri. Perkara ini belum pernah berlaku walaupun Yang Berhormat Sri Gading tidak mahu akui, dia sudah berapa penggal, dengar berapa puluh Titah Diraja. Tidak ada Titah Diraja yang diperalatkan sebegini rupa. Senyum sahaja tidak cukup Yang Berhormat Sri Gading.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya akhiri dengan mengukir kenyataan pendeta Za'ba, tokoh pendeta Melayu terulung yang mula menulis pada tahun 1919 dan tahun 1920. Kata Za'ba, "Apa erti perubahan, pembangunan, kecelikan daripada kepercayaan yang bodoh?" Kita tahu siapa. "Melemahkan akal kepada kepercayaan yang cerdas, membebaskan fikiran". Itu seorang tokoh pemikir Melayu menulis pada tahun 1920. Tidak boleh kita kongkong dan belenggu pemikiran orang.

Merdeka 52 tahun, media jadi alat murahan. [Tepuk] Tidak boleh ada pandangan berbeda. Apa erti merdeka kata Za'ba kalau tidak membebaskan fikiran. Dengar! Tidak setuju tidak mengapa, jangan halang, jangan ugut, jangan pukul orang seperti yang berlaku di Kampung Baru baru-baru ini. Ada perhimpunan aman. Pukul! Itu kenyataan pertama Za'ba pada tahun 1920.

Akan tetapi peringatannya tatkala melawan penjajah Inggeris peringkat awal, seorang tokoh yang cukup berani tetapi peringatannya konsisten sepanjang zaman. Kita mesti ada semangat pembaharuan berterusan. Kita mesti menolak, menentang, merubah kezaliman pemerintahan berdasarkan hawa nafsu. Kita tahu siapa. Kezaliman pemerintahan berdasarkan hawa nafsu, tidak mengikut *rules of law*, tidak ikut. Guna kuasa.

Tidak peduli tentang peraturan dan hukum. *Brute force, tyranny of the majority*. Itu pun majoriti yang diambil tidak semestinya secara telus. Tidak bolehkah Malaysia setelah 52 berganjak sedikit, hormat sedikit perbezaan pendapat, hak asasi? Jangan hina orang. Islam itu hebat, ketinggian Islam itu bukan kerana ia pandang rendah kepada orang lain. Rasulullah SAW [Bercakap dalam bahasa Arab] itu kerana rahmat kepada sekalian alam, bukan kerana menghina, berbicara dengan angkuh agama-agama lain. Apabila saya pertahankan umpamanya hak menggunakan kalimat Allah itu bukan bermakna saya ini pro Kristian. Saya juga bersandarkan fatwa Sheikh Yusuf Al-Qaradawi. Hendak berbeza pendapat, beza pendapat dengan dia tetapi kita patut lihat ini sebagai perbezaan pendapat kalau ya pun.

Akan tetapi, bolehkah kita hendak pertahankan dasar Kerajaan UMNO Barisan Nasional? Dia hendak pertahankan Allah, tetapi Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Wilayah boleh pula. Ternyata tidak konsisten dan tidak ikhlas. Itu sebab, hentikanlah cara kita menggunakan kuasa rakus, gunakan umpamanya ucapan dan kuasa, hina dan aibkan orang. Cuma, apabila kita kritik juga difitnah. Itu sebab saya pada hari ini dalam soal ekonomi sengaja saya pilih mengambil waktu hanya membaca angka dan data yang agak membosankan. Akan tetapi, saya rasa cukup pada tahap ini.

Saya tidak tahu sama ada Menteri MITI tadi dengar tentang ASEAN *Secretariat Database* yang saya kemukakan, yang dia pertikaikan semalam. Boleh jadi dia dengar ringgit dengan USD. Saya terima baiklah. Akan tetapi, harus ada keinginan untuk bawa perubahan terakhir ini. Saya hairan. Ada Ahli Yang Berhormat kata kawan dahulu, kawan lama, tidak apalah, kawan atau lawan itu tidak boleh zalim. Kawan atau lawan itu pun kita tidak boleh gunakan oleh kerana kita ada kuasa, kita boleh buat sewenang-wenangnya.

Kita mesti tunduk kepada hukum. Tidak boleh umpamanya fikir, oleh kerana kita ada kuasa, kita boleh aibkan orang sedemikian rupa dan kita rasa kita boleh lepas dengan cara itu semata-mata dengan *brute force*. Jadi, mudah-mudahan kita diberikan kekuatan kerana kata Za'ba sekali lagi, "Berubah dari kezaliman pemerintahan berdasarkan hawa nafsu". Kalau diambil *commission*,

tidak siasat. Kalau ada kes pembunuhan, boleh *cover up*. Kalau ada tindakan umpamanya, tengok. Kalau ada kekuatan hendak beli, beli orang. Kalau tidak, ugut. Itu dikatakan kezaliman pemerintahan berdasarkan hawa nafsu.

Kepada apa tanya Za'ba. Kezaliman hawa nafsu itu diganti dengan apa? Kepada kesolehan. Mestilah kepada adab dan soleh. Mudah-mudahan Allah memberikan kekuatan, terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru.

4.58 ptg.

Dato' Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum dan salam kebebasan. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Inilah ucapan sulung saya sebagai Ahli Parlimen Bebas dan saya mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada saya oleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada 12 Februari 2010, saya terpaksa mengambil langkah berani berhijrah daripada PKR menjadi Ahli Parlimen BEBAS tanpa ikatan kepada mana-mana parti.

Asas kepada penghijrahan ini adalah kerana keraguan telah menyelubungi keyakinan saya kepada perjuangan PKR dan Pakatan Rakyat. Saya sebenarnya tidak berhasrat untuk mengungkit isu penghijrahan saya dan keluar daripada PKR. Akan tetapi, kerana tindakan *character assassination* dengan izin terhadap saya, ahli keluarga dan rakan-rakan yang memilih untuk berhijrah keluar daripada PKR, saya tidak ada pilihan untuk mendedahkan mengapa saya memilih untuk berhijrah.

■1700

Keraguan saya adalah berdasarkan kepada perubahan landasan perjuangan Pakatan Rakyat yang berteraskan reformasi dan perubahan sudah menjadi perjuangan untuk agenda peribadi. [*Dewan riuh*] Ini terbukti apabila pembohongan dan putar belit agenda 16 September terbongkar. Agenda merampas Putrajaya *at all cost* dengan izin, keghairahan mereka sehingga terhegeh-hegeh menghantar delegasi sandiwara dianggotai oleh Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bukit Lanjan, Yang Berhormat Machang dan lain-lain ke Taiwan... [*Dewan riuh*] Untuk membuntuti Ahli Parlimen Barisan Nasional demi melakukan agenda sempit mereka.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya masih teringat bagaimana pada masa itu kami Ahli Parlimen Pakatan Rakyat diperalatkan, digulagulkan dan dipermainkan. Kami dibohongi kononnya jumlah Ahli Parlimen Barisan Nasional yang telah melompat sudah lebih daripada mencukupi, kami diperdaya dengan cerita kononnya Yang di-Pertuan Agong dikatakan sedang menunggu di Istana...

Beberapa Ahli: Bohong!

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Untuk mendapatkan pengesahan jumlah Ahli Parlimen Barisan Nasional yang akan melompat dan memberi perkenan Tuanku untuk Pakatan Rakyat membentuk Kerajaan

Persekutuan. Malahan Yang di-Pertuan Agong dikatakan merestui Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai Perdana Menteri keenam... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Berani bagi laluan. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya minta tarik balik.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Berani bagi laluan...

Seorang Ahli: *Do not lie. You sudah...* *[Dewan riuh]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bagi peluang, bagi peluang Yang Berhormat bercakap.

Seorang Ahli: Duduk, duduk!

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Nama Yang di-Pertuan Agong dikaitkan dengan saya. Jadi saya minta ini dibetulkan menggunakan peraturan mesyuarat.

Seorang Ahli: Hak untuk didengari Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Ha, baru kena batang hidung. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Janganlah takut, bagilah peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Pemerintahan berdasarkan hawa nafsu, inilah... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan 36(8) "*Kelakuan atau sifat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja Melayu, Yang di-Pertua Negeri, hakim-hakim dan sebagainya atau mana-mana suruhanjaya tidak boleh disebut kecuai dengan dikeluarkan usul*" Jadi *be careful*, berhati-hati ya?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya hanya menceritakan apa yang berlaku.

Seorang Ahli: Tarik balik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tarik balik!

Beberapa Ahli: Teruskan. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlulah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *I have cautioned him* Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat .

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya itu sahaja, kami juga disogok dengan cerita kononnya Panglima Angkatan Tentera Malaysia juga memberi sokongan pembentukan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dia...
[Dewan riuh]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: ...Oleh Pakatan Rakyat yang diketuai oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Pada masa itu, kami Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat... *[Dewan riuh]*.

Seorang Ahli: *Where is the privilege?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Cukup Yang Berhormat, boleh... *[Disampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia ini...

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Ini lantai saya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau dia boleh menipu dalam Dewan ini..

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan, Tuan Yang di-Pertua *point of order*.

Seorang Ahli: Hei... Yang Berhormat Bayan Baru berdiri pasal apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia dibenarkan.

Seorang Ahli: Tidak malu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh berucap kecuali mencelah dan mendapat izin Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta mencelah.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya hendak cakap Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta mencelah.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya tidak beri mencelah.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, *point of order*. *Point of order* yang mana Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: 36(6) "*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli yang lain...*" *[Dewan riuh]* Isu ini tidak ada kena mengena dengan titah ucapan Baginda. Ini isu yang ditujukan untuk menyerang seseorang individu dan tidak memberi peluang untuk individu itu menjawab. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, 36(6) "*Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas ahli-ahli yang lain...*" Saya melihat setakat ini ucapan Yang Berhormat Bayan Baru tidak melanggar peraturan 36(6). *[Tepuk]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menceritakan apa yang benar dan apa yang telah berlaku dan beri alasan kenapa saya keluar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Kita mahu tahu.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Pada masa itu juga Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Kita mahu tahu.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Kami Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat khususnya PKR pada masa itu, diarah berada di dalam kawasan Parlimen untuk pengambilan alih kuasa tersebut yang dikatakan berlaku pada bila-bila masa. *[Sebahagian ahli bersorak] [Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: So, bila tidak berjaya, manusia ini hanya hendak ikut yang berkuasa sahaja, tidak jadi berkuasa hendak bertindak. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia berucap Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Sekarang ini mengaku *you* hendak pindah ke Barisan Nasional.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Batu, duduklah, duduk. *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kerana kita tidak berjaya mengambil kuasa.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *Are you saying that, when you cannot get power, now you shifting to the power.* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Adakah ini... lalah, apabila dia tidak jadi, dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya kesali sikap Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bayan baru menceritakan apa keadaan yang sebenarnya, biarlah kita dengar. Yang Berhormat Permatang Pauh bercerita tiga jam lamanya, kita dengar, kita sabar. Bukan semua Yang Berhormat Permatang Pauh punya hujah itu benar, tetapi kami sabar dengar kerana menghormati hak seorang Ahli Parlimen dalam perbahasan Dewan yang mulia ini, hak-hak mereka mesti diberikan. Apakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru, sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Berfikiran bahawa...

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya minta sambung...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bayan Baru membawa fitnah yang bukan-bukan, dia menceritakan keadaan yang telah berlaku. *[Dewan riuh] Saya ulangi... [Dewan riuh]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hei, hei! Yang Berhormat Permatang Pauh mana hendak pergi itu? Yang Berhormat Permatang Pauh. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Berani tunggu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Cerita tentang...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: Duduk, duduk Yang Berhormat Permatang Pauh. *[Sambil menunjuk ke arah Yang Berhormat Permatang Pauh] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Sampah...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *Take the sampah to your house* lah.

Seorang Ahli: Sudahlah! Malulah...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Takut! Takut! Takut! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta diam Yang Berhormat. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat diam dan bertenang. *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Apa ini? Apa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ini sudah takut, letak jawatanlah.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, duduk Yang Berhormat. Duduk di kawasan tempat duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Apa ini? Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, saya minta yang memilih untuk duduk, saya minta duduk di kawasan masing-masing.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Rasuah, rasuah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Malu kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh] [Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai) dan Tuan Chua Tian Chang (Batu) bersorak sambil menyebut rasuah! Rasuah! Rasuah!]*

Seorang Ahli: Tangguhkan Dewan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Biar kena atas batang hidung sendiri. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Penakut, penakut!

Seorang Ahli: Macam beruklah... Macam beruk.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Bangun]*

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru... *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bayan Baru.

Seorang Ahli: Baru sedikit...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Duduk, Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat bertenang Yang Berhormat.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Ada lagi empat orang lagi.

■1710

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat...*[Dewan riuh]*

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]* Hei! *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Tangguhkan Dewan, tangguhkan Dewan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Bila kena atas batang hidung sendiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penakut.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat..

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Baru sedikit. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat bertenang, Yang Berhormat...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Duduk, diminta duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *[Bangun]* Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Suruhlah mereka keluar. Kalau tidak mahu bising suruh mereka keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Halau keluar.

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Mereka tidak boleh bising dalam Dewan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh berucap nanti selepas Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Bayan Baru... boleh dengar daripada bilik...*[Dewan riuh]*

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Kalau bising mereka perlu keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Ahli-ahli yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain minta duduk Yang Berhormat. Duduk.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, adakah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Adakah ambil gambar dibenarkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Nothing wrong, you can say anything here.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak salah, Yang Berhormat. Yang Berhormat Bayan Baru sedang berucap. Beliau boleh berucap apa subjek pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Beberapa Ahli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada halangan, Yang Berhormat. *Just like your position. You are allowed to speak anything. Ya.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya..

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta agar kamera pengambilan gambar dihentikan. Tidak dibenarkan mengambil gambar dalam Dewan, Yang Berhormat. *Please.* Yang Berhormat Sri Gading. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin laluan Yang Berhormat Bayan Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta izin sekarang.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebelum Yang Berhormat Bayan Baru sambung saya mencelah dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sudah minta mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tadi saya sudah minta sebelum Yang Berhormat Sri Gading mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai. *[Dewan riuh]* Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya minta sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat yang memilih untuk keluar, keluar. Yang memilih untuk duduk, duduk di kerusi masing-masing.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap. Sebentar Yang Berhormat. Duduk. Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dengan izin Yang Berhormat Bayan Baru. Kalau inilah contoh tauladan yang ditunjukkan oleh sebahagian besar Ahli Parlimen Pembangkang, saya menyeru rakyat lihatlah gelagat mereka! Yang... *[Dewan riuh]* tidak layak memerintah negara... *[Tepuk]* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak layak sama sekali memerintah negara ini. Bagaimana nanti nasib rakyat hendak diserahkan kepada jenis parti pembangkang yang seperti ini. Ini amat melampau.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan mencelah, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya setuju terima Yang Berhormat Sri Gading punya. Minta Dewan bubar Parlimen!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bubar Parlimen!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bubarkan Parlimen...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hei! *You* jangan main-main. *You* hendak apa? *[Dewan riuh]* *You* hendak apa dengan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Padang Serai, tidak boleh berdebat macam ini Yang Berhormat. Tidak boleh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* jangan! Saya... minta kebebasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau saya mahu dia cakap betul, saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta dia minta Perdana Menteri bubar! Kita tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu isu yang lain, Yang Berhormat! Itu isu yang lain. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bising di sini tidak guna! Turun jumpa rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You shut up!*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau berani bubarlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain... Ahli-ahli Yang Berhormat, bubar Dewan isu yang lain Yang Berhormat. *Nothing to do with ... [Dewan riuh]* Tiada kena mengena Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tidak payah bubar, ramai lagi yang mahu lompat. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Diam!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kita lawan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk. Yang Berhormat Padang Serai. Saya minta yang lain bertenang Yang Berhormat. Saya minta sekarang Yang Berhormat Bayan Baru untuk meneruskan perbahasan. *[Dewan riuh]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *[Bangun][Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah *state of denial* yang ada sekarang ini.

Beberapa Ahli: Ya. *[Tepuk] [Dewan riuh] [Tepuk]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya hendak teruskan. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, keluarkan dia. Keluarkan dia, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, kami juga dibohongi. Kononnya salah seorang Timbalan Speaker akan mepengerusikan usul undi tidak percaya yang akan dikemukakan terhadap kerajaan sekarang... *[Disorak]* dan menyokong Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Persekutuan.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Mencilah, mencilah. *[Dewan riuh]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Begitulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Duduklah. Beri saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Tidak bagi jalan. *[Dewan riuh]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Begitulah...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Mengapa ambil 12 bulan untuk memberitahu pendirian ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Mengapa sekarang baru cakap?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk, duduklah.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ya...

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Begitulah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, sandiwara pembohongan "Agenda 16 September".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta mencelah. Tadi dia beri pada Yang Berhormat Sri Gading. *[Dewan riuh]* Saya minta mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta mencelah! *[Dewan riuh]* Saya pun mintalah! Saya mahu mencelah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai cukuplah ini. Dia tidak bagi jalan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat. Yang Berhormat Bayan Baru, adakah Yang Berhormat izinkan Yang Berhormat Padang Serai...

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak, saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Untuk mencelah?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Tidak bagi Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Padang Serai, saya minta Yang Berhormat duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia tidak bagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi. Cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sekali lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta dia mencelah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Okeylah, cakaplah, cakap! *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Hah... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya ucap terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bayan Baru, saya... *[Dewan riuh]* saya mahu tanya dengan Yang Berhormat Bayan Baru, *[Dewan riuh]* beri penjelasan apa sahaja yang dia sebut tadi itu semuanya tidak ada fakta, tidak ada apa. *[Disorak]*. Padahal kami ada fakta, Yang Berhormat Bayan Baru memohon untuk kontrak menjaga Golf Bukit Jambul dengan melalui satu Syarikat Dua Ringgit.

Seorang Ahli: Tipu!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tanya dengan *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Bayan Baru. Soalan saya, saya tanya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]* Ini Yang Berhormat Padang Serai hilang akallah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* hilang akallah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sedang mencelah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apakah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Di dalam soalan dia menceritakan perkara yang berlaku.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apakah Yang Berhormat Bayan Baru yakin bahawa dengan Syarikat Dua Ringgit itu di mana dia mahu berlaku adil, dia mahu menuntut kebenaran, dia mahu berjuang dengan keadilan dan pada masa yang sama dia sebagai Ahli Parlimen, dia sebagai pengerusi satu syarikat *chairman*, dia pergi mohon. Dia minta dan merayu supaya diberikan *Bukit Jambul Golf Course* kepada dia. *[Dewan riuh]* Apakah... *[Dewan riuh]* Nantilah saya cakap! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta dia orang diam. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya belum habis.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Hei! Dia ada hak sendirilah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, kita ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan berucap, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu penjelasan! Penjelasan daripada Yang Berhormat Bayan Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, jangan berucap Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Walaupun orang macam saya sepuluh tahun dalam Keadilan *[Dewan riuh]* akan tetapi bila Yang Berhormat Bayan Baru mahu jadi calon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat yang lain saya minta diam, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat! *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey, saya sambung ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat. Pendekkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta mereka jangan kacau.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kata tadi hebat. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi..

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dengarlah! *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, Yang Berhormat Bayan Baru diberi keyakinan...

Seorang Ahli: Tipulah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia diberi keyakinan untuk menjadi Ahli Parlimen, dan rakyat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Memilih dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Akan tetapi selepas dua tahun, bila dia melihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia gila kuasa. Dia mahu kuasa...

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia mahu jadi kaya. Dia mahu rasuah. Dia...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Cakap merapu sahaja! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai! Cara yang itu nanti apabila Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat boleh berucap nanti. Boleh keluarkan nanti ketika Yang Berhormat diberi peluang berucap Yang Berhormat boleh berucap macam itu.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Cakaplah! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup! Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Nanti, saya mahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Bayan baru kenapa selepas dua tahun sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia tiba-tiba mengatakan ini. Mengapa satu tahun dahulu...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ini apa cakap tidak ada kena mengena sahaja! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Merapu sahaja! Duduklah! Tidak ada kena mengenalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini tidak boleh jadi. *[Dewan riuh]* Tidak boleh jadi. Kenapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup-cukup.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Selepas 700 lebih hari [*Dewan riuh*] baru dia kata “*Ha, ini tidak betul*”. Kenapa hari ini? [*Dewan riuh*]

Tuan Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Merapu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menteri Undang-undang pun ada sebelah dia! [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta Yang Berhormat Bayan Baru jelaskan kenapa tunggu 700 hari.

Seorang Ahli: *Amma!* [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cukup! Perkataan tidak baik itu. [*Dewan riuh*]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: [*Ketawa*] Saya jawablah. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jawablah. [*Dewan riuh*]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah daripada Yang Berhormat Padang Serai apa yang dikatakan tadi katakan di luar, senang saya hendak bawa ke mahkamah.

Beberapa Ahli: Ya. [*Dewan riuh*]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Jangan cakap di Parlimen! Saya tidak...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya tidak akan menjual bangsa, agama dan negara saya [*Dewan riuh*] kerana isu padang golf. [*Dewan riuh*] Biar saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya kena jawab itu Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Mana boleh jawab, mana boleh jawab. [*Dewan riuh*]

■1720

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, sandiwara 16 September telah menyebabkan akhirnya keraguan mengatasi keyakinan saya terhadap perjuangan PKR. Bermakna *doubt has overtaken my faith* dengan izin... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

Keyakinan saya terhadap perjuangan Pakatan Rakyat hancur berkecai apabila melihat amalan politik sempit yang ditunjukkan oleh kepimpinan oleh Yang Berhormat Bagan, merangkap Ketua Menteri Pulau Pinang... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Yang Berhormat Bagan ini adalah pemimpin DAP yang sama, yang ditolak dan ditendang oleh DAP Melaka sehingga terpaksa merempat ke negeri lain...

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Okey?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Makin hari makin terserlah sikap *dictatorial, chauvinist, extremis*...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Komunis!

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Anti Islam dan fikiran ala komunis beliau...

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya hendak bagi habis dahulu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Bagi saya jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri, tidak beri lagi Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Dahulu cogannya "*Malaysian Malaysia*" tetapi apabila slogan itu menjadi propaganda bankrap...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Peraturan 33(6).

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Dan ditolak rakyat, slogan baru "*Middle Malaysia*" pula dikompangkan. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya hanya ingin dapat penjelasan satu. Saya memang turut bersimpati dengan kesedaran yang terlewat itu... [*Dewan riuh*] Saya hanya ingin tanyakan perkara ini. Nanti, biar saya tanya... [*Dewan riuh*] Apabila Yang Berhormat Bagan kemukakan nama Yang Berhormat Bayan Baru untuk mendapatkan anugerah Dato' 'Seri' ini sama ada ini dalam pemikiran beliau atau tidak. Kalau dia seorang yang berprinsip dan tolak sikap diktator, sikap ala komunis oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Bagan, kenapa sebagai seorang insan yang bermaruah, terima pangkat anugerah dari Kerajaan Negeri Selangor?... [*Dewan riuh*] Saya ingin dapat penjelasan dari...

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Batu ini tidak reti. Dia mungkin tidak pernah dapat anugerah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu Ketua Menteri Pulau Pinang perasan.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Pingat yang saya terima adalah dari Tuan Yang Terutama, Gabenor Pulau Pinang... [*Dewan riuh*] Bukan daripada Yang Berhormat Batu ataupun Bagan. Saya minta teruskan. Orang PAS diamlah. Jangan jadi malu. Saya malu dengan PAS ini sanggup bersekongkol dengan DAP.

Slogan baru ini jelas membuktikan agenda perkauman yang sempit, yang dibawa oleh Yang Berhormat Bagan. Nasib bangsa Melayu dan umat Islam makin terpinggir dan makin teraniaya. Bukan sahaja golongan bawahan dan marhaen teraniaya malahan institusi Islam juga dipertingkatkan. Bukan sahaja institusi seperti

Pusat Zakat menjadi mangsa mainan politik cauvinis mereka, malahan cubaan membatalkan sambutan perarakan Maulidur Rasul membuktikan sikap anti Islam yang menebal di bawah pimpinan Yang Berhormat Bagan... [Tepuk]

Bila perkara ini dibawa, dia bohong. Kata perkara itu tidak berlaku. Ini pembohongan besar. Namun Yang Berhormat Bagan bukan sahaja gagal menjawab teguran dan kritikan saya sebaliknya memilih untuk melemparkan fitnah dan tohmahan yang jahat terhadap saya dan ahli keluarga kononnya terlibat di dalam tender Golf Bukit Jambul melalui syarikat modal dua ringgit yang anak saya kononnya mempunyai kepentingan. Saya telah pun mengarahkan peguam saya supaya mengambil tindakan undang-undang terhadapnya... [Tepuk] Dan yang paling malang tindak-tanduk diktatorial, cauvinis, ekstremis anti Islam dan ala komunis Yang Berhormat Bagan mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh... [Tepuk]

Seorang pemimpin Melayu yang kononnya menjadi juara Islam, juara keadilan, dan juara segala-galanya. Sikap Yang Berhormat Permatang Pauh ini telah mengembalikan ingatan saya kepada lipatan sejarah yang lalu. Kini saya menyedari bahawa kini berdepan dengan seorang manusia yang bertopeng pelbagai watak raksasa, pelbagai wajah... [Dewan riuh]

Ini juga watak yang sama, yang menyokong pemecatan Tun Salleh Abas pada tahun 1988 yang membawa kepada kehancuran badan kehakiman dan inilah badan kehakiman yang dipertikaikan kewibawaannya oleh Yang Berhormat Permatang Pauh hari ini. Alangkah ironisnya bagaimana roda keadilan berputar. Dahulu beliau bertindak menzalimi badan kehakiman, kini beliau pula yang mendendangkan lagu dizalimi oleh institusi yang beliau zalimi... [Dewan riuh]

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Balik Pulau sedikit boleh?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Kita tidak lupa inilah juga wataknya...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau sedikit, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Boleh, boleh, boleh. Kawan, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru atas ruang yang sempit ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati Yang Berhormat Bayan Baru kerana bukan orang baru, orang lama dalam politik Pulau Pinang. Umur 32 telah menjadi Ketua Bahagian UMNO Bahagian Tanjong. Satu perkara yang saya hormati. Memahami permasalahan Melayu memang saya rasa dia sepatutnya orang yang lebih hebat berbanding dengan..., apatah saya yang baru berjinak-jinak, baru jadi sama-sama dengan Yang Berhormat Bayan Baru.

Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Bayan Baru kerana saya tahu cita-cita untuk memajukan orang Melayu Balik Pulau, Bayan Baru, tolong orang

Pulau Pinang itu semua cita-cita saya juga. Cita-cita bersama kita, betul? Isunya di sini Yang Berhormat Bayan Baru mohon penjelasan sebab saya menganggap ini komitmen bersama kita...

Beberapa Ahli: Pindah, pindah!... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey. Yakinkah Yang Berhormat Bayan Baru, saya tahu perubahan ini berlaku krisis keyakinan itu sama masalah yang kita timbul selama 50 tahun. Selama 50 tahun diberi peluang di bawah kepimpinan UMNO Barisan Nasional, saya di Balik Pulau saya boleh bercakap saya hendak Melayu Balik Pulau..., Yang Berhormat Rembau kah, siapa kah bukan orang Balik Pulau.

Kita tahu bagaimana bebanan, kita tahu bagaimana *baggage* nya, perjuangannya. Balik Pulau hari ini Balik Pulau dahulu, apa bezanya? Kita tahu kita sama-sama berbincang apa masalah, gerai Melayu, apa masalah isunya apabila dirobah, apa persoalannya, apa isu Islam di Pulau Pinang. Ini dua tahun permasalahan yang kita bincang secara *detail*. Betul Yang Berhormat Bayan Baru? Persoalannya, mampukah kepimpinan-kepimpinan Yang Berhormat Bayan Baru tengok pada hari ini menyelesaikan masalah kita? Sebab tadi Yang Berhormat Bayan Baru menggunakan perkataan kami. Itu mungkin melibatkan saya. Saya Ketua Pemuda, saya terlibat dalam Biro Politik. Isu itu dibincangkan tetapi persoalannya mampukah kita? Persoalan yang besar. Kalau Yang Berhormat Permatang Pauh tidak mampu, mampukah ini semua? Di kala kebobrokan rasuah dan sebagainya lebih teruk.

Kita tahu Bayan Baru dan Balik Pulau bukan jauh. Saya lalu ikut situ juga, bas itu juga. Betul Yang Berhormat Bayan Baru? Saya hendak satu penjelasan Yang Berhormat Bayan Baru supaya kita hari ini bercakap mewakili kawasan Pulau Pinang yang cabarannya amat berat. Tolong jelaskan. Saya hormati keputusan Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih... [*Dewan riuh*]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat adinda saya... [*Dewan riuh*] Ya, kita seperjuangan, memang kita seperjuangan tetapi sayang dahulu ketua umum ada mengingatkan saya, PKR tidak harus *subservience* kepada DAP. Kita pegang kepada asas itu. Yang membelakangkan asas itu ialah ketua umum sendiri. Dia telah *subservience* kepada DAP. Ini masalahnya saudara. Sebab itu saya ada di sini sekarang... [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

Saya hendak teruskan. Saya hendak memperingatkan kawan-kawan saya kita harus tidak lupa watak yang membiarkan Almarhum Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom dipecat dan hari ini mendabik dada konon dia mahu memperkasa institusi Islam dan jangan kita lupa orang ini yang semasa berkuasa dahulu menggelar Sahibul Fadillah Tuan Guru Nik Aziz Mursyidul Am PAS sebagai ulama terompah. Terompah ini kita pakai hendak masuk jamban sahaja Tuan Yang di-Pertua. Inilah orangnya yang menjadi Hang Tuah membinasakan institusi Raja-Raja Melayu apabila isu kekebalan Raja-Raja Melayu berbangkit tahun 1990-an dan hari ini kononnya mahu mempertahankan institusi Raja-Raja. Sejarah tidak pernah berbohong...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [*Menyampuk*]

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Ini apa cakap ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak dengar Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Dia ganggu sedikit saya Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas... *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Sejarah Tuan Yang di-Pertua tidak pernah berbohong dan sejarah akan membuktikan bahawa kita sedang berdepan dengan seorang manusia yang sanggup buat apa sahaja untuk mencapai matlamatnya, dengan izin *political expediency at all cost*. Putrajaya sudah menjadi seperti milik mutlaknya tetapi saya yakin Putrajaya akan berubah menjadi mimpi ngeri beliau... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat masih panjang lagi.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tengah hangat ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat sambung besok... *[Dewan riuh]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya patuh... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga 10 pagi hari Khamis, 18 Mac 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.